

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 LATAR BELAKANG KAJIAN

Ibadat haji merupakan Rukun Islam yang ke 5 dan dikatakan juga sebagai rukun yang terakhir dalam Islam. Wajib bagi umat Islam yang mampu menunaikan ibadat haji dalam keadaan yang aman sekali seumur hidup. Menunaikan ibadat haji bererti telah menyempurnakan rukun Islam yang ke 5, untuk melakukannya seseorang itu mesti berkunjung ke Mekah. Di samping itu ianya dikerjakan cuma sekali dalam setahun iaitu pada bulan haji Zulhijjah dan diwajibkan ke atas umat Islam yang mampu. Kewajipan ke atas umat Islam untuk mengerjakan haji ini adalah berdasarkan firman Allah :

فِيهِ آيَاتٌ بَيِّنَاتٌ مَّقَامُ إِبْرَاهِيمَ ^ص وَمَنْ دَخَلَهُ كَانَ آمِنًا ^ط وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ ^ج مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا ^ح وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ عَنِ

الْعَالَمِينَ

al-Imrān 3:97

Terjemahan: Di situ ada tanda-tanda keterangan yang nyata (yang menunjukkan kemuliaannya; di antaranya ialah) Makam Nabi Ibrahim. Dan sesiapa yang masuk ke dalamnya aman tenteramlah dia. Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat Haji dengan mengunjungi Baitullah iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya. Dan sesiapa yang kufur (ingkarkan kewajipan ibadat Haji itu), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak berhajatkan sesuatu pun) dari sekalian makhluk.

Majoriti penduduk Indonesia beragama Islam, memiliki peluang untuk perjalanan haji yang terhad pada setiap tahun, menyebabkan masyarakat Islam Indonesia dan khususnya masyarakat Aceh perlu menunggu masa yang lama sebelum boleh mendaftarkan diri pada Jabatan Kementerian Agama di wilayah tempatan khususnya di Aceh, sedangkan dana penambahan peluang haji relatif besar. Hal ini menjadi penyebab utama umat Islam di Indonesia saling berebut peluang untuk menunaikan Haji.

Pada musim haji tahun 2011, masyarakat di Aceh telah pergi menunaikan ibadat haji seramai 4,824 orang, terdiri dari 1,972 lelaki dan 2,822 perempuan.¹ Manakala jumlah yang menunggu untuk ke Mekkah sehingga Januari 2012 telah mencapai 43,420 orang. Seseorang yang mendaftar untuk menunaikan ibadat haji pada tahun 2012, perlu menunggu antara 10-11 tahun sebelum ke Mekah. Sedangkan kuota haji pada tahun 2012 masih tetap seramai 3,924 orang.²

Provinsi Aceh, berasaskan data tahun 2011, daftar tunggu jamaah bakal calon haji Aceh kini mencapai 38,000 orang. Ertinya, seorang jamaah haji yang mahu menunaikan haji dari Aceh mesti menunggu beratur selama sepuluh tahun untuk boleh menunaikan ibadat haji.³

Jumlah senarai menunggu haji tersebut akan terus bertambah apabila peluang untuk berhaji tidak ditambah. Pemerintah memberikan peluang haji tetap kepada Aceh setiap musim haji sebesar 3,924 orang dan pada musim haji 2011 Aceh mendapat

¹ Kantor Berita Antara Repubika, 10 Februari 2012, <http://www.jurnalhaji.com/2012/02/10/daftartunggu-calhaj-di-aceh45-081-jamaah/>. Diakses tanggal Rabu, 21 Mac 2012

² Serambi Indonesia, Rabu, 11 Januari 2012 09:36 WIB, <http://aceh.tribunnews.com/2012/01/11/daftar-tunggu-jch-aceh-43,420-orang>. Diakses tanggal Rabu, 21 Mac 2012

³ Harian Analisis, Opini, Haji dan Semangat Berbagi, http://www.analisadaily.com/news/read/2011/11/05/20326/haji_dan_semangat_berbagi/#.T21vh2EaMZO-sabtu, 05 Nov 2011 00:40 WIB, Diakses tanggal Rabu, 21 Mac 2012

peluang haji tambahan sebanyak 1,152 orang. Jumlah tambahan tersebut masih belum mampu mengurangi senarai menunggu jamaah haji dari Aceh yang terus bertambah.

Para bakal calon jamaah haji Indonesia khususnya dari Aceh yang senantiasa resah dengan peluang haji yang terhad, terpaksa mengambil masa yang lama sebelum pergi menunaikan haji ke Mekkah. Mereka juga merasa sukar dalam mengumpulkan dana yang relatif besar jumlahnya. Namun ramai juga yang tidak mempunyai kemampuan kewangan, lebih memilih untuk mendaftarkan haji melalui jalur haji plus⁴, demi mengejar peluang yang tersedia, dengan melihat dana penambahan peluang relatif besar sedangkan pelaksanaannya masih beberapa tahun hadapan.

Dalam dunia moden, peranan perbankan dalam memajukan suatu negara sangatlah besar. Hampir semua bahagian yang berhubungan dengan berbagai kegiatan kewangan selalu memerlukan perkhidmatan perbankan. Oleh kerana itu, untuk sekarang dan pada masa hadapan tidak akan terlepas dari dunia perbankan dalam menjalankan aktiviti kewangan, baik individu ataupun suatu syarikat.

Penerimaan masyarakat masa kini terhadap sistem pengurusan pembiayaan ekonomi berteraskan Syariah Islam adalah merupakan satu matlamat ke arah bermulanya perkembangan dalam sistem perbankan. Ianya juga memberikan satu gambaran bahawa masyarakat Islam masa kini telah mula menerima sistem ekonomi Islam dalam kehidupan harian mereka.

⁴ Haji Plus: Jalur perjalanan ibadat haji non Kuota, haji yang juga diadakan secara rasmi oleh Kerajaan Indonesia melalui Kementerian Agama yang diberikan kemudahan dan perkhidmatan khusus secara mewah dan masa tunggu yang tidak terlalu lama iaitu antara 2 sampai dengan 3 tahun.

Banyak institusi konvensional telah mula mengubah sistem yang digunakan secara berterusan ke arah yang lebih Islami sama ada dari bahagian pengurusan, pembiayaan kewangan dan juga pelaburan. Penerimaan yang baik ini tentu mampu memberikan kecemelangan di masa hadapan dengan berasaskan kepada prinsip-prinsip Syariah.

Bank-bank Syariah ditubuhkan di Indonesia saling bersaing dalam pengadaan produk, dan juga memberikan perkhidmatan kepada masyarakat. Banyak produk-produk yang telah ditubuhkan Bank Syariah antaranya produk pembiayaan, simpanan dana, ataupun produk perkhidmatan, semua produk tersebut memiliki matlamat untuk memberikan perkhidmatan kepada masyarakat.

Produk perbankan Syariah yang sangat popular dan banyak diminati adalah produk pembiayaan. Produk pembiayaan merupakan salah satu peranan utama bank, iaitu pemberian fasiliti atau kemudahan penyediaan perkhidmatan dana bagi memenuhi keperluan pihak-pihak yang kekurangan.⁵ Produk pembiayaan ini mempunyai banyak jenis antara lain: produk pembiayaan penggunaan. Pembiayaan penggunaan diperlukan oleh pengguna dana untuk memenuhi keperluan yang boleh digunakan secara langsung. Keperluan penggunaan dapat dibezakan atas keperluan primer (pokok atau asas) dan keperluan sekunder. Keperluan primer misalnya, makanan, minuman, pakaian, rumah tinggal, mahupun berupa perkhidmatan, seperti pendidikan dasar atau pengubatan. Adapun keperluan sekunder adalah keperluan tambahan, yang secara kuantiti mahupun kualiti lebih tinggi dari keperluan primer baik berupa barang ataupun perkhidmatan, seperti pendidikan, hiburan dan sebagainya.⁶

⁵ Choir (2010): "*Tinjauan Pembiayaan*" April 4 at 02:38, <http://zonaekis.com/tinjauan-umum-pembiayaan/>, Diakses Kamis, 22 Mac 2012

⁶ Mahendra Dicky (2010): "*Kerangka analisis dana talangan haji*". <http://mahendradicky.blogspot.com/2012/01/kerangka-analisis-dana-talangan-haji.html>, diakses tanggal Rabu, 21 Mac 2012

Perbankan Syariah memiliki suatu produk yang dikhususkan untuk pelanggannya yang akan segera memiliki keinginan untuk berangkat haji. Produk seperti ini mempunyai pelbagai macam nama, seperti Tabungan Haji Indonesia dan Tabungan Arafah.⁷

Kelebihan lain dari Tabungan haji adalah bank juga dapat memberikan dana talangan kepada pelanggan yang mahu menunaikan haji tahun tersebut tetapi memiliki kesukaran kewangan. Bank boleh menyediakan dana talangan kos pelaksanaan ibadat haji sebelum tarikh masa akhir pembayaran, boleh dipastikan bahawa pelanggan mampu untuk mengembalikan dana talangan tersebut sebelum berangkat ke Mekah.⁸

Produk pembiayaan ini merupakan produk yang memiliki harapan baik kerana banyak masyarakat yang mempunyai keinginan untuk menunaikan ibadat haji, akan tetapi selalu memiliki kesukaran dengan masalah pembiayaan yang sangat mahal. Oleh kerana itu peranan perbankan Syariah sangatlah diperlukan. Melihat bank Islam bukan hanya sebagai tempat untuk mencari keuntungan melalui aktiviti pelaburan untuk memenuhi kehidupan dunia sahaja akan tetapi juga jalan untuk mendekati diri kepada Allah SWT.⁹

Perkembangan perbankan dan instituti kewangan Syariah mula bergerak dengan cepat, baik dalam bidang perekonomian nasional maupun antar bangsa. Kemunculan produk-produk inovatif berkembang secara cepat, seperti bentuk-bentuk kontrak hibrid dan saling bersaing dalam menawarkan produk-produk yang memberi kemudahan perkhidmatan kepada pelanggan yang adakalanya membuat fatwa-fatwa Syariah dan

⁷ Farida (2011), "*Tips Merancang Biaya Pergi Haji*", Jumat, 30 September, <http://travel-haji-umrah-bandung.blogspot.com/2011/09/tips-merancang-biaya-pergi-haji.html>, Diakses tanggal Kamis, 22 Mac 2012

⁸ Ali (2010), "*Tabungan Haji*", *Sangat Membantu Dan Menentramkan*", Senin, 01 November, <http://majalahpercikaniman.blogspot.com/2010/11/fokus-4.html>, Diakses tanggal Kamis, 22 Mac 2012

⁹ Mahendra Dicky (2010), *op cit.*

kompilasi hukum Islam di Indonesia, para pengamat perbankan dan kewangan Syariah serta pakar ahli ekonomi Islam mesti memahami dengan baik perkembangan terkini tentang inovatif produk perbankan dan institusi kewangan Syariah tersebut. Syariah Islam sebagai suatu hukum yang dibawa oleh Rasulullah SAW, mestilah menjadi matlamat utama dalam setiap produk dan amalan perbankan Syariah.

Kini, dunia perbankan dan institusi kewangan Syariah mengalami perkembangan yang sangat cepat. Produk-produk yang inovatif juga bertumbuh bermacam-macam, sehingga beberapa bentuk akad multi perkhidmatan tidak boleh dielakkan lagi seperti amalan pembiayaan dana talangan haji untuk para bakal calon yang ingin menunaikan haji. Sebahagian orang menanggapi bahawa dana talangan haji sebagai aplikasi dari akad *al-qard* (pinjaman) dan *Ijarah* (sewaan). Bank Muamalat merupakan salah satu institusi yang berkhidmat dalam membantu bakal calon jemaah haji dalam proses pendaftaran ibadat haji ke tanah suci.

Melihat realiti bahawa jumlah dana penambahan peluang haji relatif tinggi, dan ini menjadi salah satu sebab hilangnya minat para bakal calon jemaah haji atau bahkan menunda kewajipan mereka, maka Bank Muamalat selaku perbankan Syariah mewujudkan produk “Talangan Haji” yang memberikan kemudahan atau keringanan kepada bakal calon jemaah haji yang masih kekurangan atau kesukaran dana. Produk Talangan Haji ini diberikan dengan ketentuan-ketentuan yang telah disetujui, seperti contoh bakal calon jemaah haji yang hendak mendaftarkan diri dengan menggunakan kemudahan talangan haji yang telah disediakan oleh bank mesti mendaftar melalui pihak-pihak yang telah ditentukan sebagai penanggung jawab.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Kini banyak pelanggan yang mahu menunaikan ibadat haji menggunakan perkhidmatan dari bank. Apabila masa pendaftaran haji sudah dimulakan, maka bank akan mendaftarkan pelanggannya sebagai bakal calon jamaah haji hingga mendapatkan kepastian untuk berangkat menunaikan ibadat haji pada musim haji berikutnya. Bahkan sekarang ini, pemerintah hanya menerima pendaftaran haji melalui tabungan haji dan pada institusi perbankan supaya boleh memberikan had peluang haji.

Banyak bank yang sudah menawarkan produk talangan haji kepada pelanggan yang mahu menunaikan ibadat haji dengan menggunakan perkhidmatan daripada bank konvensional yang menggunakan sistem faedah. Apatah dalam pembiayaan ini yang ditawarkan oleh bank Syariah sama dengan yang dijalankan oleh bank konvensional. Pembiayaan bagi talangan haji ini pada asasnya menggunakan akad *al-qard* iaitu pembiayaan berdasarkan pinjaman kemurahan hati dengan tiada pulangan. Akan tetapi bank lazimnya adalah institusi yang senantiasa mengambil keuntungan pada setiap transaksi yang dijalankan, bagaimana bank boleh mendapatkan keuntungan dari pembiayaan jenis ini.¹⁰

Persoalan asas juga adalah masalah pendanaan. Untuk mendapatkan peluang haji, bakal calon jamaah mesti membayar kos perjalanan ibadat haji, tetapi kos yang tersedia tidak mencukupi untuk pembayaran perjalanan ibadat haji. Dalam kegiatan ini, Dewan Syariah Nasional (DSN) memberikan kesempatan kepada institusi kewangan Syariah (LKS) untuk memberikan perhatian terhadap keperluan masyarakat dalam pelbagai produknya, termasuk pengurusan haji dan talangan pembayaran kos perjalanan ibadat haji.

¹⁰ *Ibid.*

Setiap perbankan menawarkan produk-produk yang berbeza-beza untuk kemudahan jemaah haji untuk menarik minat pelanggan. Hal ini menarik minat pengakaji untuk mengkaji bagaimana pengurusan sistem yang diterapkan oleh institusi perbankan dalam pembiayaan kemudahan haji khususnya Bank Muamalat yang menarik minat pelanggan serta pengaruh daripada pelanggan yang menggunakan produk yang ditawarkan.

Selain itu, masyarakat melihat adanya pembiayaan dana talangan haji sebagai cadangan yang cukup menarik minat untuk mengatasi masalah kesukaran menunaikan ibadat haji, baik kerana faktor kewangan yang belum mencukupi mahupun disebabkan oleh terhadnya peluang haji yang sedia ada untuk bakal calon jemaah haji di Indonesia. Namun di sisi lain, dalam pembiayaan dana talangan haji di duga ada unsur riba dalam praktiknya. Hal ini kerana amalan dana talangan haji mewajibkan bakal calon jemaah haji membayar sejumlah wang lebih daripada yang dipinjamnya.

Institusi perbankan dan kewangan Syariah serta pakar ekonomi Islam mengkaji dengan baik mengenai perkembangan terkini berkaitan dengan produk-produk yang ditawarkan. Setiap produk yang ditawarkan oleh perbankan Syariah kepada masyarakat harus patut diperhatikan sama ada patuh kepada prinsip-prinsip muamalah Syariah mahupun tidak.

Secara kesimpulannya, kajian ini mencuba meneliti tentang hukum pembiayaan dana talangan haji di Bank Muamalat cawangan Aceh: tinjauan dari perspektif Hukum Islam. Namun dengan perkembangan dunia ekonomi moden, penumbuhan produk Talangan Haji dari bank ini terjadi perbezaan pendapat sebahagian ulama kontemporari

dalam hukum akan kebolehan dana talangan haji serta terdapat perubahan arah makna *istiṭā'ah* (mampu) yang merupakan prinsip dalam menunaikan ibadat haji.

Kajian ini cuba melihat dari perspektif ekonomi Islam yang lebih realiti dengan melihat kesan sosilogi yang ditimbulkan, yang mana sebetulnya belum *istiṭā'ah* (mampu) tetapi sudah mendapatkan peluang untuk menunaikan ibadat haji dari dana talangan serta mengkaji bagaimana sistem pengurusan pembiayaan dana talangan haji pada Bank Muamalat cawangan Banda Aceh dilaksanakan.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

Dari ulasan permasalahan di atas, maka ada beberapa objektif yang akan dikaji iaitu:

1.3.1 Bagaimana kaitan syarat *istiṭā'ah* dalam pelaksanaan ibadat haji bagi mengelakkan masa menunggu yang terlalu lama?

1.3.2 Bagaimana hukum pembiayaan pengurusan haji (produk dana Talangan haji) tinjauan dari perspektif ekonomi Islam?

1.3.3 Bagaimana analisis operasi produk dana talangan haji di Bank Muamalat cawangan Banda Aceh, sama ada bersesuaian dengan prinsip Syariah atau tidak?

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Dari ulasan permasalahan di atas, maka ada beberapa objektif yang akan dikaji iaitu:

- 1.4.1** Mengkaji kaitan syarat *istiṭā'ah* dalam pelaksanaan ibadat haji dalam mengelakkan dari masa menunggu yang terlalu lama.
- 1.4.2** Mengkaji hukum pembiayaan pengurusan haji (produk dana Talangan haji) tinjauan dari perspektif ekonomi Islam.
- 1.4.3** Menganalisis operasi produk dana talangan haji di Bank Muamalat cawangan Banda Aceh, sama ada bersesuaian dengan prinsip Syariah atau sebaliknya.

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Setelah mengetahui secara pasti bagaimana objektif kajian, maka kajian ini penting untuk:

- 1.5.1** Memberikan pengetahuan tentang sejauh mana pengaruh kebolehan dana talangan haji dalam membantu pelanggan menutupi kesukaran dana dan memperoleh peluang haji secara cepat.
- 1.5.2** Memberikan maklumat mengenai hasil kajian dari hukum pembiayaan pengurusan haji (produk dana Talangan haji) yang ditinjau dari perspektif ekonomi Islam.
- 1.5.3** Pengetahuan tentang analisis pengurusan pembiayaan perkhidmatan dana talangan haji di Bank Muamalat cawangan Banda Aceh.

1.6 SKOP KAJIAN

Bertolak pada rumusan masalah yang telah digariskan, maka perlu adanya had masalah pada bahasan kajian. Dimana peneliti, mengkaji pada institusi perbankan iaitu Bank Muamalat, kerana Bank Muamalat adalah salah satu perbankan Syariah yang menawarkan produk pembiayaan Dana Talangan Haji yang banyak menarik minat masyarakat Aceh untuk melakukan perjalanan ibadat haji menggunakan pembiayaan yang ditawarkan oleh Bank Muamalat, cawangan Banda Aceh. Kajian ini dilakukan di Provinsi Aceh khususnya di Kota Banda Aceh kerana kota ini merupakan IbuKota Aceh lazimnya masyarakat di Provinsi Aceh memerlukan masa yang agak lama bagi membolehkan mereka menunaikan ibadat haji kerana jumlah daftar tunggu bakal calon haji mencapai 38,148 orang.¹¹

Kajian ini juga terhad kepada masalah pengurusan pembiayaan dana talangan haji pada Bank Muamalat dalam memberlakukan produk talangan bagi pelanggan yang berminat menunaikan ibadat haji.

1.7 KAJIAN LEPAS (*Review of Literature*)

Sebelum kajian disertasi ini dilakukan, penulis telah membuat beberapa tinjauan terhadap hasil-hasil kajian terdahulu. Penulis telah mencari dan mengkaji bahan-bahan kajian seperti buku, kertas projek, disertasi, tesis dan jurnal untuk mendapatkan gambaran mengenai kajian yang akan dilakukan. Kajian terdahulu berguna untuk memberikan gambaran dan penjelasan kerangka berfikir dalam penbahasan. Maka dalam kajian perpustakaan ini peneliti memuat hasil-hasil penelitian terdahulu yang berkaitan. Ada beberapa kajian yang telah membincangkan tentang pembahasan hasil karya yang berkaitan dengan sistem pengurusan Dana Talangan Haji, antara kajian-kajian tersebut adalah:

¹¹ Daftar Tunggu Haji Capai 10 Tahun, <http://www.surya.co.id/2011/10/03daftar-tunggu-haji-capai-10-tahun>, Senin, 3 Oktober 2011 1 16:42 WIB, Diakses tanggal Kamis, 22 Mac 2012

Zulfaqar Mamat (2008)¹², membincangkan Ibadat haji merupakan satu daripada rukun Islam yang lima. Hukumnya ialah *farḍu 'ain* ke atas setiap orang Islam yang mukalaf dan mampu. Kewajipan menunaikan haji dan umrah yang mengandungi hikmah dan falsafah yang banyak dan bernilai telah mendorong umat Islam dari seluruh dunia menanam hasrat untuk melakukan ibadat tersebut walaupun terpaksa berusaha lebih sedikit mempersiapkan diri dari segi fizikal dan material untuk menunaikan rukun Islam yang kelima tersebut. Beliau juga mengemukakan Islam secara prinsipnya tidaklah memberatkan umatnya terhadap sesuatu perkara melainkan sekadar yang termampu. Demikian juga, kewajipan menunaikan haji yang terikat dengan syarat-syarat yang khusus, salah satu daripadanya ialah berkemampuan untuk menunaikan. Dalam Kajian beliau juga membincangkan mengenai padangan Para Fuqaha dalam menentukan syarat kemampuan ini telah sepakat menyatakan bahawa kemampuan yang di maksud dalam ayat ini ialah kemampuan dari segi fizikal, kewangan dan keamanan, tetapi mereka berselisih pendapat dalam memperincikan apakah bentuk kemampuan-kemampuan tersebut. Antara yang di bahaskan ialah soal kemampuan dari segi kewangan di mana individu yang ingin menunaikan ibadat haji itu mestilah memilih kemampuan kewangan yang melebihi keperluan asasi bagi diri dan keluarganya sepanjang masa perjalanan ke Mekkah, selain itu ia hendaklah menjelaskan segala hutang piutang yang masih tergantung kerana hutang merupakan salah satu hak yang mesti ditunaikan.

Kajian H. Andy. L Tonang SH (1990)¹³, membincangkan ibadat haji adalah ibadat yang mempunyai kedudukan istimewa dalam agama Islam. Menurut Syariah Islam, ibadat haji ialah berkunjung ke Baitullah (*Ka'bah*) untuk melakukan tawaf, sa'i,

¹² Zulfaqar Bin Mamat, *Skim Pinjaman Wang Daripada Koperasi Dan Seumpamanya Untuk Menunaikan Fardu Haji atau Umrah*, (Jurnal Muamalat, 2008): 27

¹³ H. Andy. L Tonang SH, *Haji Dan Pembangunan Umat*, (Kuala Lumpur: Dalam Seminar Haji peringkat Asia, 14-15 Jun, 1990.): 5-6

wukuf di Arafah dan amalan lainnya pada masa tertentu. Di dalam ibadat haji “*istiṭā‘ah*” merupakan persyaratan pokok. Terutama bagi kaum muslimin yang tinggal jauh dari Arab Saudi, konsep *istiṭā‘ah* di dalam persyaratan haji mempunyai pengertian yang lebih dari sekedar kemampuan ekonomi seperti mencukupi wang perjalanan, bekal selama di jalan dan di tempat tujuan, tetapi juga bekal untuk mereka yang ditinggalkan. Dalam ekonomi industri seperti dewasa ini, kesempatan dari segi masa dan kewangan yang memungkinkan juga menjadi bahagian dari konsep *istiṭā‘ah*. Pengertian lainnya juga meliputi kesihatan fizikal dan mental. Kesanggupan fizikal berada di tengah cuaca yang berbeza dan dalam suasana penuh ramai bersama jutaan muslim lainnya, tingkat keamanan, bahkan juga melihat kepada fasiliti yang tersedia di Arab Saudi.¹⁴

Samhazlia Samsuddin (1998)¹⁵ kajian yang membincangkan tentang skim pembiayaan diri yang berkonsepkan *bai‘ al-ṣ̄mah* dan membuat penilaian hukum mengikut pendapat fuqaha. Disamping itu juga kajian ini membuat perbandingan pembiayaan peribadi di Bank Rakyat dengan pembiayaan di Bank Islam dan Maybank. Hasil kajian mendapati perlaksanaan konsep tersebut selaras dengan syara‘.

Asrolizani Abdullah (2001)¹⁶ membincangkan tentang konsep dan pengaplikasian skim Pembiayaan Peribadi di BIMB serta menghuraikan prestasi yang ditunjukkan oleh skim pembiayaan peribadi tersebut. Disamping itu juga turut menekankan konsep yang digunakan oleh BIMB dalam produk pembiayaan peribadi iaitu *al-Qarḍ al-Ḥasan*. Hasil analisis ke atas prestasi mendapati sambutan pelanggan terhadap pembiayaan memberansangkan dan meningkat setiap tahun.

¹⁴ H. Andy. L. Tonang SH, *Haji Dan Pembangunan Umat*, (Kuala Lumpur: Dalam Seminar Haji peringkat Asia, 14-15 hb Jun, 1990:). 5-6

¹⁵ Samhazliza Samsuddin (1998), *Skim Pembiayaan Diri di Bank Rakyat: Satu Penilaian Hukum*. (Kertas Projek, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur)

¹⁶ Asrolizani Abdullah (2001), *Pembiayaan Peribadi di Bank Islam Berhad: Satu Analisis*, (Kertas Projek, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur)

Ibrāhīm Ḥasan Muḥammad Jamāl (2011)¹⁷ membincangkan tentang kaedah-kaedah pembiayaan bagi perdagangan luar Negara dengan menjadikan Saba Islamic Bank, Yaman sebagai sampel kajian. Metode komparatif dilakukan dengan meneliti prosedur-prosedur pembiayaan yang digunakan oleh bank berkenaan dan dibandingkan dengan prinsip-prinsip Syariah. Kajian ini mendapati bahawa skim utama yang digunakan oleh Saba Islamic Bank bagi pembiayaan perdagangan luar Negara adalah skim pembiayaan *al-Murābahah* yang menerangkan tentang produk-produk pembiayaan peribadi yang ditawarkan oleh bank terbabit, didapati bahawa sebahagian besar produk pembiayaan yang ditawarkan telah dibangun atas *uqūd musammā* seperti *muḍārabah*, *bai‘ al-Salam* dan *al-istiṣnā‘*, manakala instrument muamalat kontemporari seperti *al-tawarruq* tidak di amalkan.

Dalam Kajian Kajian Edy Aulia Rakhman (2004)¹⁸, membincangkan mengenai aplikasi sistem pengurusan pelaksanaan ibadat haji dengan pendekatan al-Quran dan al-Hadith merupakan sokongan bagi implementasi terhadap pemanfaatan ilmu pengetahuan yang tidak bertentangan dengan al-Quran dan al-Hadith, Selanjutnya beliau menambahkan sejarah pelaksanaan ibadat haji di Indonesia mengambil masa yang lama, dimulakan sejak masuknya agama Islam di Indonesia sehingga kini. Dari masa ke masa pelaksanaan ibadat haji banyak mengalami perubahan iaitu peraturan yang berkaitan dengan hubungan dua hala antara dua negara yang memiliki perbezaan sosial-budaya, untuk Indonesia mengamalkan sistem Republik dan Saudi Arabia berbentuk Kerajaan, serta perbezaan aliran agama (*mazhab*) yang di anut oleh masyarakat kedua negara. Jemaah haji Indonesia terbiasa dengan *mazhab* (aliran) al-Imām Shāfi‘ī sedangkan negara Saudi Arabia mengamalkan *mazhab* al-Imam Hambali.

¹⁷ Ibrāhīm Ḥasan Muḥammad Jamāl (2011), *Asālib Tanwīl al-Tirājah al-Khārijīyah fī Bank Sabā al-Islāmī: Dirāsah Fiqhiyyah*, (Tesis Kedoktoran, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

¹⁸ Edy Aulia Rakhman (2004). “*Efektifitas Undang-Undang No.17 Tahun 1999 Tentang Penyelenggaraan Ibadat Haji Dlam Memberikan Perlindungan Hukum Kepada Konsumen Haji*”. <http://eprints.undip.ac.id/13427/1/2004MH3888.pdf>. Diakses Kamis, 22 Mac 2012

Dahulu permasalahan yang utama adalah keamanan dan terhadapnya kemudahan, sekarang pada saat dunia telah aman dan semakin moden, permasalahan utama peringkat yang dihadapi adalah banyaknya jumlah jamaah haji. Umat Islam di Indonesia pada awal menunaikan ibadat haji tidak diketahui secara pasti, tetapi menurut literatur sejarah telah dimulakan sejak Islam masuk ke Indonesia sekitar abad 12 M, yang dilaksanakan secara individu dan kumpulan dalam jumlah yang sedikit serta belum dilaksanakan secara kumpulan. Sejak berdirinya kerajaan Islam di Indonesia, perjalanan haji mula dilaksanakan secara berterusan setiap tahun dan mengalami peningkatan jumlahnya setelah berdirinya kerajaan Pasai di Aceh pada tahun 1292.

Tesis Osman Hj. Sabran (1997)¹⁹ yang membincangkan mengenai “Pinjaman dan Pembiayaan” adalah dua konsep yang berbeza dalam sistem kewangan Islam. Setiap pinjaman diharamkan mengambil faedah riba, tetapi setiap pembiayaan yang ada keuntungan hasil daripada urusan perniagaan adalah dihalalkan. Keuntungan yang dihalalkan itu mestilah melalui prinsip urusan Muamalat Islam. Kemudian beliau membahas dalam tesisnya dalam bab lima menghuraikan konsep *al-Qard al-Hasan* sebagai mekanisme pinjaman tanpa riba, persediaan kearah mewujudkan institusi *al-Qard al-Hasan* dan *al-Rahn*, serta mentarbiyahkan masyarakat supaya bersikap suka member dan menerima. Amalan member skim *al-Qard al-Hasan* adalah menjadi amalan seluruh koperasi-koperasi Islam yang beroperasi secara Muamalah Islam, sekalipun koperasi-koperasi tersebut mempunyai kemampuan yang sangat terhadap berbanding dengan syarikat kewangan daripada bank yang lain. Skim pembiayaan *al-Qard al-Hasan* semata-mata satu skim pinjaman kebajikan yang bertujuan membantu seseorang yang sedang memerlukan dana dikeranakan keperluan hidup yang tidak cukup atau susah untuk membayar pinjaman yang sudah sampai tempohnya. Oleh

¹⁹ Osman bin Hj. Sabran, *Pinjaman dan Pembiayaan tanpa Riba: Kajian terhadap Sistem Muamalat Islam di Malaysia Masa Kini*, (Tesis Ph.D, 1997) Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sastera dan Sains Sosial.

kerana itu tidak wajar dalam keadaan seperti itu pinjaman dikenakan faedah, kemudian dikenakan pula bayaran perkhidmatan sebagai kos pengurusan dalam proses pinjaman. Sepatutnya pinjaman yang dibuat oleh orang yang kurang mampu, bertujuan untuk meringkankan kesulitan yang dihadapi yang ditetapkan oleh institusi tanpa dikenakan bayaran apapun, sedangkan kos perkhidmatan ditanggung sendiri oleh institusi kewangan yang mana boleh di ambil dari sumber derma atau bayaran ihsan yang diberi oleh peminjam atau dari sumber keuntungan yang diperoleh dari ususiaga lain atau lain sebagainya yang tidak mengandung unsur riba.

Kajian Iti Septi (2013)²⁰ berkenaan pembiayaan peribadi di RHB Islamic Bank Berhad. Ia membahas mengenai *al-Murābahah* dalam pembiayaan peribadi. Kajian ini mendapati bahawa pembiayaan peribadi yang diamalkan di bank berkenaan adalah hasil gabungan dua konsep muamalat yang berbeza iaitu komoditi *murābahah* dan *al-tawarruq*. Kajian ini juga mendapati bahawa asset sandaran yang digunakan oleh RHB Islamic Bank adalah dalam bentuk perkhidmatan masa berbual (*air time*).

Dalam Kajian Zaimah Mohd Fauzi (2000)²¹, membincangkan mengenai pengurusan memiliki peranan penting dalam sistem pentadbiran kerana pengurusan yang baik akan menjamin kelancaran sesuatu pengurusan pentadbiran dalam pelbagai bidang. Pengurusan memerlukan suatu sokongan mahupun sumber rujukan bagi asas setiap aktiviti, terutama dalam keadaan masa kini yang semakin modern dan senantiasa mengalami perubahan pada setiap saat. Beliau juga membahas mengenai definisi pengurusan, pengertian pengurusan diambil daripada kalimah “*yudabbiru*”²² yang bermaksud mengurus, mentadbir, menyusun dan mengawal. Manakala menurut bahasa

²⁰ Iti Septi (2013), *Komoditi Murābahah Dalam Amalan Perbankan Islam: Analisis terhadap Produk Pembiayaan Peribadi-I di RBH Islamic Bank Berhad*, (Disertasi Sarjana, Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya)

²¹ Zaimah Binti Mohd Fauzi, *Pengurusan Dalam Organisasi Menurut Perspektif Islam Satu Kajian Di Tabung Haji Jelevu, Negeri Sembilan*, (Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Sastera dan Sains Sosial, 2000)

²² *Al-Munjid al-lughah Wal 'A-Lam*, (Beirut: Dar al-Musriq), 205

Inggeris pula, perkataan pengurusan diambil daripada perkataan *management*²³. Manakala perkataan pengurusan juga telah dijelaskan oleh Khalifah Islam yang ketika iaitu Saidina ‘Umar al-Khaṭṭab yang mana beliau mendefinisikan pengurusan sebagai suatu yang bercirikan melayani kehendak awam atau rakyat²⁴. Beliau juga mengemukakan konsep pengurusan dalam Islam sebenarnya telah dilahirkan dengan kelahiran manusia dan daripada kelahiran itu pelbagai teori pun telah ditumbuhkan bahagi memajukan bidang pengurusan dalam semua segi. Ini telah menjadikan sistem pengurusan menjadi bertambah baik dan lebih sistematik. Konsep pengurusan dalam Islam adalah bermula dari persoalan hakikat kejadian manusia di alam ini, iaitu hakikat kewujudan manusia yang serta-merta untuk beribadat kepada Allah SWT sebagai Pencipta.

Dr. Zainuddin Ahmad (1995)²⁵ Membincangkan operasi yang dijalankan oleh BIMB dalam pembiayaan yang berkonsep kepada *al-Qarḍ al-Ḥasan* adalah harus, ulama menyadari kenyataan bahawa menguruskan pinjaman tanpa faedah melibatkan beberapa kos kepada bank dan ulama tidak menegah sekiranya bank ingin mengenakan bayaran perkhidmatan untuk menampung kos-kos tersebut. Bayaran yang dikenakan itu mestilah berasaskan kepada kos sebenar yang berlaku. BIMB agak sukar untuk melaksanakan prinsip *al-Qarḍ al-Ḥasan* dalam instrument mereka terpaksa mengekalkan keuntungan yang baik supaya dapat bersaing dengan institusi-institusi kewangan lain yang memberikan pinjaman faedah dalam menggerakkan tabungan masyarakat.

²³ Joyce M. Hawkins, *Kamus Dwibahasa Oxford Fajar*, (Kuala Lumpur, 1981), 208

²⁴ Muhammad A Al-Buraey, *Islam Landasan Alternatif Administrasi Pembangunan*, (Jakarta: CV. Rajawali, 1986), 259

²⁵ Dr. Zainuddin Ahmad (1995), *Conversion of Interest Based Banking to Islamic Interest-Free Banking, dalam Encyclopedia of Islamic Banking and Insurance*, Londong, H. 186.

Nurul Hayati Awang (2013)²⁶ juga membicarakan mengenai pelaksanaan *bai' al-ḥamah* dalam pembiayaan peribadi, *bai' al-ḥamah* merupakan satu mekanisme pembiayaan dalam perbankan Islam. Ia merupakan salah satu alternative yang terawal untuk menggantikan pembiayaan secara riba di perbankan konvensional. Namun, terdapat banyak kontroversi tentang keharusan dalam pelaksanaannya. Oleh kerana itu, kajian telah mencari alternative lain untuk digantikan dalam pembiayaan peribadi yang berasaskan instrument *bai' al-ḥamah* di AmIslamic Bank Berhad, dengan instrument komoditi murabahah. Bagi memperoleh dapatan kajian, kajian telah menggunakan kaedah perpustakaan untuk membincangkan konsep dan hukum. Selain itu, kajian ini juga menggunakan kaedah temu bual, dengan konsep menemuramah beberapa responden untuk meneliti dan memahami operasi yang dijalankan di perbankan Islam. Oleh yang demikian, kajian mendapati pelaksanaan *bai' al-ḥamah* di AmIslamic Bank Berhad telah menurut segala syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pihak Majelis Penasihat Syariah, Bank Negara Malaysia. Walau bagaimana pun, kajian ini mencadangkan bahawa instrument komoditi murabahah adalah salah satu mekanisme yang terbaik untuk digantikan dengan *bai' al-ḥamah* kerana penerimaannya dalam kalangan majoriti Sarjana Syariah semasa sebagai instrumen pembiayaan.

Kajian yang dilakukan Azme Haji Matali (2012)²⁷ membincangkan definisi pembiayaan menurut istilah bahasa, “pembiayaan” berasal dari kata “biaya” ertinya belanja, kos atau bantuan kewangan. “membiayai” ertinya membelanjai, memerlukan modal untuk membiayai sebuah perusahaan. “pembiayaan” ertinya perihal membiayakan (membiayai). Sedangkan dalam bahasa arab “pembiayaan” disebut sebagai *al-Qiraḍ*, atau *al-Muḍārabah*. Menurut istilah Syariah iaitu suatu akad perjanjian urusan antara

²⁶ Nurul Hayati Awang, *Pelaksanaan bai' al-ḥamah dalam pembiayaan peribadi di AmIslamic Bank Berhad*. (Disertasi 2013) Jabatan Syariah dan Ekonomi, Apium

²⁷ Azme Bin Haji Matali, *Konsep Dan Amalan Pembiayaan Di Intituti Perbankan Dan Kewangan Islam Negara Brunei Darussalam*. (Tesis Ph.D, 2012), Jabatan Syariah Ekonomi, Apium.

pemodal dengan peniaga, di mana pemodal bersetuju mengeluarkan sejumlah wangnya kepada pengusaha untuk membiayai sesuatu perusahaan atau sesuatu perniagaan dan sama-sama berkongsi ke atas hasil keuntungan yang akan diperoleh. Pembiayaan menurut Islam tidak boleh melibatkan riba. Sepatutnya berasaskan kepada konsep usaha sama antara pemberi dan penerima pembiayaan, kedua pihak bersama-sama untuk menjayakan sesuatu projek. Sistem pembiayaan berfungsi untuk menyediakan modal yang cukup bagi memenuhi segala keperluan dengan cara yang paling mudah, murah, dan mendatangkan faedah yang bermaksud tidak timbul kekurangan dan kelebihan, sehingga menyebabkan sesuatu keadaan yang tidak stabil.

Fidlizan Muhammad (2012)²⁸ membincangkan mengenai kajian pembiayaan ekonomi di institusi perbankan Islam dengan pembolehubah makroekonomi dan data spesifik bank-bank Islam di Malaysia. Secara umum tujuan kajian beliau adalah untuk meneliti teori saluran kredit sebagai mekanisme asas transmisi kewangan dalam sector perbankan Islam. Secara khususnya pula kajian beliau mempunyai empat objektif kajian. Yang pertama; untuk mengenalpasti hubungan antara kadar antara bank Islam (IIR) dengan pembiayaan, ini penting untuk membuktikan alat dasar transmisi. Yang kedua; mengenalpasti bentuk hubungan signifikan antara pembolehubah makroekonomi dan ciri spesifik bank yang meliputi empat pembolehubah utama iaitu saiz, modal, kecairan, dan risiko. Yang ketiga; untuk mengenalpasti taburan kesan bagi pembolehubah ciri spesifik bank terhadap jumlah pembiayaan. Manakala objektif keempat pula untuk membuktikan teori saluran jumlah pembiayaan mekanisme dasar transmisi kewangan di sector perbankan Islam.

²⁸ Fidlizan Muhammad, *Kelakuan Pembiayaan Perbankan Islam dalam Transmisi Dasar Kewangan di Malaysia*, (Tesis Ph.D, 2012) Jabatan Syariah dan Ekonomi, Apium.

Kajian Mohd Faisol Ibrahim (2011)²⁹ membincangkan terdapat dua jenis pembiayaan iaitu pembiayaan ekuiti dan pembiayaan hutang, maka secara tidak langsung pertumbuhan institusi perbankan Islam juga adalah bagi memenuhi kedua-dua jenis pembiayaan berkenaan. Pembiayaan perumahan secara Islam kini telah mendapatkan sambutan yang amat menggalakkan di mana pelbagai instrumen Islam telah diperkenalkan dalam produk pembiayaan perumahan ini bagi memberi keselesaan kepada pelanggan di mana pembiayaan ini dapat dikategorikan kepada dua jenis iaitu pembiayaan menggunakan hutang dan pembiayaan menggunakan ekuiti. Penawaran produk pembiayaan perumahan secara Islam oleh pelbagai institusi perbankan Islam telah membuka jalan terutamanya kepada umat Islam untuk mendapatkan pembiayaan bagi memenuhi keperluan pembiayaan perumahan berasaskan Syariah. Selanjutnya beliau menambahkan satu ciri penting dalam menarik minat pembiayaan perumahan secara Islam adalah bayaran balik pembiayaan yang tetap dan terapung sebagaimana dipersetujui oleh pelanggan dan pihak bank. Ini bermaksud bayaran ansuran bulanan dan tempoh pembiayaan tidak berubah sekalipun berlaku perubahan terhadap situasi ekonomi negara.

Mohd Farihal Osman (2007)³⁰ cuba menyingkap idea skim *bai' al-ḥamah* dan *al-tawarruq* sebagai instrument yang mampu menggantikan pinjaman peribadi konvensional. Beliau membuktikan bahawa walaupun *al-tawarruq* merupakan instrument alternative yang kurang kontroversinya berbanding *bai' al-ḥamah*, namun aplikasi *bai' al-ḥamah* lebih diterima pakai di Malaysia kerana pengamal perbankan Islam kurang pengetahuan tentang *al-tawarruq* dan ia sememangnya sukar diamalkan di Malaysia. Kajian ini telah mempersembahkan satu analisa yang baik terhadap

²⁹ Mohd Faisol Ibrahim, *Pembiayaan Perumahan Secara Islam Menggunakan Instrumen Hutang dan Ekuiti: Analisis Perbandingan*, (Tesis Ph.D, 2011) Jabatan Syariah Ekonomi, Apium.

³⁰ Mohd Farihal Osman (2007), *Bai' al-ḥamah and Tawarruq as Solution to Interest-Based Personal Financing Facility*, (Disertasi Sarjana, Faculty of Banking and Finance, Universiti Utara Malaysia)

pembiayaan *bai' al-ḥalāl* dan *al-tawarruq* di Malaysia dari sudut demografi, produk dan konsep.

Nur uyun (2010)³¹ membincangkan bahawa pembiayaan atau *financing* iaitu pembiayaan yang diberikan oleh suatu kumpulan kepada kumpulan lain untuk menyokong pelaburan yang telah terencana, baik dilakukan secara individu mahupun institusi syarikat. Dengan makna lain, pembiayaan adalah pendanaan yang dikeluarkan untuk menyokong pelaburan yang terencana. Selanjutnya beliau menambahkan tujuan utama dalam melakukan analisis pembiayaan adalah menilai sejauhmana kemampuan dan kesiapan orang yang berhutang dalam mengembalikan pembiayaan yang mereka pinjam dan membayar margin keuntungan dan bagi hasil sesuai dengan isi perjanjian pembiayaan. Pembiayaan dana talangan haji untuk perencanaan modal diberikan pada pembiayaan *al-qard* kerana prinsip (akad) yang digunakan berasaskan kepada kedua pembiayaan tersebut. Hasil penelitian mendapati pembiayaan dana talangan haji merupakan pinjaman dana talangan dari bank kepada pelanggan khusus untuk menutupi kekurangan dana untuk memperoleh peluang haji dan pada saat pelunasan kos perjalanan ibadat haji. Dari penjelasan tersebut terdapat keuntungan dari pengurusan pembiayaan ini baik untuk bank maupun pelanggan. Manfaat untuk bank sendiri adalah mendapatkan keuntungan dari penggunaan perkhidmatan percuma atas pemberian talangan haji, pihak bank juga mendapatkan keuntungan atau modal kembali dalam masa yang cepat bayaran pulangan dari pelanggan melalui Tabungan haji yang ada di bank, dalam hal ini wang pelanggan untuk perlunasan pembiayaan tersebut yang berjangka masa 1 tahun sehingga dapat dipergunakan bank pada pelbagai pembiayaan lain. Manfaat yang diberikan bank kepada pelanggan dengan pengadaaan produk pembiayaan dana talangan haji, pelanggan mendapatkan kesempatan menunaikan ibadat

³¹ Nur Uyun (2020), *Analisis Manajemen Pembiayaan Dana Talangan Haji Pada PT. Bank Syariah Mandiri Cabang Malang*. <http://lib.uin-malang.ac.id/thesis/fullchapter/06610082-nur-uyun.ps>. Diakses pada Kamis, 22 hb Mac 2012

haji dengan cepat, meskipun dari dana mereka tidak mencukupi pembiayaan kos perjalanan haji”.

Mengenai kajian Talangan haji terdapat beberapa kajian yang membicarakan masalah tersebut antara nya kajian yang dilakukan oleh Novita Sari, (2009)³² yang mana dalam penelitian beliau mengenai: “Pengertian Dana Talangan haji merupakan salah satu produk pembiayaan yang memberikan bantuan dana bagi pelanggan atau bakal calon jamaah haji yang memiliki kesukaran dana pada saat pendaftaran haji. Produk ini memberikan kemudahan kepada pengguna yang mahu menunaikan ibadat haji, tetapi dana yang dimiliki untuk mendapatkan peluang haji tidak mencukupi dan pelanggan yang memiliki dana cukup untuk mendapatkan peluang haji akan tetapi dana itu digunakan untuk keperluan perniagaan atau usahanya. Dalam hal ini antara pihak bank dan pelanggan menggunakan akad *al-qard*, yang merupakan salah satu ciri pembeza antara Bank Syariah dan Bank Konvensional yang di dalamnya terkandung misi sosial. Pelanggan akan mengembalikan secepat mungkin jumlah wang yang dipinjam, memudahkan pelanggan yang sedang dalam kesukaran memiliki cadangan untuk mendapat biaya talangan untuk masa terhad.

Kemudian dalam kajian Lailatul Maghfiroh, (2010)³³ membincangkan talangan haji merupakan bentuk pembiayaan *al-qard* yang ertinya adalah akad penanguhan dana dari bank kepada pelanggan untuk menutupi kekurangan dana. Dalam hal ini adalah dana talangan haji yang digunakan untuk mendapatkan peluang haji. Ketentuan dalam pemberian talangan haji iaitu pelanggan mesti memiliki Tabungan mabrur. Tabungan Mabrur adalah simpanan dalam mata wang rupiah yang bermaksud membantu

³² Novita Sari (2009) *Komunikasi Pemasaran Produk Pembiayaan Dana Talangan Haji Pada Bank Syariah Mandiri Cabang Malang*, <http://lib.uin-malang.ac.id/thesis/fullchapter/05610020-novita-sari.ps> hlm. 49. Diakses pada Kamis, 22 hb Mac 2012

³³ Lailatul Maghfiroh (2010). *Pelaksanaan Talangan Haji Pada PT. Bank Syariah MANDIRI (PERSERO), Tbk Cabang Surabaya*. http://ebook.library.perbanas.ac.id/5844_TA.pdf. hlm. 88-89. Diakses pada Kamis, 22 hb Mac 2012

masyarakat muslim dalam merencanakan ibadah haji & umrah. Tabungan ini dikendalikan berdasarkan prinsip *Mudārabah Muṭlaqah*. Tabungan mabrur ini digunakan untuk menyimpan dana talangan pelanggan sekaligus sebagai cara pelunasan talangan pelanggan, dengan melakukan simpanan wang pelunasan dalam akuan Tabungan mabrur tersebut, baik secara kas mahupun ansuran, semasa pemberian talangan haji, dengan simpanan awal yang telah ditetapkan pada setiap jenis talangannya. Dalam pemberian talangan haji pelanggan akan mendapatkan kemudahan yang berupa buku Tabungan mabrur, insurans jiwa, cenderahati haji menuju keberangkatan ke Mekkah. Pembiayaan talangan Haji memiliki kemudahan antaranya, pelanggan lebih mudah dan cepat dalam mendapatkan peluang haji dan pelanggan tidak dikenakan bayaran tambahan faedah bulanan dalam pembiayaan Syariah yang berupa talangan haji. Pelanggan mendapatkan talangan haji dari Bank setelah mencukupi syarat yang ditetapkan dan membayar kos yang telah ditentukan.”

Ana Khoirul Nisak (2008)³⁴, menjelaskan bahawa produk yang dikeluarkan perbankan membantu meningkatkan dan mempersiapkan pelanggan dengan baik dalam masa yang panjang atau singkat untuk membantu kos perjalanan ibadah haji.

Krisna Sari Rahayu (2006)³⁵ membincangkan bahawa Dana talangan haji adalah pinjaman dana talangan dari bank kepada pelanggan khusus untuk menutupi kekurangan dana untuk memperoleh peluang haji dan pada saat pelunasan kos perjalanan ibadah haji. Dana talangan diberikan kerana pelanggan belum memiliki kecukupan dana sehingga memerlukan dana talangan. Pelanggan wajib untuk mengembalikan secepatnya sejumlah yang dipinjam setelah cukup jangka masa tertentu. Prinsip

³⁴ Ana Khoirul Nisak (2008), *Kemudahan Layanan Tabungan Haji Sebagai Sarana Meningkatkan Jumlah Nasabah Pada PT. Bank Negara Indonesia (PERSERO) Tbk. Cabang Malang*. <http://diglib.umm.ac.id/files/disk1/287/jiptumpp-gdl-s1-2008-anakhoirul-14306-1.+PENDA-N.pdf>, Diakses pada Kamis, 22 hb Mac 2012

³⁵ Krisna Sari Rahayu (2006), *Analisis Perbandingan Dana Talangan Haji Pada Bank Syariah Mandiri Dan Bank Mandiri Untuk Menilai Efektivitas Manfaat Dana Talangan Haji*, <http://adln.lib.unair.ac.id/go.php?id=gdlhub-gdl-s1-2006-krisnasari-2785&PHPSESSID=d1d1da53d1997f16e72bc038d69ee2dc>. Diakses pada Kamis, 22 hb Mac 2012

perjanjian atau akad untuk dana talangan haji pada kedua-dua bank tersebut pada dasarnya adalah sama, iaitu merupakan pinjaman dengan pendapatan dari kos pengurusan. Prinsip *al-qarḍ wa al-ijārah* pada Bank Syariah Mandiri patuh Syariah dan sangat selaras dengan makna ibadat haji. Prosedur dana talangan haji di Bank Syariah Mandiri dan Bank Mandiri ditetapkan berdasarkan polisi setiap bank, namun banyak kesamaan. Penyediaan dana talangan haji sesuai dengan polisi perakaunan yang digunakan di setiap bank dan standard perakaunan yang mengaturnya. Secara keseluruhan dari analisis perbandingan dana talangan haji pada kedua-dua bank dan penilaian terhadap manfaat, Bank Syariah Mandiri sudah berada pada tingkat kejayaan dalam usaha pencapaian tujuan. Dalam hal ini berasaskan pada pengukuran kualiti kerja dan kuantiti hasil kerja lebih efektif berbanding dengan Bank Mandiri’.

1.8 METODOLOGI KAJIAN

Dalam menyelesaikan kajian ini, peneliti menggunakan dua peringkat metode, iaitu:

1.8.1 Metode Pengumpulan Data.

1.8.1.1 Kajian Perpustakaan.

Sumber maklumat dari perpustakaan merupakan sumber utama pengkaji terhadap pengumpulan data dan maklumat yang diperlukan. Pengkaji mendapatkan bahan cetak yang berkaitan secara langsung atau tidak berkaitan dengan tajuk kajian yang terdiri dari pada buku-buku rujukan, kertas-keras persidangan, surat khabar, latihan ilmiah dan sebagainya. Melalui kajian perpustakaan ini juga, penulis mengunjungi perpustakaan-perpustakaan terpilih untuk mendapatkan data dan maklumat. Penulis juga mendapatkan maklumat melalui bahan bercetak yang

disediakan oleh pihak bank Muamalat yang dikaji dan juga laman-laman sesawang yang berkaitan bagi mendapatkan informasi.

Setelah mendapatkan data-data kemudian penulis meneliti dan mempelajari literatur-literatur yang berkaitan dengan pembiayaan perbankan, karya ilmiah, dan dokumen sumber-sumber bacaan lain yang berkaitan dengan masalah yang diteliti untuk mendapatkan landasan teori. Dalam penelitian ini juga peneliti menggunakan teori-teori diantaranya; teori perbankan Syariah, pengurusan pembiayaan bank Syariah, Produk penyaluran dana pada bank Syariah, pengertian talangan haji, prinsip *al-qard*, fatwa Dewan Syariah Nasional (DSN) tentang pengurusan haji, dan lain sebagainya.

1.8.1.2 Temubual

Metode ini merupakan kaedah terpenting bagi pengkaji untuk mendapatkan data pada Bank Muamalat Indonesia. Pengkaji mengadakan temubual secara langsung dengan staf dipejabat Bank Muamalat yang mengurus pelaksanaan produk pembiayaan dana talangan haji, seperti pegawai akuan pada Bank Muamalat.

Dalam kajian ini, pengkaji mendapatkan informasi dengan melakukan temubual kepada bahagian pegawai akuan Bank Muamalat cawangan Banda Aceh iaitu Ibu Khairina pada bulan September 2012, selaku pengurus pembiayaan yang bertugas mengendalikan masalah pembiayaan, informasi yang berkaitan dengan talangan haji di Bank Muamalat Cawangan Banda Aceh dan juga selaku promosi pembiayaan.

1.8.1.3 Metode Historis

Merupakan satu pemahaman yang tertumpu dari sudut sejarah bagi suatu permasalahan. Penggunaan metode ini bertujuan untuk mendapatkan data-data dan fakta sejarah yang berbentuk dokumen yang berkaitan dengan sesuatu masalah kajian dana talangan haji di bank Muamalat dalam menentukan tarikh suatu kejadian. Dalam disertasi ini pengkaji mengaplikasi metode ini dalam bab 3. Ianya merupakan suatu metode yang terpenting dalam penyelidikan ini, guna mendapatkan informasi mengenai kajian.

1.8.2 Metode Analisis Kajian.

1.8.2.1 Metode Induktif

Metode ini adalah suatu cara untuk menganalisis data dengan membuat kesimpulan atau pembuktian dari maklumat yang bersifat khusus untuk dirumuskan suatu kesimpulan yang berbentuk umum. Penulis menggunakan metode ini untuk menganalisa data atau pembuktian dari maklumat yang terdapat dalam bab 4 untuk tujuan meneliti agar dapat memperoleh suatu kesimpulan dari data-data yang diperoleh atas kajian ini. Metode ini diaplikasikan oleh penulis dalam membuat huraian dan implikasi asas kajian.

1.8.2.2. Metode Deduktif

Metode ini merupakan cara untuk menghuraikan suatu masalah dengan terperinci. Ia dilakukan dengan menggunakan data-data dan contoh-contoh yang dijelaskan, juga merupakan suatu pendekatan bersifat umum kepada kesimpulan yang khusus. Penulis gunakan dalam bab 2 dan 3 yang menjelaskan mengenai teori perbankan dalam membangun ekonomi umat dan teori dalam mensejahterakan umat.

Selanjutnya dari data-data yang telah terkumpul, dilakukan identifikasi dan analisa pada bab 4 untuk memperoleh gambaran yang cukup lengkap mengenai pengetahuan karakteristik pengurusan pembiayaan perbankan, sehingga dapat diketahui sejauhmana peranan Analisa Pengurusan Pembiayaan Dana Talangan Haji di Bank Muamalat Cawangan Aceh.

1.9 Sistem Penulisan

Dalam pembahasan ini, susunan berdasarkan sistem penulisan seperti berikut:

- BAB I** : Pendahuluan: Menguraikan bahagian pendahuluan yang meliputi latar belakang masalah, perumusan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, kajian lepas, metodologi kajian, dan sistem penulisan.
- BAB II** : Landasan Teori Sistem Perbankan Syariah, menguraikan pengertian asas, fungsi bank Syariah, dan pembiayaan bank Syariah, pengurusan pembiayaan, fungsi dan matlamat pembiayaan,
- BAB III** : Kajian Dana Talangan Haji, pengertian Dana Talangan, pengertian konsep *istiṭā'ah* dalam kajian ibadat haji serta Fatwa yang berkaitan dengan *istiṭā'ah*, asas hukum pembiayaan Talangan Haji, pengertian *al-qard*, tinjauan terhadap isu-isu yang berlaku.
- BAB IV** : Menganalisis data daripada hasil penelitian, sejarah penubuhan syarikat Bank Muamalat, visi dan misi syarikat, produk perkhidmatan dan pembiayaan syarikat produk talangan haji dan proses pengamalannya.
- BAB V** : Penutup, kesimpulan bab membahas mengenai kesimpulan hasil penelitian, serta saran, baik untuk penyempurnaan penelitian atau bahan rujukan penelitian di masa yang akan datang.

BAB II

PEMBIAYAAN OLEH PERBANKAN ISLAM

2. Pendahuluan.

Perniagaan dalam perbankan Islam pada mulanya berkembang sebagai bentuk dari pengantara kewangan untuk komuniti Islam guna menjalankan perniagaan mengikut rukun Islam. Masa kini, perbankan Islam telah diterima dengan luas di seluruh dunia dan telah menjadi satu matlamat yang penting untuk sistem kewangan dunia. Ciri yang penting untuk perbankan Islam adalah bahawa ianya tanpa faedah dan bersesuaian dengan prinsip Syariah.

Perbankan Islam merupakan pengendalian perbankan berasaskan prinsip-prinsip Syariah dan tidak membenarkan pembayaran dan penerimaan faedah, sementara menggalakkan perkongsian keuntungan. Ia mempunyai tujuan yang tepat sama dengan perbankan konvensional kecuali bahawa ia beroperasi dibawah peraturan Syariah. Bank-bank dan institusi-institusi kewangan Islam yang menawarkan produk perbankan dikehendaki menubuhkan satu jawatankuasa penasihat Syariah untuk memberikan nasihat kepada bank-bank dan institusi-institusi kewangan Islam mengenai peraturan Syariah dan memastikan bahawa mereka beroperasi mengikut prinsip-prinsip Syariah.

Pada bab ini pengkaji membahas mengenai landasan teori sistem perbankan Syariah, menguraikan pengertian asas bank Syariah, prinsip asas operasi bank Syariah fungsi, matlamat dan peranan bank Syariah serta produk perbankan Syariah, dan pada bab ini juga mengkaji mengenai pembiayaan bank Syariah, pengurusan pembiayaan, dan fungsi serta matlamat pembiayaan.

2.1 Pengertian Asas Bank Syariah.

Pengertian bank dalam Islam atau bank Syariah ialah “bank yang beroperasi dengan tidak bergantung pada faedah”.³⁶ Bank Syariah merupakan syarikat kewangan atau perbankan yang operasi dan produknya dikembangkan berasaskan pada al-Quran dan Hadith Rasulullah SAW yang berusaha memberikan pembiayaan dan perkhidmatan lainnya dalam pembayaran serta peredaran wang yang beroperasi sesuaikan dengan perinsip Syariah Islam. Dengan kata lain, bank Syariah ialah “institusi kewangan atau perbankan yang operasi dan produknya dikembangkan berasaskan Syariah Islam (al-Quran dan Hadith Nabi SAW), dan menggunakan kaedah-kaedah fiqh”.³⁷

Sa‘īd Sa‘ad Marthan, pemerhati Ekonomi Islam dari Timur Tengah mengungkapkan bahawa bank Syariah ialah organisasi pelaburan yang beroperasi sesuai dengan asas-asas Syariah. Sumber dana yang dibolehkan harus bersesuaian dengan patuh Syariah dan matlamat pelaburan yang dilakukan iaitu membangunkan ekonomi dan sosial masyarakat serta melakukan perkhidmatan perbankan yang sesuai dengan nilai-nilai Syariah.³⁸ Dalam ekonomi Islam, istilah bank Syariah memiliki konsep tersendiri, iaitu bank yang beroperasi sesuai dengan asas ajaran Islam, memiliki asas operasi yang berbeza dengan asas operasi bank konvensional.³⁹

Dari pengertian di atas, dapat difahami bahawa pengertian bank Syariah tidak jauh berbeza dengan pengertian bank pada umumnya. Perbezaan antara keduanya, terletak pada asas operasi yang digunakan. Bank Syariah beroperasi berasaskan asas

³⁶ Syukri Iskan, *Sistem Perbankan Syariah di Indonesia Analisis Menurut Perspektif Kewangan Islam*, (Tesis Ph.D, 2010), Jabatan Syariah dan Pengurusan Apium. 80

³⁷ ‘Abd Allah b. Muhammad b. Ahmad al-Ṭayyār, *al-Bunūk al-Islāmiyyah Bayna al-Nazariyyah wa al-Ṭaḥqīq*, (Riyad: Dār al-Want, 1993), 88.

³⁸ Sa‘īd Sa‘ad Marthan, *al-Madkhal li al-Fikr al-Iqtisādi fī al-Islām*, (Beirut: Muassasah al-Risālah 2004), 127.

³⁹ A. Djazuli, et al, *Syarikat-syarikat Perekonomian Umat; Sebuah Pengantar*, (Jakarta: Rajawali Grafindo Persada, 2002), 54.

perkongsian untung (*profit and loss sharing/risk return sharing*) dan berbentuk perkongsian, bukan dalam hufaedahn antara penghutang dengan pemiutang, sementara bank konvensional beroperasi berasaskan kepada faedah. Dengan kata lain, kedudukan bank Syariah dalam kaitannya dengan penabung adalah sebagai rakan atau pelabur dan peniaga atau ahli perniagaan, sementara pada bank konvensional hufaedahn itu seumpama pengkredit dan pendebit.⁴⁰ Bank Syariah tidak sahaja mencari keuntungan dalam operasinya semata-mata tetapi juga untuk mencapai nilai-nilai sosial kemasyarakatan dan spiritual dalam Islam.

Secara amnya, matlamat utama bank Syariah ialah untuk menggalakkan dan mempercepatkan kemajuan ekonomi suatu masyarakat dengan melakukan aktiviti perbankan, kewangan, komersial (perniagaan) dan pelaburan sesuai dengan asas Islam. Persoalan pada bank Syariah pada asasnya juga bersumber pada konsep wang, walaupun harus dalam konteks Islam⁴¹, kerana perniagaan perbankan tidak terlepas daripada persoalan penggunaan. Dalam Islam, wang dilihat sebagai alat pertukaran bukan sebagai suatu komoditi, seperti yang ada pada bank konvensional. Peranan wang ini diterima secara luas dengan maksud menghilangkan ketidakadilan, ketidakjujuran dan penindasan dalam aktiviti ekonomi.

2.2 Prinsip Dasar Operasi Bank Syariah.

Islam merupakan agama yang mengatur konsep kehidupan manusia secara menyeluruh dan universal baik dalam hufaedahn dengan Pencipta (*ḤablumminaAllāh*) mahupun dalam hufaedahn sesama manusia (*Ḥablumminannās*). Sistem ekonomi Islam

⁴⁰ Ab. Mumin Ab. Ghani, *Sistem kewangan Islam dan Pelaksanaannya di Malaysia*, (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 1999). 255; Lihat pula Abbas Mirakhor, Short Term Asset Concentration and Islamic Banking, dalam *Theoretical Studies in Islamic Banking and Finance*, (Texas: The Institute for Research and Islamic Studies, 1987). 185

⁴¹ Muhammad, *Syarikat-syarikat Kewangan Umat Kontemporer*, (Jogyakarta, UII Press, 2000). 63.

bukan sahaja terhad pada tahapan konsep, tetapi bersesuaian juga dengan keperluan kehidupan semasa dan hadapan, banyak contoh-contoh yang diajarkan oleh Rasulullah Saw dan ijma' yang dilakukan oleh para pakar fiqh terhadap amalan sistem operasi perbankan kewangan Islam. Sesuai sifat yang universal, maka matlamat tersebut akan selalu bersesuaian dengan keperluan zaman, dalam hal ini sebagai contoh adalah pengembangan syarikat kewangan Islam seperti perbankan dan insurans.⁴²

Prinsip-prinsip sistem ekonomi Islam menjadi asas operasi bank Islam yang tidak mengiktirafkan konsep faedah dan tidak mengiktirafkan peminjaman wang akan tetapi adalah konsep perkhidmatan *muḍārabah* dan *musyārahah* dengan prinsip perkongsian untung. Bank Syariah adalah bank yang menjalankan kegiatan usaha berasaskan prinsip Syariah (prinsip hukum islam) dalam aktiviti perbankan berasaskan fatwa yang dikeluarkan syarikat pihak berkuasa dalam fatwa Syariah.⁴³

2.3 Fungsi dan Matlamat Bank Syariah.

2.3.1 Fungsi Bank Syariah.

Pada asas fungsi bank Syariah tidak jauh berbeza dengan bank konvensional atau bank umum lainnya, seperti yang tertera dalam Undang-Undang Indonesia no.21 tahun 2008 tentang perbankan Syariah bahawasannya⁴⁴:

1. Bank Syariah dan UUS (Usaha Umum Syariah) wajib menjalankan fungsi mengumpul dan menyalurkan dana masyarakat.

⁴² Achmad Barada (1999), *Prinsip Dasar Operasional Perbankan Syariah*, www.bi.go.id/NR/.../bempvol2no3des99.pdf, di akses pada tgl 24 Desember 2012

⁴³ *Ibid.*

⁴⁴ Lailatul Maghfiroh (2010). *Pelaksanaan Talangan Haji Pada PT. Bank Syariah MANDIRI (PERSERO), Tbk Cabang Surabaya*. http://ebook.library.perbanas.ac.id/5844_TA.pdf. hlm. 88-89. H. 13-14, Diakses tanggal Kamis, 22 Mac 2012

2. Bank Syariah dan UUS dapat melaksanakan matlamat sosial dalam bentuk syarikat baitul mal, iaitu menerima dana yang berasal dari zakat, infak, sedekah, hibah, atau dana sosial lain yang diberikan kepada syarikat pengurus zakat.
3. Bank Syariah dan UUS dapat mengumpulkan dana sosial yang berasal dari wakaf wang dan menyalurkannya kepada pengerusi wakaf (nazir) sesuai dengan kehendak pemberi wakaf (wakif).
4. Pelaksanaan fungsi sosial sebagaimana dimaksud pada ayat 2 dan ayat 3 sesuai dengan syarat peraturan undang -undang.

2.3.2 Matlamat Bank Syariah.

Dalam perkembangan perbankan Syariah, pihak kerajaan mengadakan langkah-langkah guna menyokong pelaksanaan pembangunan ekonomi nasional untuk meningkatkan keadilan, kebersamaan, dan kesejahteraan rakyat. Pengembangan perbankan Syariah mempunyai beberapa Matlamat⁴⁵:

- a. Memenuhi keperluan perkhidmatan perbankan bagi masyarakat yang tidak menerima konsep faedah, dengan penerapan sistem perbankan Syariah.
- b. Memberikan kesempatan pembiayaan bagi pengembangan usaha, berasaskan prinsip perkhidmatan antara pelanggan yang berperanan sebagai pelabur yang selaras (*mutual pelabur relationship*).

⁴⁵ Muhammad Syafi'i Antonio, *Bank Syariah dari Teori ke Amalan*, (Jakarta : Gema Insani Press, 2001). 226-227

- c. Membuat produk dan perkhidmatan perbankan yang terbaik dan cemerlang, berupa penghapusan kesan faedah (*perpetual interest effect*), memberikan had terhadap kegiatan usaha yang tidak produktif, dan pembiayaan yang ditujukan pada usaha usaha yang memberi perhatian kepada unsur moral (halal).

Matlamat tersebut menandakan adanya perbezaan Bank Syariah dengan bank konvensional, antara lain⁴⁶:

- a. Keistimewaan hufaedahn pertalian antara pelanggan, pengerusi bank, dan pemegang saham. Kebersamaam pertalian tersebut menjana solidariti dalam menghadapi risiko usaha dan membahagi keuntungan secara jujur dan adil.
- b. Adanya sistem perkongsian untung sebagai pengganti faedah yang diharamkan, semestinya perkongsian untung dan rugi mempunyai dampak positif, antara lain:
- 1.) Kos penolakan inflasi (*Cost push inflation*), iaitu bank islam dijangka boleh menjadi penyokong polisi kewangan yang boleh dipercayai, dan boleh menghilangkan kesan penggunaan sistem faedah pada bank konvensional.
 - 2.) Adanya persaingan munasabah antara bank islam, kerana kejayaan Bank Islam ditentukan oleh matlamat bank dalam membangun kejujuran dan profesional pelanggan.
- c. Adanya fasiliti kredit kebajikan (*al-Qarḍ al-Hasān*) yang diberikan secara percuma. Pelanggan sahaja dikenakan bayaran kos setem , kos pentadbiran dan kos kelayakan.

⁴⁶ Lailatul Maghfiroh (2010). *Pelaksanaan Talangan Haji Pada PT. Bank Syariah MANDIRI (PERSERO), Tbk Cabang Surabaya*. http://ebook.library.perbanas.ac.id/5844_TA.pdf. 88-89, Diakses tanggal Kamis, 22 Mac 2012

- d. Adanya cadangan kehidupan ekonomi yang adil, yang pada amnya terdapat perbezaan antara kelompok ekonomi kuat dengan kelompok ekonomi yang lemah.

2.4 Peranan Bank Syariah.

Peranan syarikat perbankan Syariah secara nyata dapat terwujud dalam hal sebagai berikut:⁴⁷

1. Menjadi tinjauan kajian baharu, ertinya bank Syariah menjadi fasilitator aktif bagi terbentuknya jaringan usaha ekonomi kerakyatan, bank Syariah juga perlu mencontoh kejayaan Syarikat Dagang Islam, untuk penerapan pada masa kini dan masa hadapan.
2. Mengasaskan ekonomi umat dan operasi secara ketelusan, ertinya pengerusi bank Syariah harus berasaskan pada matlamat ekonomi kerakyatan, dan upaya ini terwujud apabila terdapat mekanisme operasi yang jujur dan ketelusan.
3. Memberikan pulangan yang lebih baik, ertinya pelaburan di bank Syariah tidak memberikan janji yang pasti mengenai pulangan keuntungan yang diberikan kepada pelabur. Oleh kerananya, bank Syariah sepatutnya bisa memberikan pulangan yang lebih baik berbanding dengan bank konvensional. Disamping itu, pelanggan akan memberikan bagi hasil sesuai dengan keuntungan yang didapat. Oleh kerana itu, ahli perniagaan harus bersedia memberikan keuntungan yang tinggi kepada bank Syariah.

⁴⁷ Muhammad, *Pengurusan Bank Syariah*, (Yogyakarta, UPP AMP YKPN, 2002), 13-14

4. Menggalakkan penurunan spekulasi di pasar kewangan, ertinya bank Syariah menggalakkan berlakunya transaksi produktif dari dana masyarakat. Dengan demikian, spekulasi boleh ditekan.
5. Menggalakkan pemerataan pendapatan, ertinya bank Syariah bukan sahaja mengumpulkan dana dari pihak ketiga, tetapi dapat mengumpulkan dana Zakat, Infaq dan Sadaqah (ZIS). Dana ZIS boleh disalurkan melalui pembiayaan *al-Qard al-Hasan*, supaya dapat menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Yang pada akhirnya berlaku persamaan ekonomi.
6. Peningkatan kemahiran yang lebih baik terhadap pergerakan dana, ertinya adanya produk *al-muḍārabah* bermakna berlaku kebebasan bank untuk mengurus pelaburan atas dana yang diserahkan oleh pelabur, maka bank Syariah sebagai pengatur kewangan (*financial arranger*), bank mendapatkan perkongsian untung bukan kerana hasil faedah.
7. Uswah Hasanah pelaksanaan moral dalam pengurusan perniagaan bank.
8. Salah satu sebab berlakunya krisis adalah adanya rasuah, kolusi dan nepotisme.

2.5 Produk Perbankan Syariah.

2.5.1. Simpanan.

Secara amnya bank Syariah dalam operasi melakukan aktiviti meliputi tiga hal iaitu;⁴⁸

⁴⁸ Rahadi Kristiyanto, SH (2008), *Konsep Pembiayaan Dengan Prinsip Syariah dan Aspek Hukum Dalam Pemberian Pembiayaan Pada PT. Bank Rakyat Indonesia (PERSERO) TBK. Kantor Cabang Syariah Semarang*, http://eprints.undip.ac.id/18803/1/RAHADL_KRISTIYANTO.pdf. Di akses pada tanggal 24 Desember 2012

- a. Penghimpunan dana.
- b. Penyaluran dana.
- c. Memberikan perkhidmatan perbankan lainnya.

Dalam menghimpun dana, bank Syariah menawarkan beberapa produk dalam bentuk simpanan yang dibahagi dalam dua jenis iaitu:⁴⁹

1. Simpanan dengan prinsip *wadī'ah*.
2. Simpanan dengan prinsip perkongsian untung (*muḍārabah*).

Manakala dalam pemberian dana, bank Syariah memberikan melalui pembiayaan (*financing*) yang berupa pembiayaan dengan prinsip jual-beli (*bai'*) seperti; *Murābahah Istiṣnā'*, Salam, pembiayaan dengan prinsip sewa-beli (*Ijārah*), pembiayaan dengan prinsip perkongsian untung (*Shirkah*) seperti; *Mushārahah*, *Muḍārabah Muṭlaqah*, *Muḍārabah Muqayyadah*. Dan perkhidmatan Pembiayaan lainnya seperti; *Al-Qarḍ*, *Hiwalah*, *Rahn* (gadaian)

Produk simpanan yang menggunakan prinsip *Wadī'ah* dan *Muḍārabah* sebagaimana tersebut di atas, dalam pengamalan biasanya berupa produk sebagai berikut:⁵⁰

⁴⁹ *Ibid.*

⁵⁰ *Ibid.*

1. Giro *Wadī'ah* (Prinsip Simpanan)

Simpanan dana dengan prinsip yang diterapkan dalam produk Giro dan Tabungan. Pengertian “simpanan” adalah pelanggan pemilik dana menyimpan dananya di bank, dengan tidak mengharapkan adanya pulangan (perkhidmatan bank). Namun, untuk memberi galakan, bank dapat memberikan bonus besar yang bersesuaian dengan keuntungan bank.

2. Tabungan *Muḍārabah* (Prinsip perkongsian Hasil)

Simpanan dana dengan prinsip perkongsian hasil ini diterapkan dalam produk Tabungan dan simpanan. Pengertian “perkongsian untung” adalah pelanggan pemilik dana yang melaburkan dana di Bank, akan memperoleh pulangan perkongsian hasil, adapun besarnya dihitung berasaskan nisbah yang disepakati (sebagai contoh 60 peratus untuk pelanggan, 40 peratus untuk Bank) dikalikan dengan dapatan bank pada bulan yang bersangkutan.

3. Tabungan Haji *Muḍārabah*:

Produk ini sama seperti Tabungan *Muḍārabah*, namun pengeluarannya sahaja dapat digunakan untuk pelunasan Biaya Perjalanan Ibadat Haji (BPIH).

4. Deposit *Muḍārabah*:

Pemilik dana (*Ṣahib al-māl*), melaburkan dananya dalam bentuk simpanan, pada amnya memiliki matlamat utama untuk mendapatkan keuntungan perkongsian hasil yang relatif besar. Walaupun kemungkinan bahawa matlamat lain juga ada, iaitu supaya

mendapatkan rezeki yang berkah kerana bersesuaian dengan prinsip Syariah sebagai produk simpanan yang dapat di ambil sesuai masa yang disepakati.

2.5.2. Pembiayaan.

Sumberapatan suatu perbankan Syariah berasal daripada distribusi pembiayaan (*debt financing*) yang dilakukan oleh perbankan Syariah yang terdiri dari:⁵¹

- (1) Pekongsian hasil atas kontrak *muḍārabah* dan kontrak *mushārahah*.
- (2) Keuntungan atas kontrak jual beli (*al-bai ʿ*).
- (3) Hasil sewa atas kontrak *al-ijarāh* dan *al-ijarāh wal iqtināʿ* dan
- (4) Fee dan kos pentadbiran atas perkhidmatan-perkhidmatan Syariah lain.

Berasaskan Pasal 1 angka (12) Undang-Undang No. 10 Tahun 1998 tentang perbankan, dijelaskan bahawa pembiayaan berasaskan prinsip Syariah adalah penyediaan wang atau agihan, berasaskan kesepakatan antara bank dengan pihak lain yang mewajibkan pihak yang dibiayai untuk mengembalikan wang atau agihan tersebut pada masa tempoh tertentu dengan imbalan atau perkongsian untung. Pembiayaan dapat dibagi dalam beberapa jenis sebagai berikut:⁵²

1. Pembiayaan dengan prinsip perkongsian untung.

a. *Muḍārabah*

⁵¹ Pradjoto and Associates, *Pembiayaan dalam Perbankan Syariah*, (Makalah, 2007).

⁵² Pradjoto and Associates, *Pembiayaan dalam Perbankan Syariah*, (Makalah, 2007).

Pengertian dari kata *muḍārabah* yang bersinonim dengan *al-muqāradah* yang bererti suatu akad perkongsian antara dua belah pihak atau lebih, satu pihak sebagai pemodal (*ṣahib al-māl*) menyediakan modal 100% sedangkan pihak lainnya sebagai pengusaha (*al-muḍarib*) hanya sebagai pengelola modal tersebut untuk diusahakan dan keuntungan dari usaha tersebut dikongsi sama antara kedua belah pihak berakad dengan nisbah atau kadar peratusan yang disetujui pada awal akad.⁵³

Pengertian lain dari *muḍārabah* adalah suatu akad antara dua orang atau lebih, pihak pertama disebut pemodal (*Ṣahib al-māl*) dan pihak kedua disebut pengusaha (*muḍarib*) untuk melakukan aktifitas perniagaan atau usaha pelaburan, *muḍārabah* merupakan penumbuhan dana dari pemilik dana (*Ṣahib al-māl*) kepada pengurus dana (*muḍarib*) untuk melakukan kegiatan usaha tertentu dengan perkongsian untung menggunakan metode bagi untung rugi (*profit and loss sharing*) atau metode bagi dapatan (*revenue sharing*) antara kedua pihak berasaskan nisbah (bahagian keuntungan usaha bagi masing-masing pihak yang jumlahnya ditetapkan berasaskan kesepakatan) yang telah disepakati sebelumnya. Dalam pembiayaan *muḍārabah*, bank bertindak selaku *Ṣahib al-māl* dan pelanggan bertindak sebagai *muḍarib*. Tempoh masa pembiayaan, pulangan dana dan pembagian keuntungan ditentukan berasaskan kesepakatan bank dan pelanggan.⁵⁴

Selain daripada itu yang menjadi asas dalam akad *al-muḍārabah* adalah aktiviti pelaburan untuk memperoleh keuntungan dan kedua belah pihak sama-sama memperoleh bahagian dari keuntungan tersebut sesuai dengan kadar peraturan yang

⁵³ Wahbah Adh-dhuhailli, *Fiqh Al-Islāmi wa Adillatuhu*, (Kaherah. Dār Al-Fikr, 2005). 5: 836; Muhammad Muslehuddin, *Urusan Bank dan Hukum Islam*. Izzuddin ibn Mahmud, (Terj). (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka, 1996). 66

⁵⁴ Muhammad Syafi' I Antonio, *Bank Syariah dari Teori ke Amalan*, (Jakarta : Gema Insani Press, 2001). 95

telah disepakati ketika akad. Jika pelaburan tersebut tidak memperoleh keuntungan melainkan kerugian, ianya akan ditanggung oleh pemodal sahaja,⁵⁵ sementara *muḍarib* hanya menanggung kerugian dari segi masa, tenaga, dan fikiran dalam melakukan aktiviti pelaburan. Jika kerugian berlaku disebabkan kelalaian dan kecurangan pengusaha maka ia wajib bertanggungjawab atas kerugian tersebut.⁵⁶

Bank memiliki hak dalam pengawasan dan pembinaan usaha pelanggan. Walaupun bank tidak menyertai dalam pengurusan usaha pelanggan, bagaimanapun bilamana usaha yang dibiayai tersebut mendapatkan kerugian, maka sepenuhnya ditanggung oleh pihak bank, kecuali kerugian tersebut berlaku akibat dari kesalahan atau kecurangan yang dilakukan oleh pelanggan. Dalam hal ini, bank dapat meminta jaminan terhadap risiko yang terjadi bilamana pelanggan tidak memenuhi kewajiban sebagaimana kesepakatan dalam akad. Berasaskan kewenangan yang diberikan kepada *mudharib*, *mudharabah* dibahagi menjadi 2 (dua) jenis, iaitu:⁵⁷

- 1.) *Muḍarabah Muḍlaqah*: *muḍarib* diberi kuasa penuh oleh *Ṣahib al-māl* untuk mengurus modal dengan tidak terhad dalam usaha yang dinilai baik dan menguntungkan. Dalam hal ini tanggung jawab atas pengurus modal perniagaan berada pada *mudharib* sesuai dengan amalan kebiasaan (*‘uruf*).

⁵⁵ Shaikh Muhammad al-Sharbainī al-khatib (t.t), *Muḡnī al-Muḡtāḡ*. (Lebanon: Maktabah al-Islamiyyah). 2: 310; Sham al-Dīn al-Sarakhsī (t.t), *al-Mabsūḡ*, (Beirut: Dar al-Marifah). 11: 18; Muhammad abū Su‘ad. *Money Interest and Qirad, dalam Khursid Ahmad (ed) studies in Islamic Economics. Leicester*, (UK: Islamic Foundation Jeddah: International Center for Research In Islamic Economics King Abdul Aziz University, 1980). 66; ‘Abd al-Rahmān al-Jazirī (t.t). *Fiqh ‘Ala Madhāhib al-Arba‘ah*. (Mesir: Dār al-Irshād wa li al-Tiba‘ah wa Nashr, 1986). 3: 34.

⁵⁶ Sham al-Dīn Abū al-Farj ‘Abd al-Rahmān ibn Abū ‘Umar Muhammad ibn Ahmad ibn Qudāmah al-Maqdisī (t.t), *al-Sharh al-Kabīr*, (Mesir: Dār al-Kitāb al-‘Arabiyyah). 5: 165; Muhammad Syafi’I Antonio, *Bank Syariah dari Teori ke Amalan*, (Jakarta : Gema Insani Press, 2001). 95; Pradjoto and Associates, *Pembiayaan dalam Perbankan Syariah*, (Makalah, 2007).

⁵⁷ Pradjoto and Associates,(Makalah, 2007), *op. cit.*

2.) *Mudārabah Muqayyadah (restricted investment)*: *Ṣahib al-māl* berperan selaku ejen penyalur (*channelling agent*) dan berkuasa menetapkan syarat dan had tertentu terhadap penggunaan dana oleh mudarib. Semua risiko kerugian kegiatan usaha tidak ditanggung oleh bank, tetapi oleh pelabur (pemilik dana), kecuali apabila pelanggan lalai. Dalam skim pembiayaan ini, mudharib tidak diperbolehkan untuk mencampurkan modal dengan dana lain. pada umumnya digunakan untuk pelaburan khusus.

b. *Mushārahah*.

Pengertian *mushārahah* adalah kontrak perkongsian antara pihak pemidil modal atau lebih, secara bersama berkongsi usaha bagi menjalankan suatu perniagaan atau pelaburan, dimana mereka sama-sama bersetuju memberikan modal dan berkongsi untung dan rugi mengikuti pemberian modal masing-masing.⁵⁸ *Mushārahah* merupakan penumbuhan dana dari pemilik dana untuk melaburkan dana mereka pada suatu usaha tertentu, dengan pembagian keuntungan berasaskan nisbah yang telah disepakati sebelumnya, sementara kerugian dan kemalangan ditanggung oleh para pemilik dana berasaskan bahagian dana masing-masing. Dalam hal ini, bank Syariah dan pelanggan yang memerlukan pembiayaan, bersama-sama membiayai dan mengurus suatu usaha atau projek atas prinsip perkongsian untung sesuai dengan kesepakatan, dimana keuntungan dan kerugian dikongsikan secara adil, jujur dan profesional sebagaimana kesepakatan awal. Pada pembiayaan musyarakah, bank juga dibenarkan untuk meminta jaminan terhadap risiko yang terjadi bilamana pelanggan tidak memenuhi kewajipan sebagaimana disepakati dalam akad.⁵⁹

⁵⁸ Wahbah Al-dhuhailī, *Fiqh Al-Islāmi wa Adillatuhu*, (Kaerah: Dār Al-Fikr, 2005). 4: 792.

⁵⁹ Rahadi Kristiyanto, SH (2008), *Konsep Pembiayaan Dengan Prinsip Syariah dan Aspek Hukum Dalam Pemberian Pembiayaan Pada PT. Bank Rakyat Indonesia (PERSERO) TBK. Kantor Cabang Syariah Semarang*, http://eprints.undip.ac.id/18803/1/RAHADI_KRISTIYANTO.pdf. Di akses pada tanggal 24 Desember 2012

2. Pembiayaan dengan Prinsip Sewa (*Ijārah*).

Pengertian *Ijārah* adalah suatu kontrak pertukaran antara suatu manfaat dengan ganjaran atau bayaran tertentu.⁶⁰ Menurut Sayyid Sabiq, *Ijārah* adalah suatu jenis akad yang mengambil manfaat dengan jalan penggantian.⁶¹ *Ijārah* merupakan transaksi sewa menyewa atas suatu barang atas suatu perkhidmatan dalam masa tertentu melalui pembayaran sewa atau imbalan perkhidmatan sesuai dengan kesepakatan, setelah masa sewa berakhir maka barang dikembalikan kepada bank. Kewajipan bank Syariah dengan menyediakan barang yang disewakan, baik barang milik bank mahupun barang yang bukan milik bank untuk kepentingan pelanggan berasaskan kesepakatan. Walau bagaimanapun, bank mempunyai hak penggunaan atas barang yang disewakan. Jenis-jenis *Ijarah* adalah sebagai berikut:⁶²

- a. *Ijārah wa iqtina* ‘ (*hire purchase*): kesepakatan sewa menyewa antara bank (*mu ‘ājir*) dengan penyewa (*mustajir*) bahawa pada saat akad berakhir, *mustajir* dapat memiliki barang yang disewakan. Dalam akad telah diatur bahawa bayaran ansuran sewa sudah termasuk ansuran utama harga barang sewa.
- b. *Ijārah Muṭlaqah* (*operating lease*): merupakan suatu kontrak leasing untuk kepentingan sewa menyewa barang, modal, pekerja atau tenaga ahli dalam tempohan masa tertentu atau untuk usaha projek tertentu.

⁶⁰ ‘Abd al-Wahhab Ibrahim Abu Sulayman, ‘*Aqd al-Ijārah Maṣḍar min Maṣādir al-Tamwīl al-Islāmiyyah: Dirasah Fiqhiyyah Muqaranah*, (Jeddah: al-Ma’had al-Islāmi li al-Buhuth wa al-Tadrib, 1992).18; Yasin Salwati, *al-Mawsu’ah al-‘Arabiyyah al-Muyassarah wa al-Muwassa’ah*, (Beirut: Muassasah al-Tarikh al-‘Arabi, 2001). Jil. 1. 218; dan Mohammad Muzaffar, *Ijārah: Financing on The Basis of Hire-Purchase and Leasing*, dalam *Encyclopaedia of Islamic Banking and Insurance*, (London: Institute of Islamic Banking and Insurance, 1995). 137

⁶¹ Al-Sayyid Sabiq, *Fiqh Al-Sunnah*, (Kaherah: Dār al-Fath li ‘Ilām al-‘Arabiyy. tt: XII, 2001). 137

⁶² Rahadi Kristiyanto, SH (2008), *Konsep Pembiayaan Dengan Prinsip Syariah dan Aspek Hukum Dalam Pemberian Pembiayaan Pada PT. Bank Rakyat Indonesia (PERSERO) TBK. Kantor Cabang Syariah Semarang*, http://eprints.undip.ac.id/18803/1/RAHADL_KRISTIYANTO.pdf. Di akses pada tanggal 24 Desember 2012

- c. *Mushārahah Mutanaqqiṣah* (*decreasing participation*): gafaedahn penyertaan pengambilan bahagian modal dengan sewa menyewa. Pada umumnya banyak digunakan dalam pembiayaan kredit perumahan dan proses pembiayaan semula dalam penyusunan kredit semula.

3. Pembiayaan dengan Prinsip Jual Beli;

- a. *Murābahah*; Murabahah adalah penjualan dengan harga pembelian barang berikut untung yang diketahui.⁶³ Dalam pengertian lain *murābahah* adalah akad jual beli barang dengan menyatakan harga pendapatan dan keuntungan yang disepakati oleh penjual dan pembeli.⁶⁴ *Murābahah* merupakan akad jual beli antara kesepakatan bank Syariah dengan pelanggan, bank menyediakan pembiayaan untuk pembelian barangan atau modal kerja lain yang diperlukan pelanggan, pelanggan akan melakukan bayaran pembiayaan sebesar harga jual bank pada masa yang ditetapkan sesuai kesepakatan. Peralihan barang kepemilikan dari bank kepada pelanggan setelah akad jual beli disahkan dan ditandatangani. Bank mewakilkan kepada pelanggan untuk membeli barangan (*wakalah*), maka akad *murābahah* mesti dilakukan setelah barangan tersebut secara prinsip menjadi milik bank.

Dalam *murābahah*, cara pelunasan dan tempoh masa yang disepakati oleh kedua belah pihak, bisa dilakukan secara langsung atau angsuran, bank berkuasa meminta pelanggan untuk menyediakan jaminan untuk menjangka risiko apabila pelanggan tidak memenuhi kewajiban sebagaimana kesepakatan dalam akad. Bank juga dapat meminta pelunasan wang

⁶³ Al-Sayyid Sabiq, *Fiqh Al-Sunnah*, (Kaherah: Dār al-Fath li ‘Ilām al-‘Arabiy. tt: XII, 2001). 137

⁶⁴ Adiwarmar Karim, *Bank Islam Analisis Fiqih dan Keuangan*, (Jakarta: IIT Indonesia, 2003). 161

pendahuluan oleh pelanggan saat awal akad. Selama akad jual beli belum berakhir, harga jual beli tidak boleh berubah, apabila berlaku perubahan maka akad menjadi batal.⁶⁵

b. Salam; Merupakan akad jual beli antara bank dengan pelanggan atas suatu barang yang mana proses pelunasan harga barang dilakukan langsung oleh bank, manakala barangnya akan diserahkan kemudian oleh pelanggan kepada bank dalam tempoh masa yang telah disepakati. Selanjutnya, bank bisa menjual kembali barang tersebut kepada pelanggan atau pihak lain (pembeli) mahupun kepada pelanggan semula secara ansuran. Syarat utama dari salam adalah jenis, macam, ukuran, kualiti dan jumlah barang yang dijual harus jelas dan menguntungkan. Keuntungan yang diperoleh bank dari perbezaan harga jual barang antara bank kepada pihak lain (pembeli) dan pelanggan kepada bank. Pada umumnya banyak dilakukan untuk pembiayaan bidang pertanian.⁶⁶

c. *Istishnā'*; Merupakan akad jual beli yang dilakukan antara pelanggan sebagai pembeli dengan bank Syariah sebagai pengelola atau penjual, dimana penjual (pihak bank) membuat barang yang dipesan oleh pelanggan. Usaha perbankan dalam memenuhi pesanan pelanggan dapat memberikan penawaran kepada pihak lain dan barang yang akan diperjualbelikan harus dibuat lebih dulu dengan kriteria yang jelas. Pada amnya, pembiayaan *istishnā'* dilakukan untuk pembiayaan pembangunan.⁶⁷

⁶⁵ Rahadi Kristiyanto, SH (2008), *Konsep Pembiayaan Dengan Prinsip Syariah dan Aspek Hukum Dalam Pemberian Pembiayaan Pada PT. Bank Rakyat Indonesia (PERSERO) TBK. Kantor Cabang Syariah Semarang*, http://eprints.undip.ac.id/18803/1/RAHADI_KRISTIYANTO.pdf. Di akses pada tanggal 24 Desember 2012

⁶⁶ Rahadi Kristiyanto, SH (2008), *Konsep Pembiayaan Dengan Prinsip Syariah dan Aspek Hukum Dalam Pemberian Pembiayaan Pada PT. Bank Rakyat Indonesia (PERSERO) TBK. Kantor Cabang Syariah Semarang*, http://eprints.undip.ac.id/18803/1/RAHADI_KRISTIYANTO.pdf. Di akses pada tanggal 24 Desember 2012

⁶⁷ *Ibid.*, Di akses pada tanggal 24 Desember 2012

4. Pembiayaan dengan Prinsip Akad Pelengkap⁶⁸;

- a. Hiwalah; pengertian hiwalah iaitu memindahkan hutang dari tanggungan muhil (orang yang berhutang) menjadi tanggungan muhal'alaih (orang yang melakukan pembayaran hutang), hiwalah juga merupakan akad pemindahan utang dari tanggungan seseorang yang berhutang kepada orang lain, dimana orang lain itu mempunyai utang pula kepada yang memindahkan,⁶⁹ dalam pembiayaan hiwalah bererti mengalihkan piutang pelanggan kepada bank Syariah untuk membantu pelanggan mendapatkan modal supaya dapat melanjutkan produksinya, bank mendapat imbalan atas perkhidmatan pengalihan piutang tersebut. Hiwalah secara umum merupakan anjak piutang.

- b. Rahn; Merupakan transaksi gadai antara bank Syariah dengan pemilik barang yang memerlukan dana dimana pemilik barang dapat menggadaikan barang yang dimilikinya untuk menjadikan barang tersebut sebagai jaminan hutang kepada bank, sampai pemilik barang yang berkaitan boleh mengambil pulangan barang setelah pelunasan hutangnya kepada bank. Bank akan membebaskan perkhidmatan gadai bersesuaian dengan kesepakatan.

- c. *al-Qarḍ*; Merupakan akad antara bank Syariah dengan pelanggann untuk memudahkan pelanggan yang memerlukan dana talangan segera untuk tempoh masa yang singkat. Dalam kes ini, bank menyediakan fasiliti pinjaman dana kepada pelanggan, dan pelanggan sahaja berkewajipan mengembalikan sejumlah pinjaman,

⁶⁸ *Ibid.*, Di akses pada tanggal 24 Desember 2012

⁶⁹ Al-Sayyid Sabiq. *Fiqh Al-Sunnah*. Kaherah: Dār al-Fath li 'Ilam al-'Arabi, tt: XII, 2001. 43; Ibn Qudāmah. *Al-Mughnī*, Bait al-Afkār al-dauliyyah 2013. 7: 55; Al-Nawawī, *Rauḍah al-Ṭālibīn*. (al-Maktabah al-Islāmī, 2013). 4: 706.

sementara bank dilarang meminta biaya tambahan apapun dari pelanggan, kecuali pelanggan memberikan dengan suka rela.

Bank Syariah juga menyediakan fasilitas pinjaman dana kepada pelanggan dalam pelaksanaan ibadah haji, yaitu dengan memberikan pembiayaan dana talangan kepada pelanggan guna untuk kemudahan penyediaan awal pelwang haji dengan menutupi pelunasan sesuai dengan perjanjian yang telah disepakati antara bank dan pelanggan.

5. Pembiayaan pelbagai perkhidmatan.

Pembiayaan pelbagai perkhidmatan merupakan bentuk pembiayaan yang menggunakan akad *Ijārah* atau *Kafālah*. Dalam pembiayaan ini, bank Syariah mendapatkan bayaran dari imbalan perkhidmatan (*ujrah*) sesuai dengan kesepakatan awal, yang dinyatakan dalam bentuk nominal, bukan dalam bentuk peratus.⁷⁰

2.5.3. Produk Lainnya

Selain itu bank Syariah juga memberikan perkhidmatan perbankan lainnya yang berupa⁷¹:

1. Wakalah (perwakilan)
2. Sharf (jual beli mata wang)
3. Kafālah (jaminan bank)

⁷⁰ Rahadi Kristiyanto, SH (2008), *Konsep Pembiayaan Dengan Prinsip Syariah dan Aspek Hukum Dalam Pemberian Pembiayaan Pada PT. Bank Rakyat Indonesia (PERSERO) TBK. Kantor Cabang Syariah Semarang*, http://eprints.undip.ac.id/18803/1/RAHADI_KRISTIYANTO.pdf. Di akses pada tanggal 24 Desember 2012

⁷¹ Rahadi Kristiyanto, SH (2008), *Konsep Pembiayaan Dengan Prinsip Syariah dan Aspek Hukum Dalam Pemberian Pembiayaan Pada PT. Bank Rakyat Indonesia (PERSERO) TBK. Kantor Cabang Syariah Semarang*, http://eprints.undip.ac.id/18803/1/RAHADI_KRISTIYANTO.pdf. Di akses pada tanggal 24 Desember 2012

4. Ijārah (sewaan)

5. Wadī'ah Amanah (simpanan) dll.

2.6 Pembiayaan dalam Sistem Perbankan Syariah.

2.6.1 Pengertian Pembiayaan.

Pembiayaan mengandung definisi sebagai pendanaan yang dilakukan oleh syarikat pembiayaan seperti bank Syariah kepada pelanggan. Secara umum pengertian *financing* atau pembelanjaan iaitu pendanaan yang dikeluarkan untuk menyokong pelaburan yang telah direncanakan, baik dilakukan sendiri mahupun dilakukan oleh orang lain, baik dilakukan individu mahupun syarikat.⁷²

Menurut M. Syafi'I Antonio menjelaskan bahawa pembiayaan merupakan salah satu tugas matlamat yang utama bagi bank, iaitu pemberian fasiliti penyediaan dana untuk memenuhi keperluan pihak-pihak yang merupakan defisit unit.⁷³

Sementara menurut Undang-Undang No. 10 tahun 1998 tentang Perbankan menyatakan: Pembiayaan berasaskan prinsip Syariah adalah penyediaan wang atau agihan atau yang dipersamakan dengan itu berasaskan Matlamat atau kesepakatan antara bank dengan pihak lain yang mewajibkan pihak yang dibiayai untuk mengemalikan wang atau agihan tersebut setelah tempoh masa tertentu dengan imbalan atau bagi hasil sesuai dengan akad yang telah disepakati.⁷⁴

⁷² Muhammad, *Pengurusan Bank Syariah*, (Yogyakarta : UPP AMP YKPN. 2005), 304.

⁷³ Muhammad Syafi'I Antonio, *Bank Syariah dari Teori ke Amalan*, (Jakarta : Gema Insani Press, 2001). 160

⁷⁴ UU No. 10 tahun 1998 tentang Perbankan, ayat 1 pasal 12.

2.6.2 Fungsi dan Matlamat Pembiayaan.

a. Fungsi Pembiayaan.

Kewujudan bank Syariah sebagai pelaksanaan pembiayaan berasaskan prinsip Syariah bukan sahaja untuk mencari keuntungan dan mengambil bahagian terhadap bisnis perbankan di Indonesia, tetapi juga untuk menciptakan lingkungan bisnis yang aman, antaranya⁷⁵:

1. Memberikan pembiayaan dengan prinsip Syariah yang menerapkan sistem perkongsian yang tidak memberatkan penghutang.
2. Membantu kaum susah yang tidak teriktiraf oleh bank konvensional kerana tidak boleh memenuhi persyaratan yang ditetapkan oleh bank konvensional.
3. Membantu masyarakat ekonomi lemah dengan memberikan derma dan bantuan melalui pendanaan untuk usaha yang dilakukan.

b. Matlamat Pembiayaan.

Matlamat pembiayaan berasaskan prinsip Syariah adalah untuk meningkatkan peluang pekerjaan dan kesejahteraan ekonomi bersesuaian dengan nilai-nilai Islam. Pembiayaan tersebut mesti dapat dinikmati oleh sebanyak-banyaknya ahli perniagaan yang bergerak dibidang industri, pertanian, dan perdagangan untuk menyokong kesempatan kerja dan menyokong produksi dan distribusi barangan dan perkhidmatan dalam memenuhi keperluan dalam negeri mahupun eksport.⁷⁶

⁷⁵ Yusuf, Ayus Ahmad dan Abdul Aziz, *Pengurusan operasional Bank Syariah*, (Cirebon: STAIN Press, 2009). 68

⁷⁶ Ibid.

Pembiayaan merupakan aktiviti yang sangat penting kerana dengan pembiayaan akan diperoleh sumber dapatan utama dan menjadi penyokong pelaksanaan usaha bank. Sebaliknya, apabila pengurus tidak baik akan menimbulkan permasalahan dan berhentinya usaha bank. Oleh kerana itu, diperlukan adanya suatu pengurusan pembiayaan Syariah yang baik supaya penyaluran dan pembiayaan kepada pelanggan boleh berkesan dan selaras sesuai dengan matlamat dari syarikat mahupun Syariah Islam. Oleh kerana itu, masyarakat digalakkan untuk lebih dapat memahami mengenai konsep pengurusan pembiayaan Syariah guna bagi kepentingan kemajuan perekonomian yang berasaskan Syariah. Pembiayaan berasaskan prinsip Syariah adalah pengembalian pinjaman dengan bagi hasil berasaskan kesepakatan antara bank dan penghutang. Misalnya, pembiayaan dengan prinsip jual beli ditujukan untuk membeli barang, manakala yang menggunakan prinsip sewa ditujukan untuk mendapat perkhidmatan. Prinsip bagi hasil digunakan untuk usaha perkhidmatan untuk mendapatkan barangan dan perkhidmatan sepenuhnya, maka hal ini berbeza dengan pengertian kredit yang mewajibkan penghutang mengembalikan pinjaman dengan pemberian faedah kepada bank.⁷⁷

2.6.3 Jenis-Jenis Pembiayaan.

Menurut sifat penggunaannya, pembiayaan dapat dibahagi menjadi dua bahagian berikut⁷⁸:

2.6.3.1. Pembiayaan produktif, iaitu pembiayaan yang bermatlamat untuk memenuhi keperluan produksi dalam makna luas, iaitu untuk peningkatan usaha, baik

⁷⁷ Muhamad Mujahidin Blog (2010), *Pengurusan Pembiayaan Syariah*, <http://mujahidinimeis.wordpress.com/2010/05/02/pengurusan-pembiayaan-Syariah/>, diakses pada tanggal 24 Februari 2013.

⁷⁸ Muhammad Syafi'i Antonio, *Bank Syariah dari Teori ke Amalan*, (Jakarta : Gema Insani Press, 2001). 161

usaha produksi, perdagangan, mahupun pelaburan. Menurut keperluannya, pembiayaan produktif dapat dibagi menjadi dua hal berikut:

2.6.3.1.1. Pembiayaan modal kerja.

Pembiayaan untuk memenuhi keperluan:

- a. Peningkatan produksi, baik secara kuantitatif mahupun secara kualitatif.
- b. Untuk keperluan perdagangan (baik secara umum mahupun pesanan) atau peningkatan *utility of place* dari suatu barang.

1. Pembiayaan Kecairan; Pembiayaan yang digunakan untuk memenuhi keperluan yang terjadi akibat berlakunya ketidakseimbangan (*mismatched*) antara *cash inflow* dan *cash outflow* pada syarikat pelanggan. Fasilitas yang diberikan oleh bank konvensional adalah fasilitas cerukan (*overdraft facilities*) atau biasa disebut kredit akuan, pada bank Syariah fasilitas ini diberikan dalam bentuk *al-qard* atau yang disebut dengan kompensasi keseimbangan (*compensating balance*).⁷⁹

2. Pembiayaan Piutang (*Receivable Financing*); Pembiayaan kepada syarikat yang menjual barang dengan kredit, tetapi memiliki jumlah dan tempoh masa yang melebihi kapasitas modal kerja. Pada bank konvensional biasanya memberikan fasilitas sebagai berikut:⁸⁰

- a. Pembiayaan Piutang (*Receivable Financing*); Bank memberikan pinjaman dana kepada pelanggan untuk mengatasi kekurangan dana kerana masih terkendala dengan masalah hutang. Atas pinjaman tersebut bank meminta pengalihan hak

⁷⁹ *Ibid.*, 162

⁸⁰ Muhammad Syafi'i Antonio, *Bank Syariah dari Teori ke Amalan*, (Jakarta : Gema Insani Press, 2001). 162

hutang atas agihan pelanggan tersebut, pelanggan berkewajipan untuk menuntut piutangnya, akan tetapi, bank berhak untuk menuntut langsung kepada pihak yang berhutang dengan menggunakan hak hutang tersebut. Pada bank Syariah untuk pembiayaan piutang tersebut dapat dilakukan dalam bentuk *al-qard* di mana bank tidak boleh meminta pulangan kecuali kos pentadbiran.

b. Faktor Piutang; Fasilitas ini diberikan oleh bank dalam bentuk pengambil alih piutang pelanggan. Untuk keperluan tersebut, pelanggan mengeluarkan draf (wesel agihan) yang diakses oleh pihak yang berhutang atau yang dikeluarkan oleh pihak yang berhutang kemudian disahkan oleh pelanggan. Pada bank Syariah dapat memberikan fasilitas pengambilalihan putang, iaitu yang disebut *hiwālah*. Akan tetapi, untuk fasilitas ini pun bank tidak dibenarkan untuk meminta imbalan kecuali kos perkhidmatan atau pentadbiran dan kos agihan. Dengan demikian, bank Syariah meminjamkan wang sebesar piutang yang tertera dalam dokumen piutang (wesel agihan atau promes) yang diserahkan kepada bank dengan tidak ada potongan. Bilamana ternyata pada saat tempoh matang, hasil agihan itu digunakan untuk melunasi hutang pelanggan kepada bank, tetapi hutang tersebut tidak dituntut, pelanggan harus membayar kembali hutangnya kepada bank. Bahkan sebahagian ulama memberikan jalan keluar berupa pembelian surat hutang (*bai 'al-dayn*), tetapi sebahagian ulama melarangnya.⁸¹

3. Pembiayaan Persediaan; Bank konvensional menyediakan fasilitas ini dalam bentuk kredit modal kerja yang digunakan untuk pembiayaan dana persediaan dengan memberikan pinjaman dengan faedah. Manakala bank Syariah pula mempunyai

⁸¹ Bank Islam Malaysia Berhad, *Islamic Banking Practice From The Practitioner's Perspective*, (Kuala Lumpur. BIMB, 1994).

mekanisme tersendiri untuk memberikan dana persediaan, yaitu dengan menggunakan prinsip jual beli (*al-bai'*) dalam dua tahap. Tahap pertama, bank mengadakan (membeli dari pemodal secara cas) barang-barang yang diperlukan oleh pelanggan. Tahap kedua, bank menjual kepada pelanggan pembeli dengan bayaran tangguh dan dengan mengambil keuntungan yang disepakati bersama antara bank dan pelanggan. Ada beberapa bentuk jual beli yang digunakan untuk menyediakan fasilitas tersebut, yaitu sebagai berikut:⁸²

- a. *Bai' al-Murābahah*; Pembiayaan persediaan dalam usaha produksi tersendiri atas kos pengadaan modal asas. Melalui proses produksi, modal asas tersebut akan menjadi barang setengah jadi, kemudian menjadi barang jadi yang siap untuk dijual. Pembiayaan ini juga dapat diberikan kepada pelanggan yang memerlukan dana untuk pengadaan bahan mentah dan bahan penolong, sementara kos proses produksi dan penjualan dapat di lunasi dalam tempoh masa sesuai dengan lamanya perolehan modal kerja tersebut.
- b. *Bai' al-Istisnā'*; Pemberian fasilitas dari pihak bank guna untuk pembiayaan proses produksi sampai menghasilkan barang jadi, bank melakukan pesanan barang dengan harga yang disepakati kedua pihak dan dengan pembayaran di awal secara angsuran bertahap sesuai dengan proses produksi.
- c. *Bai' al-Salām*; Pemberian fasilitas dari bank dengan melakukan pesanan barang kepada pelanggan dengan bayaran di awal secara tunai dan pelanggan berkewajiban menyampaikan barang tersebut pada masa yang telah disepakati dalam kontrak.⁸³

⁸² Muhammad Syafi'i Antonio, *Bank Syariah dari Teori ke Amalan*, (Jakarta : Gema Insani Press, 2001). 164.

⁸³ Muhammad Syafi'i Antonio, *Bank Syariah: Suatu Pengenalan Umum*. (Jakarta: Bank Indonesia dan Tazkia Institute, 1999).

2.6.3.1.2. Pembiayaan Modal Kerja untuk Perdagangan.

a. Perdagangan umum merupakan perdagangan yang dilakukan dengan matlamat pembeli siapa sahaja yang datang membeli barang-barang yang telah disediakan ditempat penjual, baik pedagang runcit (*retailer*) mahupun pedagang besar (*wholeseller*), perolehan modal kerja (*working capital turnover*) perdagangan seperti ini sangat tinggi, tetapi pedagang mesti mempertahankan sejumlah persediaan yang cukup kerana barang-barang yang dijual terhad jumlah persediaannya atau telah dikuasai penjual. Untuk pembiayaan modal kerja perdagangan seperti ini bentuk yang paling tepat adalah bentuk *muḍārabah*.⁸⁴

b. Perdagangan berasaskan pesanan merupakan perdagangan yang dilakukan atau diselesaikan ditempat penjual, iaitu seperti perdagangan dalam negara, perdagangan antar pulau atau perdagangan antar negara. Bank konvensional memberikan fasiliti *letter of credit* (L/C), manakala pada bank Syariah menggunakan mekanisme L/C dalam bentuk *al-wakalah*, *al-mushārahah*, *al-muḍārabah*, ataupun *al-murābahah*.⁸⁵

2.6.3.1.3 Pembiayaan Pelaburan.

Pembiayaan untuk menyediakan keperluan barang-barang modal (*capital goods*) serta fasiliti-fasiliti yang erat kaitnya dengan itu.⁸⁶ Pembiayaan pelaburan diberikan kepada pelanggan untuk keperluan penambahan modal guna untuk mengadakan

⁸⁴ Sami Hasan Ahmad Hamaoud, *Ṭaḥwīr al-A'mal al-Mash-rafīyah bimā Yattafiq wa al-Shari'ah al-Islāmiyah*. (Amman. Matba'atu ash-Sharq wa Maktabatuha, 1982).

⁸⁵ Muhammad Syafi'i Antonio, *Bank Syariah dari Teori ke Amalan*, (Jakarta : Gema Insani Press, 2001). 166.

⁸⁶ *Ibid.*, 161.

pemulihan perluasan usaha, ataupun penumbuhan projek baru. Ciri-ciri pembiayaan pelaburan iaitu:⁸⁷

1. Untuk pengadaaan barang-barang modal.
2. Mempunyai rancangan peruntukan dana yang sempurna dan terarah.
3. Bertempoh masa menengah dan masa hadapan.

Pada umumnya, pembiayaan pelaburan diberikan dalam jumlah yang besar dan proses yang cukup lama. Oleh kerananya, perlu disusun matlamat arus kas (*projected cash flow*) yang meliputi semua bahagian biaya dan dapatan supaya dapat diketahui sisa baki dana yang tersedia setelah dipenuhi semua kewajipan.⁸⁸

2.6.3.2 Pembiayaan Penggunaan, iaitu; pembiayaan yang digunakan untuk memenuhi keperluan konsumsi, yang akan habis digunakan untuk memenuhi keperluan. Pembiayaan penggunaan diperlukan oleh pengguna dana untuk memenuhi keperluan konsumsi iaitu, keperluan primer (asas) dan keperluan sekunder. Keperluan primer adalah keperluan asas, baik berupa barangan, seperti makanan, minuman, pakaian, dan tempat tinggal, mahupun berupa perkhidmatan, seperti pendidikan dan pengubatan. Manakala keperluan sekunder adalah keperluan tambahan, yang secara kuantitatif mahupun kualitatif lebih tinggi dari keperluan primer.⁸⁹

⁸⁷ *Ibid.*, 167.

⁸⁸ *Ibid.*, 167.

⁸⁹ Muhammad Syafi'i Antonio, *Bank Syariah dari Teori ke Amalan*, (Jakarta : Gema Insani Press, 2001). 160

Pada bank konvensional memberikan had terhadap pemberian kredit untuk memenuhi barang tertentu yang dapat disertai dengan bukti kepemilikan yang sah, seperti rumah dan kendaraan, yang kemudian menjadi barang jaminan utama (*main collateral*). Manakala untuk keperluan perkhidmatan, bank meminta jaminan berupa barang lain yang dapat dikaitkan dengan jaminan utama. Sumber pulangan bayaran kembali atas pembiayaan tersebut berasal dari sumber dapatan lain dan bukan dari penggunaan barang yang dibiayai dari fasiliti tersebut. Bank Syariah menyediakan pembiayaan yang bersifat perniagaan untuk menyediakan keperluan barang konsumsi dengan menggunakan bentuk sebagai berikut⁹⁰:

1. *Al-bai' bi thaman ajil* (jual beli dengan ansuran).
2. *Al-ijarah al-muntahā bit-tamlīk* (sewa beli)
3. *Al-musyarakah mutanaqqiṣah* atau *decreasing participation*, dimana secara tahapan bank menurunkan jumlah partisipannya.
4. *Ar-Rahn* untuk pemenuhan keperluan perkhidmatan.

Produk pembiayaan talangan haji juga merupakan salah satu jenis pembiayaan penggunaan, dimana talangan haji merupakan pembiayaan untuk memudahkan pembiayaan pelanggan dan memenuhi keperluan dalam menjalankan ibadat haji. Talangan haji itu sendiri merupakan jenis pembiayaan *al-Qard* yang ertinya adalah akad penyalangan dana atau penanguhan dana sementara dari bank kepada pelanggan untuk menutupi kekurangan dana guna untuk mendapatkan pelwang keberangkatan haji.

⁹⁰ *Ibid.*, 168.

Pelanggan berkewajiban melunasi bayaran talangan sesuai dengan tempoh masa yang telah disepakati antara pihak bank dan pelanggan.⁹¹

Perbankan Syariah merupakan salah satu sistem perbankan yang dikembangkan berasaskan hukum Islam, kewujudan perbankan Syariah sebagai pelaksana pembiayaan berasaskan prinsip Syariah untuk meningkatkan kesempatan kerja dan kesejahteraan ekonomi bersesuaian dengan nilai-nilai Islam, penubuhan produk pembiayaan mesti dapat dinikmati oleh pengguna untuk memenuhi keperluan modal kerja perniagaan, dan pelaburan. pembiayaan berdasarkan prinsip Syariah adalah penyediaan wang atau agihan yang berasaskan persetujuan atau kesepakatan antara bank dengan pihak lain dengan mewajibkan pihak yang dibiayai untuk mengembalikan wang dan tagihan tersebut setelah tempoh masa tertentu dengan pulangan atau perkongsian hasil.⁹²

2.7 Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, perniagaan dalam perbankan Islam merujuk kepada sistem perbankan yang berasaskan kepada undang-undang Syariah. Prinsip-prinsip asas yang menguasai perbankan Islam ialah saling berkongsi risiko dan keuntungan antara kedua-dua pihak, jaminan keadilan untuk semua dan urus niaga yang dijalankan berdasarkan kepada aktiviti perniagaan atau aset asas. Prinsip-prinsip ini disokong oleh nilai-nilai teras perbankan Islam yang menggalakkan aktiviti yang memupuk keusahawanan, menjana perniagaan dan perdagangan serta menghasilkan pembangunan

⁹¹ *Ibid*

⁹² *Ibid.*

kemasyarakatan atau manfaat, dan aktiviti yang melibatkan faedah (*riba*), perjudian (*maisir*) dan urus niaga spekulatif (*gharar*) adalah dilarang.

Dengan memanfaatkan pelbagai konsep kewangan Islam seperti *ijārah* (sewaan), *muḍārabah* (perkongsian keuntungan) dan *mushārah* (perkongsian) dan lain sebagainya, institusi perbankan mempunyai fleksibiliti, kreativiti dan pilihan yang lebih banyak dalam menghasilkan produk-produk kewangan Islam. Selain itu, dengan menekankan bahawa keperluan terhadap urus niaga harus disokong oleh aktiviti berkaitan perdagangan atau perniagaan.

BAB III
DANA TALANGAN HAJI DI BANK MUAMALAT
CAWANGAN ACEH

3. Pendahuluan.

Setelah pembahasan mengenai perniagaan dalam perbankan Islam serta teori-teori perbankan Syariah, disini pengkaji membahas mengenai salah satu produk pembiayaan Bank Muamalat di Aceh iaitu Dana Talangan Haji, yang mana Bank Muamalat merupakan salah satu institusi yang berkhidmat dalam membantu bakal calon jemaah haji dalam proses pendaftaran perjalanan ibadat haji, maka Bank Muamalat selaku perbankan Syariah menawarkan produk Dana Talangan Haji yang banyak menarik minat para pelanggan untuk menjadi pembiayan ini dapat memudahkan dalam melakukan ibadat haji.

Pada bab ini juga pengakaji akan mencuba meneliti tentang asas hukum pembiayaan dana talangan haji dari tinjauan perspektif Islam mengenai kebolehan dana talangan haji. Penumbuhan produk Talangan Haji dari bank ini terdapat perubahan arah makna *istiṭā'ah* (mampu) yang merupakan prinsip dalam menunaikan ibadat haji. pengakaji mencuba melihat dari perspektif ekonomi Islam yang lebih realiti dengan melihat kesan sosilogi yang ditimbulkan, yang mana sebetulnya belum *istiṭā'ah* (mampu) untuk menunaikan ibadat haji tetapi sudah mendapatkan peluang dari dana talangan serta mengakaji bagaimana sistem pengurusan pembiayaan dana talangan haji pada bank khusus nya Bank Muamalat cawangan Banda Aceh.

Untuk terlebih dahulu, disini pengakaji menguraikan sedikit profil penumbuhan Bank Muamalat serta produk-produk perkhidmatan dan pembiayaan pada Bank Muamalat di Aceh.

3.1 Sejarah Penumbuhan Bank Muamalat.

Pada awal tahun 1980 pembahasan mengenai institusi perbankan Islam di Indonesia telah mula dibincangkan. Antara tokoh yang terlibat dalam pembahasan ini adalah Karnean A. Perwataatmadja,⁹³ M. Dawam Rahardjo, A.M Saefuddin dan yang lainnya.⁹⁴ Perbincangan lebih khusus bagi menumbuhkan institusi perbankan Islam di Indonesia bermula pada tahun 1990. Sebagai langkah awalnya Majelis Ulama Indonesia (MUI) mula mengadakan seminar dengan tajuk: “Faedah Bank dan Perbangkan” di Cisarua, Bogor-Jawa Barat pada 18-20 Ogos 1990.⁹⁵

Selanjutnya hasil daripada seminar tersebut dibahas lebih mendalam pada mesyuarat Nasional ke-4 MUI yang dilaksanakan di Hotel Sahid Jaya, Jakarta pada 22-25 Ogos 1990. Berasaskan hasil mesyuarat Nasional ke-4 MUI tersebut, dilantik satu jawatan kuasa untuk menumbuhkan bank Islam di Indonesia. Jawatan kuasa ini pula di kenal sebagai jawatan kuasa dibawah seliaan MUI yang berperanan membincangkan perihal penubuhan bank Islam dengan semua pihak yang berkaitan, seperti presiden Indonesia Suharto, pada Ulama, para ahli niaga, usahawan dan ahli ekonomi Islam.⁹⁶

Maka pada 1 November 1991, sebagai hasil rancangan Majelis Ulama Indonesia (MUI) dan kerajaan Indonesia ditubuhkan Syarikat Bank Muamalat Indonesia (BMI), dan memulai kegiatan operasinya pada 1 Mei 1992. Dengan sokongan nyata dari Ikatan Cendekiawan Muslim se-Indonesia (ICMI) dan beberapa ahli niaga Muslim,

⁹³ Karnean A. Perwataatmadja, *Apa dan Bagaimana Bank Islam*. (Jakarta: Risalah Gusti, 1992), 84

⁹⁴ M. Dawam Rahardjo, *Bank Islam Suatu Alternatif Dalam Sistem Perbankan Islam*. (Bandung: al-vabet1992), 34; dan Muhammad Syafi'i Antonio (2001), *op.cit.*, h. 25.

⁹⁵ *Ibid.*, 35, 26

⁹⁶ *Ibid.*, 36

penumbuhan BMI juga menerima sokongan daripada masyarakat yang dibuktikan dengan komited pembelian saham perserikatan dagang bernilai Rp 84 miliar ketika pengesahan akta penumbuhan syarikat. Selanjutnya, dalam program kunjungan pada peringatan penumbuhan bank tersebut di istana negara di Bogor, diperoleh tambahan komitmen daripada masyarakat Jawa Barat yang turut memberikan sokongan modal bernilai Rp 106 miliar.⁹⁷

Pada akhir tahun 90an, Indonesia dilanda krisis kewangan yang merosakkan sebahagian besar ekonomi Asia Tenggara. Bahagian perbankan nasional ditindas oleh kredit yang buruk dibahagian perbankan dan perniagaan. Bank Muamalat pun terkena dari kesan krisis tersebut. Di tahun 1998, nisbah pembiayaan yang tidak berjalan mencapai lebih dari 60%. Perserikatan dagang mencatat kerugian sebesar Rp 105 miliar. Modal kekayaan syarikat yang dilaburkan dalam usaha mencapai titik terendah, iaitu Rp 39,3 miliar, kurang dari sepertiga modal simpanan awal.⁹⁸

Dalam usaha memperkuat permodalan, Bank Muamalat mencari pemberi modal yang potensial, dan ditanggapi secara positif oleh Islamic Development Bank (IDB) yang terletak di Jeddah, Arab Saudi. Pada RUPS tanggal 21 Juni 1999 IDB secara resmi menjadi salah satu pemegang saham Bank Muamalat. Oleh kerananya, dalam masa antara tahun 1999 dan 2002 merupakan masa-masa yang penuh tantangan sekaligus keberhasilan bagi Bank Muamalat. Dalam keadaan masa tersebut, Bank Muamalat berhasil membalikkan kondisi dari rugi menjadi laba berkat upaya dan pengabdian setiap pekerja Bank Muamalat, disokong oleh kepemimpinan yang kuat, cara pengembangan usaha yang tepat, serta ketaatan terhadap pelaksanaan perbankan Syariah secara murni.

⁹⁷ [Http://www.muamalatbank.com/profile/sejarah_Ind.asp](http://www.muamalatbank.com/profile/sejarah_Ind.asp), di akses pada tanggal 20 May 2013

⁹⁸ Ibid.

Pada masa tersebut, Bank Muamalat berhasil bangkit dari kesukaran. Di awali dari pengangkatan pengurusan baharu, seluruh anggota pegawai pengarah dipilih dari dalam syarikat Bank Muamalat, Bank Muamalat kemudian mengadakan jadual rencana kerja lima tahun dengan penekanan pada (i) tidak mengandalkan simpanan modal tambahan dari para pemegang saham, (ii) tidak melakukan Pemutusan Hufaedahn Kerja (PHK) satu pun terhadap sumber daya manusia yang ada, dan dalam hal pemotongan Kos, tidak memotong hak pekerja Bank Muamalat, (iii) pemulihan kepercayaan dan rasa percaya diri pekerja Bank Muamalat menjadi matlamat yang utama di tahun pertama kepengurusan pegawai pengarah baharu, (iv) peletakan asas usaha baharu dengan menumbuhkan disiplin kerja pada syarikat Bank Muamalat menjadi matlamat yang utama di tahun kedua, dan (v) pembangunan asas pencapain usaha dengan menciptakan serta menumbuhkan peluang usaha menjadi sasaran Bank Muamalat pada tahun ketiga dan seterusnya, yang akhirnya menjadikan syarikat Bank Muamalat kepada kondisi perkembangan yang lebih baik.

Saat ini Bank Mumalat memberikan perkhidmatan kepada 2,5 juta pelanggan melalui 275 gerai cawangan yang tersebar di 33 provinsi di Indonesia. Jaringan Bank Muamalat Indonesia (BMI) diberi sokongan pula oleh institusi-institusi kewangan melalui lebih dari 4000 Jabatan Pos Online (SOPP) di seluruh Indonesia, 32.000 ATM, serta 95.000 merchant debit. BMI saat ini juga merupakan satu-satunya bank Syariah yang telah membuka cawangan ke luar negeri, iaitu di Kuala Lumpur, Malaysia. Untuk meningkatkan kemudahan Pelanggan di Malaysia, kerjasama dijalankan dengan jaringan Malaysia Electronic Payment System (MEPS) supaya perkhidmatan BMI boleh diakses dilebih dari 2000 ATM di Malaysia. Sebagai Bank Pertama Murni Syariah, bank muamalat berkomited untuk menumbuhkan perkhidmatan perbankan yang tidak hanya patuh terhadap Syariah, namun juga kompetitif dan memberikan kemudahan bagi

masyarakat secara umum. Tanggungjawab tersebut dihargai oleh kerajaan, media massa, syarikat nasional dan internasional serta masyarakat luas melalui lebih dari 70 penghargaan bermaruah tinggi yang diterima oleh BMI dalam 5 tahun Terakhir. Penghargaan yang diterima antara lain: Best Islamic Bank in Indonesia 2009 oleh Islamic Finance News (Kuala Lumpur), Best Islamic Financial Institution in Indonesia 2009 oleh Global Finance (New York) serta The Best Islamic Finance House in Indonesia 2009 oleh Alpha South East Asia (Hong Kong).⁹⁹

3.2 Paparan Umum Syarikat BMI Cawangan Banda Aceh.

Penumbuhan Bank Muamalat Cawangan Aceh bermula pada hari Jumat, 1 Ogos 1998 yang saat itu diresmikan oleh salah satu Direksi pengelola syarikat PT Bank Muamalat Indonesia, Bapak Arviyan Arifin. Dibukanya Bank Muamalat cawangan Banda Aceh berada di Jalan. Tgk. Duad Beureueh No. 174 A-B Lampriet Banda Aceh. Kepala cabang pada saat itu dipercayakan oleh pengerusi jabatan pusat Bapak Lutfianto. Kemudian pada tahun 2004 pengerusi jabatan cawangan banda Aceh dipercayakan kepada Bapak Zulfikar. Dan pada bulan Juni 2008 terjadi pergantian pimpinan dari Bapak Zulfikar digantikan oleh Bapak Taufik Hidayat (*Branch Manager*), dan yang bertindak sebagai *Akuan Officer* dipercayakan kepada Ibu Khairina dan pada tahun 2010 tepatnya bulan Julai jabatan Bank Muamalat cawangan Banda Aceh dilakukan perpindahan lokasi pengerusan. Lokasi dari Bank Muamalat cawangan Banda Aceh Jl. T. Chik Ditiro No. 126-128 berpindah ke di Jalan. Tgk. Duad Beureueh No. 174 A-B Lampriet Banda Aceh sebagai pusat syarikat Bank Muamalat cawangan Banda Aceh.¹⁰⁰

Pemilihan Bank Muamalat cawangan Banda Aceh sebagai objek penelitian dengan beberapa pertimbangan;

⁹⁹ <http://www.muamalatbank.com/home/about/profile>, di akses pada tanggal 23 Januari 2013

¹⁰⁰ Khairani, Akuan Officer, Bank Muamalat Cabang Banda Aceh, dalam temu bual dengan penulis, 10 september 2012.

(1) Menimbang dengan semakin bertambahnya masa menunggu pelaksanaan haji dan selaku Bank Muamalat sebagai perbankkan Syariah yang memberikan perkhidmatan pembiayaan pelaksanaan haji, memberikan kemudahan kepada pelanggan untuk memperoleh pelwang haji yang cepat dengan pemberian dana talangan haji.

(2) Permohonan pembiayaan dana talangan haji Bank Muamalat cawangan Banda Aceh bertambah meningkat. Jumlah pelanggan dari tahun 2008 bulan November 400 pelanggan, awal tahun 2012 bulan Desember meningkat sebesar 432 pelanggan, dan pada bulan maret 2010 pelanggan mencapai 520 pelanggan, termasuk dari jabatan kas.

(3) Penggunaan akad *Al-Qard al-hasan* bisa menjadi pertimbangan bagi pelanggan untuk melakukan pembiayaan dana talangan haji di Bank Muamalat Cawangan Banda Aceh.

3.3 Visi dan Misi Syarikat Bank Muamalat.

Bank Muamalat sebagai Bank pertama Syariah, Bank Muamalat komited untuk menawarkan perkhidmatan perbankan yang tidak hanya patuh Syariah, tetapi juga boleh bersaing dan diterima oleh masyarakat. Komited tersebut diiktirafkan oleh kerajaan, media, syarikat nasional dan internasional serta masyarakat luas. Sebagai pelopor bank Islam di Indonesia Bank Muamalat memiliki Visi dan Misi untuk menjadi Bank Islam utama dan menguasai pasaran perbankkan Islam di Indonesia serta memiliki peranan signifikan dalam memajukan ekonomi umat Islam diperingkat kebangsaan.

Adapun Visi Bank Muamalat Indonesia adalah menjadikan bahagian penting dalam pembangunan institusi kewangan Islam di Indonesia secara aktif. Menjadi

peranan syarikat kewangan Syariah dunia dengan bermatlamat pada semangat keusahawanan, kecemerlangan pengurusan dan pedoman pelaburan yang inovatif untuk memberikan nilai dan kejayaan bagi pihak berkepentingan. Bank Muamalat Indonesia turut memberi sumbangan dalam merancang Undang-undang No. 10 tahun 1998 yang merupakan asas utama mengenai ketentuan sistem perbankan Islam di Indonesia.

Bank Muamalat Indonesia juga memiliki Misi untuk menjadikan model bagi institusi kewangan Islam diperingkat antarbangsa dengan mengajak masyarakat untuk berfikir secara ekonomi serta terlibat dalam perniagaan dan pelaburan yang inovatif untuk memperkukuh institute perbankan Islam. Mewujudkan pertumbuhan dan keuntungan yang terencana. Mengutamakan penghimpunan dana pelanggan dan penyaluran pembiayaan pada bahagian Usaha Mikro Kecil dan Menengah (UMKM). Merekrut dan mengembangkan staf pegawai professional dalam lingkungan kerja yang sehat. Pengembangan nilai-nilai Syariah universal dan melaksanakan operasi bank yang bersesuaian dengan standar perbankan Syariah.¹⁰¹

3.4 Produk dan Perkhidmatan Bank Muamalat

Salah satu produk dan perkhidmatan pada Bank Muamalat di antaranya adalah:

3.4.1 Tabungan Muamalat.¹⁰²

Tabungan Syariah dalam mata wang rupiah yang akan meringankan transaksi kewangan pelanggan, memberikan akses yang mudah, serta manfaat yang luas. Tabungan Muamalat ini ditawarkan dengan dua pilihan kad ATM/Debit iaitu Shar-E Regular dan Shar-E Gold.

¹⁰¹ Karnaen A. Perwataantmadja, *Apa dan Bagaimana Bank Islam*. (Jakarta: Risalah Gusti, 2000). 86

¹⁰² *Ibid.*

Tabungan Muamalat ini diperuntukkan kepada individu yang berusia 18 tahun ke atas (secara individu atau kumpulan). Selanjutnya Tabungan Muamalat ini memiliki ciri-ciri khusus yang disajikan antaranya sebagai berikut:

1. Percuma kas pengeluaran diseluruh ATM Muamalat, ATM BCA/ Prima, ATM Bersama.

2. Fasiliti-fasiliti:

a. Shar-E Tetap, Transaksi belanja dengan Debit BCA bagi pemegang Shar-E regular di seluruh sistem payment elektronik merchant ¹⁰³ Bank Central Asia (BCA)/PrimaDebit bagi pemegang Shar-E regular di seluruh sistem payment elektronik merchant BCA/ Prima.

b. Shar-E Gold;

1. Akses transaksi yang lebih luas di seluruh jaringan ATM Plus dan sistem bayaran elektronik bergambar VISA diseluruh dunia.

2. Tanpa kos transaksi Debit diseluruh merchant VISA di seluruh dunia.

3. Limit transaksi setara VISA Gold dengan kos akuan dan kos kad yang lebih ringan.

3. Transfer Percuma antara akuan Bank Muamalat di semua layanan (kecuali di ATM BCA/ Prima, ATM Bersama).

Selanjutnya Tabungan Muamalat ini memiliki ciri-ciri umum yang disajikan antaranya; Berdasarkan prinsip Syariah dengan akad *muḍārabah* (perkongsian untung), Kos perkhidmatan akuan bagi pemegang Shar-E Tetap dan pemegang Shar-E Gold Rp.

¹⁰³ Merchant adalah individu perorangan, syarikat usaha atau syarikat hukum yang menjalankan usaha pada bidang penjualan barang atau perkhidmatan yang dapat menerima pembayaran dengan menggunakan kad Kredit atau kad Debit.

7,500.00¹⁰⁴ bulan, dan kos kad Shar-E Gold: Rp. 2,500.00/bulan, untuk baki minimum: Rp. 10,000.00¹⁰⁵ (bagi pemegang Shar-E Tetap), Rp 250,000.00¹⁰⁶ (pemegang Shar-E Gold), dan simpanan minimum berikutnya; Shar-E Tetap: Rp 10,000.00 Shar-E Gold: Rp 50,000.00 untuk Kos penutupan akuan; Rp. 20,000.00

Tabungan Muamalat memiliki manfaat antaranya:

1. Mendapatkan kad Shar-E.
2. Fasiliti Mobile Banking dan Personal Computer (PC) Banking.
3. Mendapatkan perkongsian untung bulanan.
4. Perkhidmatan online di seluruh syarikat Bank Muamalat.
5. Pilihan pembayaran zakat, infaq dan sadaqah automatik.
6. Pembayaran akuan.
7. Pembelian kredit mobile elektronik.
8. Aman dan dijamin.

Bagi pelanggan yang mahu membuka akuan pada bank Muamalat maka disyaratkan untuk menyerahkan kad pengenalan atau pasport yang masih berlaku serta melakukan simpanan pembuka akuan minimum:

- Rp 100,000.00 (Shar-E Regular)
- Rp 500,000.00¹⁰⁷ (Shar-E Gold)

¹⁰⁴ 7,500.00 Rp = 2.15 RM

¹⁰⁵ 10,000.00 Rp = 2.90 RM

¹⁰⁶ 250,000.00 Rp = 70.50 RM

¹⁰⁷ 500,000.00 Rp = 142.00 RM

3.4.2 Tabungan Haji Arafah.

Ketentuan dalam pemberian Dana Talangan haji iaitu pelanggan harus terlebih dahulu mempunyai Tabungan Haji Arafah, menjadikan lebih berminat dan terencana. Untuk tahun keberangkatan dan besarnya simpanan Tabungan Haji Arafah dapat bersesuaian dengan kemampuan pelanggan, pelanggan dapat mengubah jumlah dan masa tempoh deposit baik untuk memperpanjang mahupun mempersingkat masa dengan arahan secara tertulis (*standing instruction*) kepada Bank. Tersedia pilihan pakej masa tempoh 1 sampai dengan 10 tahun.¹⁰⁸

Pengendalian Tabungan Arafah secara Syariah memberikan ketenangan dan ke amanan kewangan kepada pelanggan dalam menjalankan ibadat haji ke Mekkah, maka pelanggan yang telah memiliki baki Tabungan minimum 5,000,000.00¹⁰⁹ akan mendapatkan perlindungan Insurans sebesar kos penyelenggaraan ibadat haji yang ditetapkan oleh Bank Muamalat pada tahun yang telah ditentukan.¹¹⁰

Tabungan Arafah dimanfaatkan untuk menyimpan dana talangan pelanggan sekaligus sebagai upaya pelunasan talangan pelanggan, dengan mendepositkan wang pelunasan dalam akuan Tabungan Arafah, baik secara kas mahupun ansuran, selama tempoh talangan haji, dengan deposit awal yang telah ditentukan pada setiap jenis talangan. Adapun jenis talangan dan deposit awal pada Bank Muamalat iaitu:

¹⁰⁸ Khairani, Akuan Officer, Bank Muamalat Cabang Banda Aceh, dalam temu bual dengan pengkaji, 20 september 2012.

¹⁰⁹ 5,000,000.00 Rp = 1,387.72 RM

¹¹⁰ *Ibid.*, 20 september 2012.

Jadual 3.1. Program Talangan

Jenis Pemberian Talangan	Deposit Awal
Rp. 18,000,000 (4,996.68 RM)	Rp. 4,148,000 (1,151.46 RM)
Rp. 15,000,000 (4,163.90 RM)	Rp. 7,048,000 (1,956.44 RM)
Rp. 10,000,000 (2,775.93 RM)	Rp. 11,448,000 (3,177.44 RM)

Sumber: Bank Muamalat Cawangan Banda Aceh. (2013)

Tabungan Haji Arafah ini di peruntukkan kepada individu yang berusia 18 tahun ke atas (secara individu atau kumpulan). Kemudian Tabungan Haji Aradah ini memiliki ciri-ciri khusus yang disajikan antaranya sebagai berikut¹¹¹:

1. Percuma insurans
2. Percuma Kos perkhidmatan
3. Percuma Kos penutupan akuan (apabila setelah penyetoran kos Haji)
4. Percuma Kos deposit automatik (*autodebet*) dari akuan Bank Muamalat lainnya
5. Mendapatkan jadual perencanaan simpanan.

Dan juga memiliki ciri-ciri Umum Tabungan Haji Arafah ini sebagai berikut:

1. Berdasarkan prinsip Syariah dengan akad wadiah (simpanan)
2. Simpanan minimum seterusnya: Rp 50,000¹¹²
3. Kos penutupan sebelum deposit peluang Haji: Rp 20,000¹¹³
4. Online dengan Sistem Komputer Haji Bersepadu (SISKOHAT) pada jabatan Kementerian Agama.

Manfaat Tabungan Haji Arafah ditunjukkan bagi semua masyarakat muslim yang hendak menunaikan ibadat haji. Hanya dengan 250,000.00¹¹⁴ pelanggan sudah bisa

¹¹¹ Khairani, Akuan Officer, Bank Muamalat Cabang Banda Aceh, dalam temu bual dengan pengkaji, 20 September 2012.

¹¹² Rp 50,000 = 13.88 RM

¹¹³ Rp 20,000 = 5.55 RM

merencanakan perjalanan ke Mekkah. Tabungan Haji Arafah juga memiliki kelebihan di antaranya :

- Perkhidmatan online dengan Sistem Komputer Haji Bersepadu (SISKOHAT) dengan pejabat kementerian Agama supaya menjamin kepastian mendapat peluang keberangkatan haji.
- Percuma insurans apabila baki Tabungan telah mencapai Rp. 5,000,000.00¹¹⁵ atau lebih.
- Jumlah simpanan dan masa tempoh menabung boleh direncanakan dan mudah bersesuaian dengan minat
- Free kos pentadbiran bulanan dan kos penutupan akaun apabila dilakukan setelah pendaftaran peluang haji.
- Mendapatkan perkongsian hasil dan perlindungan insurans kecederaan dan darurat perubatan apabila memilih Tabungan Haji Arafah Plus.
- Mendapatkan fasiliti jadual perencanaan deposit
- Perkhidmatan CallCenter 24 Jam
- Mendapatkan bonus
- Perkhidmatan online diseluruh syarikat Bank Muamalat
- Tersedia fasiliti Dana Talangan Haji hingga senilai Rp 24,500,000.00¹¹⁶
- Aman dan dijamin

Tabungan Haji Arafah memiliki syarat-syarat sebagai berikut: Kewarga negaraan Indonesia (WNI): Kad pengenalan yang masih berlaku, dengan melakukan simpanan pembuka akaun minimum: Rp 250.000

¹¹⁴ Rp 250,000.00 = 69.42 RM

¹¹⁵ Rp 5,000,000.00 = 1,387.72 RM

¹¹⁶ Rp 24,500,000.00 = 6,803.50 RM

Tabungan Haji Arafah juga percuma kos pentadbiran dan kos pentadbiran penutupan akuan, pelanggan yang melakukan penutupan akuan pada masa pendaftaran haji diberikan percuma kos pentadbiran penutupan akuan, pelanggan juga mendapatkan percuma semua kos pentadbiran Tabungan dan kos penutupan akuan apabila dilakukan setelah pendaftaran peluang haji. Berikut adalah contoh perhitungan jumlah wang yang di deposit pelanggan untuk Tabungan Haji Arafah setiap bulan, apabila di lihat dari kos keseluruhan pelaksanaan ibadat haji adalah sebesar Rp. 35,000,000.00¹¹⁷

Jadual 3.2. Perencana Tabungan Haji Arafah¹¹⁸.

Tahun Rencana Keberangkatan	Deposit Per Bulan	Deposit Harian
1	Rp. 2,895,830.00	Rp. 96,530.00
2	Rp. 1,447,910.00	Rp. 48,270.00
3	Rp. 965,270.00	Rp. 32,175.00
4	Rp. 723,950.00	Rp. 24,135.00
5	Rp. 579,160.00	Rp. 19,305.00
6	Rp. 482,640.00	Rp. 16,090.00
7	Rp. 413,690.00	Rp. 13,790.00
8	Rp. 361,980.00	Rp. 12,060.00
9	Rp. 321,760.00	Rp. 10,725.00
10	Rp. 289,520.00	Rp. 9,655.00

Sumber : Bank Muamalat Cawangan Banda Aceh. (2013)

¹¹⁷ Rp 35,000,000.00 = 9,713.78 RM

¹¹⁸ Perhitungan dapat berubah sesuai dengan ketetapan kos perjalanan ibadat haji dari Jabatan Kementerian Agama RI.

3.4.3 Tabungan Haji Arafah Plus.

Tabungan haji dalam wang rupiah yang dikhususkan bagi masyarakat muslim Indonesia yang berencana menunaikan ibadat Haji. Selain itu pelanggan juga akan mendapatkan keuntungan dari perkongsian dan insurans perkhidmatan layanan perubatan apabila memilih Tabungan Arafah Plus.

Tabungan Haji Arafah Plus diperuntukan kepada individu yang berusia 18 tahun ke atas (secara individu atau kumpulan). Kemudian Tabungan Haji Aradah ini memiliki ciri-ciri khusus yang disajikan antaranya sebagai berikut:

1. Percuma insurans jiwa.
2. Percuma kos perkhidmatan untuk baki Rp 2,500,000.00¹¹⁹
3. Percuma kos penutupan akuan (apabila setelah simpanan peluang Haji)
4. Percuma kos simpanan automatik (*autodebet*) dari akuan Bank Muamalat lainnya.

Dan juga memiliki ciri-ciri Umum Tabungan Haji Arafah ini sebagai berikut:

1. Berasaskan prinsip Syariah dengan akad *muḍārabah* (perkongsian untung)
2. Simpanan minimum berikutnya: Rp 100,000.00
3. Kos penutupan sebelum pembayaran peluang Haji: Rp 20,000.00
4. Perkhidmatan online dengan Sistem Komputer Haji Bersepadu (SISKOHAT) dijabatkan Kementerian Agama
5. Insurans kecederaan dan kecemasan perubatan.

¹¹⁹ 2,500,000.00 = 688.17 RM

Manfaat Tabungan Haji Arafah Plus ditunjukkan bagi semua masyarakat muslim yang hendak menunaikan ibadat haji. Tabungan Haji Arafah juga memiliki kelebihan di antaranya:

1. Mendapatkan fasiliti jadual perencanaan deposit
2. Layanan CallCenter 24 Jam
3. Mendapatkan perkongsian untung bulanan
4. Fasiliti online disemua syarikat Bank Muamalat
5. Tersedia fasiliti Dana Talangan Haji hingga senilai Rp 24,500,000.00¹²⁰
6. Aman dan dijamin

Syarat Tabungan Haji Arafah Plus iaitu; Kewarga negaraan Indonesia (WNI), Kad pengenalan yang masih berlaku dengan melakukan simpanan pembuka akaun minimum: Rp 1,500,000.00¹²¹

¹²⁰ Rp 24,500,000.00 = 6,803.50 RM

¹²¹ Rp 1,500,000 = 416.60 RM

Jadual 3.3 Perbezaan Utama Tabungan Haji Arafah dengan Tabungan Haji Arafah Plus.

Item	Arafah	Arafah Plus
Akad/Perjanjian	Wadiah	Mudharabah
Perkongsian untung	Tidak diberikan bagi hasil, namun dapat diberikan bonus bersesuaian dengan kebijakan Bank.	Mendapatkan perkonsian untung yang berdaya saing untuk menambah baki dengan nisbah yang bersesuaian dengan ketentuan Bank.
Deposit awal dan Baki minimum	Rp. 250,000,00	Rp. 1,500,00.00
Perlindungan Insurans (Berlaku untuk usia yang memenuhi ketentuan syarikat insurans)	Insurans jiwa selama menabung yang manfaat akan diterima oleh ahli waris.	Insurans jiwa dan perkhidmatan layanan kecemasan perubatan selama menabung serta ketika menjalankan ibadat haji di Makkah.

Sumber : Bank Muamalat Cawangan Banda Aceh. (2013)

3.4.4 Tabungan Muamalat Umrah.

Tabungan dalam mata wang rupiah yang akan membantu pelanggan mewujudkan keinginan untuk berangkat beribadat Umrah.

Tabungan Muamalat Umrah diperuntukan kepada individu yang berusia 18 tahun ke atas (secara individu atau kumpulan). Kemudian Tabungan Haji Arafah ini memiliki ciri-ciri khusus yang disajikan antaranya sebagai berikut:

1. Percuma insurans jiwa
2. Pekongsian untung yang optimal
3. Percuma kos perkhidmatan
4. Percuma kos penutupan akuan (setelah capaian target dana)
5. Percuma kos simpanan automatik (*autodebet*) dari akuan Bank Muamalat
lainnya

Dan juga memiliki ciri-ciri Umum dari Tabungan Muamalat Umrah ini sebagai berikut:

1. Berdasarkan prinsip Syariah dengan akad *mudārabah* (perkongsian untung)
2. Simpanan minimum secara berterusan (autodebet): Rp 100,000.00
3. Kos penutupan sebelum sampai jumlah dana: Rp 100,000.00
4. Insurans jiwa senilai Rp 20,000,000.00

Manfaat Tabungan Muamalat Umrah ditunjukkan bagi semua masyarakat muslim yang hendak menunaikan ibadat haji. Tabungan Muamalat Umrah juga memiliki kelebihan di antaranya:

1. Mendapatkan fasiliti jadual perencanaan deposit.
2. Perkhidmatan CallCenter 24 Jam.
3. Mendapatkan perkongsian untung bulanan.
4. Perkhidmatan online disemua syarikat Bank Muamalat.
5. Tersedia fasiliti pembiayaan Umrah hingga Siling: Rp 35,000,000.00¹²²
6. Jaringan rakan travel Umrah di seluruh Indonesia.
7. Aman dan terjamin.

¹²² Rp 35,000,000.00 = 9,701.80 RM

Tabungan Muamalat Umrah memiliki Syarat sebagai berikut; Kewarga negaraan Indonesia (WNI): Kad pengenalan yang masih berlaku dengan melakukan deposit pembukaan akaun minimum: Rp 200,000.00

Jadual 3.4. Simulasi Tabungan dan Pembiayaan Umrah Bank Muamalat Skema dengan Pembiayaan.

	Tempoh Masa (bulan)	Ansuran per bulan	Ansuran per hari
Menabung Wang pendahuluan	6	875,000.00	29,167.00
Ansuran setelah kemabli dari Umroh	6	2,127,211.00	70,907.00
	12	1,106,378.00	36,879.00
	18	766,100.00	25,537.00
	24	595,961.00	19,865.00
	30	493,878.00	16,463.00
	36	425,822.00	14,194.00

Sumber : Bank Muamalat. (2013)

Jadual 3.5. Skema tanpa Pembiayaan.

	Tempoh Masa (bulan)	Ansuran per bulan	Ansuran per hari
Menabung sebelum berangkat Umroh	6	2,886,210.00	96,207.00
	12	1,430,137.00	47,671.00
	18	944,831.00	31,494.00
	24	702,218.00	23,407.00
	36	460,878.00	15,363.00
	48	339,165.00	11,306.00
	60	266,272.00	8,876.00

Sumber : Bank Muamalat. (2013)

- **Asumsi :**

Kos paket Umrah Rp 17,500,000.00¹²³

Pembayaran pendahuluan Rp 5,250,000.00¹²⁴

Siling Pembiayaan Rp 12,250,000.00¹²⁵

¹²³ Rp 17,500,000.00 = 4,828.70 RM

¹²⁴ Rp 5,250,000.00 = 1,440.37 RM

¹²⁵ Rp 12,250,000.00 = 3,372.30 RM

3.5 Produk Pembiayaan Bank Muamalat Dana Talangan Haji

3.5.1 Pengertian Dana Talangan Haji.

Makna dari Talangan adalah pinjaman dana jangka pendek yang digunakan untuk melunasi sesuatu. Sedangkan pengertian dari Dana talangan haji adalah sebuah pinjaman bagi pelanggan yang mahu mendapatkan peluang perjalanan haji manakala kesukaran dana yang dimiliki atau tidak mencukupi untuk mendapatkan porsi haji pada Jabatan Kementerian Agama. Dengan makna lain Dana Talangan haji merupakan salah satu produk pembiayaan yang memberikan bantuan dana bagi pelanggan atau bakal calon jamaah haji yang memiliki kesukaran dana pada saat pendaftaran haji. Produk ini memberikan kemudahan kepada pengguna yang mahu menunaikan ibadat haji tetapi dana yang dimiliki untuk mendapatkan peluang haji tidak mencukupi dan konsumen yang memiliki dana cukup untuk mendapatkan peluang haji akan tetapi dana itu digunakan untuk keperluan bisnis atau usahanya. Dalam perkara ini antara pihak bank dan pelanggan menggunakan akad *al-qard*, yang merupakan salah satu ciri pembeza antara Bank Syariah dan Bank Konvensional yang didalamnya terkandung misi sosial. Pelanggan akan mengembalikan secepatnya jumlah wang yang dipinjam, memudahkan pelanggan yang sedang dalam kesukaran memiliki cadangan untuk mendapat kos talangan masa terhad.¹²⁶

Dana talangan haji adalah pinjaman dana talangan dari bank kepada pelanggan khusus untuk menutupi kekurangan dana untuk memperoleh kursi atau peluang haji dan pada saat pelunasan kos perjalanan ibadat haji. Dana talangan diberikan kerana pelanggan yang belum memiliki dana haji yang cukup, sehingga memerlukan dana talangan, pelanggan berkewajipan untuk mengembalikan secepatnya sejumlah yang

¹²⁶ Novita Sari (2009) *Komunikasi Pemasaran Produk Pembiayaan Dana Talangan Haji Pada Bank Syariah Mandiri Cabang Malang*, <http://lib.uin-malang.ac.id/thesis/fullchapter/05610020-novita-sari.ps> hlm. 49. Diakses tanggal Kamis, 22 Mac 2012

dipinjam setelah jangka masa tertentu. Bahawa prinsip perjanjian atau akad untuk dana talangan haji pada kedua bank tersebut pada dasarnya sama, merupakan pinjaman dengan pendapatan dari kos pengurusan. Pengadaan dana talangan haji sesuai dengan kebijakan perakaunan yang digunakan disetiap bank, dan standar perakaunan yang mengatur.¹²⁷

Pandangan sistem dana talangan memberikan kemudahan bagi umat muslim untuk menunaikan ibadat haji, namun apabila diperhatikan secara menyeluruh, dalam sistem talangan ini ada pembiasaan makna *istiṭā'ah* (mampu) yang merupakan prinsip dalam menunaikan ibadat haji.

Melihat dari pandangan Islam yang lebih realita dengan melihat kesan sosilogis yang ditimbulkan. Seseorang yang sebenarnya belum *istiṭā'ah* (mampu) namun sudah mendapatkan peluang haji dengan dana talangan, dan hal tersebut belum menjamin kepastian untuk boleh berangkat haji, kerana pada saat tahun masa pelunasan belum ada kepastian apatah bisa melunasi talangan haji atautkah tidak. Hal ini menunjukkan bahawa dana talangan haji tidak semestinya menjamin adanya kemampuan untuk menunaikan ibadat haji. Kerana dalam amalan dana talangan haji mengandung unsur hutang yang menuntut pelunasan sehingga mengurangi kesempurnaan *istiṭā'ah* yang seharusnya tidak boleh ada paksaan.¹²⁸ Sebagaimana dalam al-Qur'an surat al-Bāqarah ayat 286:

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا اكْتَسَبَتْ ...

Al Bāqarah: 2:286

¹²⁷ Krisna Sari Rahayu (2006), *Analisis Perbandingan Dana Talangan Haji Pada Bank Syariah Mandiri Dan Bank Mandiri Untuk Menilai Efektivitas Manfaat Dana Talangan Haji*. <http://adln.lib.unair.ac.id/go.php?id=gdlhub-gdl-s1-2006-krisnasari2785&PHPSESSID=d1d1da53d1997f16e72bc038d69ee2dc>. Diakses tanggal Kamis, 22 Mac 2012

¹²⁸ *Ibid.*

Terjemahan: Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kemampuannya. ia mendapat pahala dari yang diusahakannya dan ia mendapat siksa (dari kejahatan) yang dikerjakannya.

Dalam realitinya, sistem yang bermatlamat utama untuk memberikan mashlahat, disamping itu justru ada kemaslahatan juga. Dana talangan haji menyokong untuk segera melaksanakan haji, namun sebaliknya juga menyokong pelanggan untuk berhutang yang pada akhirnya dapat menyukarkan diri sendiri, kerana dikhawatirkan akan terikat hutang. Produk dana talangan haji tentu sahaja memiliki sisi positif dan negatif. Sisi positifnya, dana talangan haji memberikan faktor kemudahan. Bahkan banyak produk yang dikembangkan bank Syariah, semakin menarik minat umat Islam untuk menabung di bank Syariah sehingga akan menyokong pertumbuhan ekonomi Syariah. Manakala sisi negatifnya, dana talangan haji mengajarkan umat Islam untuk berhutang sehingga akan memberatkan seseorang dalam pelunasannya.¹²⁹

3.6. Konsep *Istiṭā'ah* dalam Kajian Ibadat Haji.

3.6.1. Pengertian *Istiṭā'ah*.

Istiṭā'ah adalah salah satu syarat dalam Haji dan Umrah, sebagaimana Firman Allah:

وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ عَنِ

الْعَالَمِينَ

ali-‘Imrān 3:97

¹²⁹ Syahrul88 (2012). *Dana Talangan Haji*. <http://syahrulramadhon.wordpress.com/2012/06/21/dana-talangan-haji/>. di akses pada tanggal 3 marc 2013

Terjemahan: Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat Haji dengan mengunjungi Baitullah iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya. Dan sesiapa yang kufur (ingkarkan kewajipan ibadat Haji itu), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak berhajatkan sesuatu pun) dari sekalian makhluk.

Ayat di atas menjelaskan bahawa salah satu kewajipan umat Islam adalah mengerjakan haji ke Mekkah, bagi orang yang mampu (*istiṭā'ah*), baik fizikal maupun material (kewangan) dan aman dalam perjalanan.¹³⁰

Istiṭā'ah dalam pengertian bahasa berasal dari kata tā'a, iaitu ta'āun, berarti taat patuh dan tunduk. *Istiṭā'ah* berarti keadaan seseorang untuk melakukan sesuatu yang diperintahkan syara' sesuai dengan kondisinya.¹³¹ *Istiṭā'ah* dalam makna bahasa juga bererti berkuasa dan bertenaga¹³². Semakin besar kemampuan seseorang semakin besar tuntutan untuk mengerjakan suatu perbuatan.

Dalam kajian konsep *Istiṭā'ah*, diperlukan kepada analisa mengenai defenisi asas dari makna *Istiṭā'ah*. Ungkapan *Istiṭā'ah* dalam lisan Arab sebagaimana telah disebutkan di atas bermakna kuasa, tenaga dan kemampuan mengerjakan terhadap sesuatu perkara, melakukan sesuatu dari ketaatan.¹³³ Makna *Istiṭā'ah* juga bererti kekuatan menanggung seperti mana yang dia boleh.¹³⁴

Para ulama bersepakat bahawa melaksanakan ibadat haji tidak wajib kecuali bagi orang-orang yang mampu. Berasaskan Firman Allah dalam surah 'Ali 'Imrān ayat 97, dan juga hadith daripada Ibn Abbas RA berkata: Rasulullah Saw bersabda:

¹³⁰ *Ibid.*

¹³¹ Perpustakaan Nasional RI, *Ensiklopedia Hukum Islam III*, IMS-HAJ, (Jakarta, PT. Ihtiar Baharu Van Hoeve, 2000). Cet IV. 783

¹³² Muhammad Yunus, *Qamus 'Arabiyah-Indonesia*, (Jakarta Hida Karya Agung, 1990). 92

¹³³ Ibn Manzur, *Lisān al-'Arab*, (Kaherah: Dār al-Ma'ārif, 2008) Bab Ṭ, 2721

¹³⁴ Ibrahim Muṣṭafa et al, *Mu'jam al-Wasīl*, (Beirut: Maktabah al-Islāmiyyah, 1997). 570

عن ابن عباس قال كان أهل اليمن يحجون ولا يتزودون ويقولون نحن المتوكلون فإذا

قدموا مكة سألوا الناس فأنزل الله تعالى "وتزودوا فإن خير الزاد التقوى"

Terjemahan: "Dari Ibn Abbas berkata: Orang Yaman telah melakukan ibadat tanpa membawa bekalan. Mereka berkata kami orang-orang yang bertawakkal. Setelah mereka tiba di Makkah mereka memintaminta kepada orang banyak. Kemudian Allah berfirman "Berebekallah kamu, sesungguhnya sebaik-baik bekalan adalah taqwa (memelihara diri)".¹³⁵

Walau bagaimanapun, Allah tidak memberatkan dan tidak meminta seseorang untuk mengerjakan sesuatu di luar kemampuannya. Sejalan dengan hal itu, Allah Swt berfirman :

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا اكْتَسَبَتْ ...

Al Baqarah: 2:286

Terjemahan: Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya. ia mendapat pahala (dari kebaapabilan) yang diusahakannya dan ia mendapat siksa (dari kejahatan) yang dikerjakannya.

Oleh kerananya, kajian *istiṭā'ah* dalam fiqh Islam menjadi penting kerana sangat menentukan sejauhmana seseorang dibebankan kewajiban dalam melaksanakan perintah Allah Swt, berbeza dalam hal meninggalkan larangan, tidak dikaitkan dengan *istiṭā'ah*. Dengan erti kata lain, bilamana diperintahkan untuk melaksanakan sesuatu, maka

¹³⁵ Hadith riwayat al-Bukhārī, *Ṣāhiḥ Bukhārī*, (Beirut: Dār al-Qalam, 1987), Kitab Haji, no.Hadith. 1523.

laksanakanlah sesuai dengan kemampuan. Sebaliknya, apabila diperintahkan untuk meninggalkan sesuatu, maka tinggalkanlah segera tanpa melihat kepada kemampuan (*istiṭā'ah*). Kajian tentang *istiṭā'ah* dibahas hampir ke semua furu' (cawang) ibadat, pada masalah shalat, puasa, kifarāt, nikah dan lain-lain. Akan tetapi yang lebih rinci dibincangkan adalah *istiṭā'ah* dalam ibadat haji. Hal itu disebabkan kerana dalam soalan haji terdapat dua kemampuan, kemampuan fizikal dan kewangan sekaligus.¹³⁶

3.6.2. Pandangan para Ulama terhadap *Istiṭā'ah*.

Istiṭā'ah adalah salah satu syarat utama dalam pelaksanaan Haji dan Umrah, banyak pengertian *istiṭā'ah* ini dikeranakan banyaknya pendapat imam fiqh seperti; imam Shafī'i, imam Malik, imam Hanafi, imam Hambali, mereka saling berbeza pendapat tentang *istiṭā'ah* ini.¹³⁷

Maka dari itu, Para ulama berbeza pendapat dalam menentukan batasan-batasan *istiṭā'ah*. Secara umum pemahaman makna *istiṭā'ah* di dalam surat ali-'Imran ayat 97 di atas adalah, keupayaan seseorang untuk dapat sampai ke Mekah dan menunaikan haji seperti kemampuan fizikal, kewangan dan keamanan dalam perjalanan. Berasaskan pemahaman di atas, mazhab Shafī'i tidak mensyaratkan kenderaan bagi orang tempatan yang tidak mencapai jarak *qaṣar* solat iaitu 89 km dari kota Makkah. Dalam erti kata lain, mereka diwajibkan menunaikan haji meskipun dengan berjalan kaki. *Istiṭā'ah* dalam ibadat haji mempunyai pengertian lebih luas berbanding dengan *istiṭā'ah* di dalam ibadat-ibadat lain seperti shalat, puasa, dan lain-lain.¹³⁸

¹³⁶ Hapidz Anshori (2012), "*Pandangan Masyarakat Terhadap Isthiṭā'ah*", <http://hapidzcs.wordpress.com/2012/10/01/isthitoah-dalam-haji/>, di akses pada tanggal 24 Desember 2012

¹³⁷ *Ibid.*

¹³⁸ *Ibid.*

Dalam mazhab Shafi'i kemampuan (*istiṭā'ah*) terbagi menjadi dua bahagian. Pertama: *Istiṭā'ah mubāsharah binafsihi* iaitu keupayaan seseorang untuk menunaikan ibadat haji oleh diri sendiri dengan adanya kemampuan dari segi harta dan fizikal.

Kedua: *Istiṭā'ah bighairihi* iaitu kemampuan menunaikan ibadat haji kerana bantuan orang lain. kerana kemampuan untuk mengerjakan ibadat haji dari segi harta sahaja, seperti orang yang wajib ke atasnya haji sebelum dia meninggal dunia, maka wajib ditunaikan haji bagi pihak dirinya dengan harta peninggalannya atau orang tua atau orang sakit yang tidak berkemampuan mengerjakan haji kecuali dengan menggantikan orang lain untuk mengerjakan haji untuk dirinya.¹³⁹

Seseorang dikatakan mampu mengerjakan ibadat haji dengan diri sendiri apabila terpenuhi syarat-syarat berikut¹⁴⁰:

1. Mempunyai pembelanjaan atau bekalan yang mencukupi untuk dirinya ketika dalam perjalanan pergi dan balik dan semasa dia melaksanakan ibadat haji beserta keperluan keluarga dan kerabat yang harus dinafkahkan selama melakukan ibadat haji, serta perbelanjaan keperluan hidup bagi orang yang diwajibkan ke atas tanggungan nafkahnya semasa dalam perjalanan.
2. Kenderaan untuk perjalanan umpamanya kapal terbang, kapal laut, bas dan sebagainya, sama ada miliknya sendiri ataupun disewa dengan kadar sewaan, Syarat ini adalah bagi orang-orang yang tinggal sejauh dua marhalah atau lebih dari Makkah al-Mukarramah iaitu jarak perjalanan yang membolehkan *qaṣar* solat. Kedua-dua syarat di atas ada disebutkan dalam hadits daripada Ibn 'Umar RA berkata:
Rasulullah SAW bersabda:

¹³⁹ Al-Nawawī, *al-Majmū'*, (Bait al-Afkār al-Dauliyyah, 2013), 2: 1567

¹⁴⁰ Yahyā bin Sharaf Al-Nawawī, *Riyāḍ Al-Ṣālihin*, Surabaya. Al-hidayah. Tt, 67

جاء رجلٌ إلى النبيِّ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فقال يا رسولَ اللهِ ما يُوجبُ الحجَّ قال الزَّادُ

والرَّاحِلَةُ

Terjemahan: “Telah datang seorang lelaki kepada Nabi SAW, lalu dia berkata: “Wahai Rasulullah SAW, apakah dia syarat yang mewajibkan haji itu?” Baginda bersabda: “Bekalan dan kenderaan”.¹⁴¹

3. Hendaklah aman dan selamat dalam perjalanannya daripada bahaya, seperti binatang buas ataupun musuh. Perkara ini bukan sahaja ke atas dirinya tetapi juga ke atas hartanya, kehormatannya dan juga keselamatan orang-orang yang bersamanya. Oleh kerananya bagi wanita tidak diwajibkan untuk menunaikan ibadat haji manakala tidak memiliki pendamping semasa perjalanan baik suami, mahram, atau teman perjalanan.
4. Sihat tubuh badan dan fizikal yang kuat supaya tidak menghadapi kesukaran yang tidak dapat ditanggung menurut kebiasaan dalam perjalanannya, seperti kerana tua atau sakit, dan memungkinkan melakukan perjalanan ibadat haji dengan tanpa adanya mudarat yang membahayakan.
5. Mempunyai kesempatan dan masa bagi mengerjakan farḍu haji. Maksudnya ialah seseorang memenuhi syarat-syarat wajib haji ketika mempunyai masa yang mencukupi untuk memungkinkan melakukan perjalanan bagi mengerjakan farḍu haji dan melakukan pengurusan pelaksanaan ibadat haji.

Adapun kemampuan melaksanakan ibadat haji dengan bantuan orang lain (*Istiṭā‘ah bighairihi*), iaitu bagi orang yang tidak mampu melaksanakan ibadat haji dengan dirinya sendiri kerana meninggal dunia, usia lanjut, lumpuh dan sakit yang

¹⁴¹ Hadith riwayat Tirmidhī, Sunnah Tirmidhī, (Kaheerah: Dar Ihya al-Turath al-‘Arabi, 1999). Kitab Haji, no.hadith 813.

berterusan. Bagi seseorang yang telah berkemampuan untuk melaksanakan ibadat haji sesuai dengan syarat-syarat di atas, apabila meninggal dunia sebelum menunaikan ibadat haji, maka kewajiban bagi ahli waris untuk menggantikan haji si mayit apabila harta yang ditinggalkan cukup untuk biaya haji.¹⁴²

Demikian juga bagi seseorang yang tidak mampu untuk melaksanakan ibadat haji kerana usia tua, lumpuh dan sakit yang berterusan, maka wajib baginya mewakilkan haji kepada orang lain apabila memiliki harta yang cukup untuk pembiayaan haji. Sebagaimana yang diriwayatkan daripada hadith sahih dari Ibn Abbas RA. bahawa ada seorang perempuan berkata:

يا رسول الله، إن فريضة الله على عباده في الحج، أدركت أبي شيخاً كبيراً لا يستطيع أن يثبت على الرحلة، أفأحج عنه؟ قال: نعم.

Terjemahan:”Wahai Rasulullah, sesungguhnya Allah menetapkan ibadat haji kepada hambanya dan saya mendapati ayah saya dalam keadaan kurang upaya dan tidak mempunyai kemampuan untuk melakukan perjalanan haji, apatah boleh saya menghaapabilan untuknya?, Rasulullah SAW bersabda : iya.¹⁴³

Menurut ulama Hanafi makna *istiṭā'ah* merangkumi tiga perkara dibawah ini:

1. Kemampuan fizik, iaitu badan yang sihat, maka haji tidak diwajibkan bagi orang yang sakit, lumpuh, orang buta meskipun ada yang menuntun, orang tua yang tidak boleh menaiki kenderaan dengan sendiri, orang yang dipenjara, dan orang yang dilarang oleh kerajaan untuk berpergian ibadat haji. Kerana Allah SWT mensyaratkan

¹⁴² Al-Nawawī, *al-Majmū'*, (Bait al-Afkār al-Dauliyyah , 2013), 2: 1568

¹⁴³ Hadith riwayat al-Bukhāri, *Ṣahīh Bukhārī*, (Beirut: Dār al-Qalam, 1987), no.Hadith 1513, dan Muslim, *Ṣahīh Muslim*, (Beirut: Dār 'Ihya' al-Turath al-'Arabi, 1972), no.Hadith 1334.

istiṭā'ah untuk kewajipan haji, keselamatan fizikal badan adalah suatu keharusan ketika melakukan perjalanan haji, kerana haji merupakan ibadat badaniyyah.¹⁴⁴

2. Kemampuan kewangan, iaitu mempunyai bekalan dan kenderaan untuk pergi dan pulang dengan syarat bekal tersebut harus diluar kos kehidupan harian, seperti tempat tinggal, pakaian dan lain sebagainya, dan juga nafkah kepada orang yang wajib dinafkahi olehnya.
3. Kemampuan keamanan, iaitu adanya jalan yang aman, dan khusus bagi perempuan disyaratkan harus ada mahram atau suami.¹⁴⁵

Menurut Ulama Maliki kemampuan dalam melaksanakan ibadat haji adalah kemampuan untuk sampai ke Makkah dengan cara seperti biasa, baik dengan berjalan kaki atau dengan berkendaraan tanpa memperhitungkan kemampuan kembali dari Makkah ke tempat asalnya. Kecuali kalau tidak memungkinkan untuk tinggal di Makkah atau daerah sekitarnya. Kemampuan tersebut boleh terlaksana apabila memenuhi syarat-syarat sebagai berikut:

1. Kekuatan badan, iaitu kemungkinan sampai ke Makkah baik dengan berjalan kaki atau naik kenderaan dalam keadaan biasa tanpa menimbulkan kepenatan yang dapat menyebabkan mudarat.
2. Adanya bekalan menurut kondisi masyarakat untuk sampai ke Makkah ataupun mempunyai ketrampilan yang bisa menghasilkan bekalan.

¹⁴⁴ Abu bakr ibn Mas'ūd al-Kāsānī al-Ḥanafī 'alā al-dīn, *Badā'i' al-Ṣanā'i'*, (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2003), 3:47-51

¹⁴⁵ Wahbah al-Dhuhailī, *Fiqh Al-Islāmi wa Adillatuhu*, (kaherah: Dār al-Fikr, 2005), 3: 25-26

3. Adanya jalan, iaitu jalan yang bisa dilalui baik perjalanan darat mahupun perjalanan laut yang aman.¹⁴⁶

Adapun kemampuan menurut Ulama Hambali terdapat dua hal, iaitu mempunyai bekalan dan adanya kenderaan. Yang dimaksud dengan adanya bekalan sama halnya seperti yang dijelaskan oleh ulama Shafi'i, iaitu bekalan yang mencukupi untuk melaksanakan ibadat haji ke Mekkah dan pulang ke negeri asal. Dan berkemampuan dalam bekalan bersesuaian juga dengan jarak dekat atau jauh ketika dia perlu untuk membawa bekalan, sedangkan kemampuan (*istiṭā'ah*) dalam perjalanan disyaratkan aman untuk mendapatkan kenderaan atau alat transportasi sama ada dengan menyewa atau membeli untuk bisa sampai dan kembali pulang, kemampuan (*istiṭā'ah*) juga bergantung kepada jarak jauh dan dekatnya dari Mekkah walaubagaimanapun mampu untuk berjalan kaki lebih diutamakan, kerana yang diiktirafkan jauhnya perjalanan apabila yang dibolehkan untuk *qaṣar* solat atau yang berjarak perjalanan dua hari atau lebih dengan memiliki kesempatan untuk melakukan perjalanan.¹⁴⁷

Berasaskan kitab *Sabil al Muhtaddīn* karangan Syekh Muhammad Arsyad Al-Banjary menjelaskan makna *istiṭā'ah* ada dua bentuk:

(1) *Istiṭā'ah mubāsharah* ertinya kuasa melaksanakan haji dan umrah dengan sendirinya. Dan disyaratkan pada *Istiṭā'ah mubāsharah* ini ada beberapa syarat di antaranya:¹⁴⁸

a. *Istiṭā'ah* harta iaitu adanya bekalan yang cukup untuk perjalanan haji, makanan, minuman dan pakaian termasuk juga kos belanja hidup selama berada di Mekkah.

¹⁴⁶ Imam Mālik, *al-Muwaṭṭa*, (Kaherah: Dār al-Ghad al-Jadīd, 2005). 3: 27-29

¹⁴⁷ Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī*, (Bait al-Afkār al-Dauliyah, 2013), 1: 650

¹⁴⁸ Syekh Muhammad Arsyad Al- Banjari, *Sabil al-Muhtaddīn*, (Malaysia, Kuala Lumpur: Thinker's Library Sdn Bhd, 1989), 802-807

Tetapi apabila tempat tinggal dekat dengan kota Mekkah seperti kurang dari dua marhalah (89 km) dan ianya dapat berusah dari hasil usahanya sehari boleh mencukupi kos perbelanjaan hidup dari hari pertama perjalanan sampai beberapa hari kemudian maka tidaklah disyaratkan perbekalan seperti yang tertera di atas, hanya wajib baginya haji dan bekerja dalam perjalanan perginya sahaja.

- b. Kemampuan (*istiṭā'ah*) untuk mendapatkan kenderaan atau alat kenderaan sama ada dengan menyewa atau membeli, merupakan syarat dalam perjalanan pergi dan pulang dari haji lebih dari perbelanjaan yang dikeluarkan, dan perbelanjaan yang menjadi kewajipan memberikan nafkah seperti; isteri, anak-anak dan biaya pemeliharaan orang kurang upaya yang ditinggalkan, kerana keluarga sangatlah memerlukan pembiayaan lebih dari keperluan orang lain dan memang sudah menjadi kewajipan memberi nafkah kepada mereka. Justeru itu disyaratkan kelebihan harta semenjak berangkat sampai kembali ke tempat tinggalnya, dan apabila seseorang sudah mendapatkan visa haji akan tetapi tidak ada tiket pesawat yang membawanya ke haji, maka kewajibannya telah batal, dan demikian pula bagi seorang wanita yang berangkat tanpa muhrim atau mahram, maka belum wajib melaksanakan ibadat haji.

Rasulullah SAW bersabda:

لا يحل لامرأة، تؤمن بالله واليوم الآخر، تسافر مسيرة ثلاث ليال، إلا ومعها ذو محرم

Terjemahan: Tidak dibenarkan bagi seorang wanita yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, berpergian tiga malam, kecuali dengan mahram.¹⁴⁹

¹⁴⁹ Hadith riwayat al-Bukhāri, *Ṣaḥīḥ Bukhāri*, (Beirut: Dār al-Qalam, 1987), no.Hadith 1862; dan Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, (Beirut: Dār 'Ihya' al-Turath al-'Arabi, 1972) no.Hadith 1339.

- c. Hendaknya perjalanan aman, ertinya tidak takut berlaku bahaya, baik yang terkena pada jiwa, kehormatan dan harta, apabila takut atas keselamatan jiwa, kehormatan dan harta sekalipun hanya sedikit atau takut kepada binatang buas atau musuh atau orang yang bukan Islam atau perompak dan tidak ditemukan jalan lain maka tidaklah wajib atasnya menunaikan ibadat haji kerana adanya kemudharatan.
- d. *Istiṭā'ah* dalam kesehatan. Kemampuan fizikal salah satu syarat wajib mengerjakan haji kerana ibadat haji berkait dengan kemampuan badaniah, hampir semua rukun dan wajib haji berkaitan erat dengan kemampuan fizikal, terkecuali niat (adalah rukun qalbī). Dalam hal ini seorang yang buta atau seorang yang tidak cerdas (*safīh*) apabila mempunyai kemampuan harta, maka syarat wajib haji baginya ada pemandu atau penuntun yang membimbing pelaksanaan hajinya.
- e. Hendaklah didapatkan masa dan kesempatan yang cukup dalam perjalanan untuk menunaikan ibadat haji seperti masa untuk mempersiapkan perbekalan, dan dalam perjalanan tidak tergesa-gesa.

(2) *Istiṭā'ah takhṣili bi ghairihi* iaitu kemampuan melaksanakan haji dan umrah dengan perantara orang lain, siapa yang sudah meninggal sedang atas dirinya telah tercapai syarat-syarat wajib haji yang farḍu dan ianya punya harta peninggalan maka wajib dilakukan haji oleh orang lain dengan harta peninggalannya, dan bagi seorang sudah tua (kurang upaya) yang tidak mempunyai kemampuan untuk duduk lama dalam kenderaan atau dalam perjalanan, boleh mewakilkan hajinya kepada orang lain.¹⁵⁰ Diriwayatkan dalam hadis ṣahih dari Ibn 'Abbas RA:

¹⁵⁰ Syekh Muhammad Arsyad Al- Banjari, *Sabil al-Muhtaddin*, (Malaysia, Kuala Lumpur: Thinker's Library Sdn Bhd, 1989), 809

يا رسول الله، إن فريضة الله على عباده في الحج، أدركت أبي شيخاً كبيراً لا يستطيع

أن يثبت على الرحلة، أفأحج عنه؟ قال: نعم.

Terjemahan:”Wahai Rasulullah, sesungguhnya Allah menetapkan ibadat haji kepada hambanya dan saya mendapati ayah saya dalam keadaan kurang upaya dan tidak mempunyai kemampuan untuk melakukan perjalanan haji, apatah boleh saya menghaapabilan untuknya?, Rasulullah SAW bersabda : iya.¹⁵¹

Dan orang yang berangkat haji dengan cara meminta-minta dan mengajukan propozal untuk mendapatkan kos perjalanan haji atau meminta peluang dari kerajaan atau dari institusi tertentu. Sebenarnya belum ada kewajiban haji bagi mereka. Namun demikian, apabila haji dilaksanakan dengan kos pemberian orang lain, hajinya tetap sah dan sudah melaksanakan rukun Islam yang kelima.

Melaksanakan ibadat haji dengan pemberian atau hadiah dari orang lain boleh diterima, namun tidak wajib menerimanya apalagi diketahui bahawa kos yang diberikan diperoleh dari yang haram, misalnya seorang perasuah menghajikan pekerjaanya atau hasil dari perjudian dan arak atau hasil pajak judi dan lain-lain, maka sebaiknya dia tidak menerima pemberian tersebut dan tidak boleh berhaji dengan wang yang haram. Oleh kerananya seorang perasuah tidak wajib melaksanakan haji sebelum mengembalikan harta hasil rasuah kepada pemiliknya, kerana hakikat hak manusia berasaskan pada perjanjian, sedangkan haji adalah hak Allah Swt berasaskan pada toleransi.¹⁵²

¹⁵¹ Hadith riwayat al-Bukhāri, *Ṣahīh Bukhāri*, (Beirut: Dār al-Qalam, 1987), no.Hadith 1513; dan Muslim, *Ṣahīh Muslim*, (Beirut: Dār ‘Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, 1972). no.Hadith 1334.

¹⁵² Hapidz Anshori (2012), *Pandangan Masyarakat Terhadap Istiththa’ah*, <http://hapidzcs.wordpress.com/2012/10/01/isthithoah-dalam-haji/>, di akses pada tanggal 24 Desember 2012

3.6.3 Ibadat Haji antara Talangan dan Hutang.

Antara tuntutan agama Islam yang wajib ditunaikan ialah ibadat haji bagi yang berkemampuan. Ibadat haji merupakan salah satu daripada rukun Islam. Ia wajib ditunaikan oleh orang Islam yang mukallaf yang memenuhi syarat-syaratnya tertentu sekali dalam hidup. Islam telah menetapkan bahawa ibadat haji tidak wajib ke atas orang yang tidak berharta. Islam juga telah menetapkan bahawa orang yang tidak berharta adalah tidak diwajibkan berhutang untuk mengerjakan ibadat haji. Menurut para ulama, syarat-syarat wajib haji itu termasuk juga umrah ialah; Islam, baligh, berakal, merdeka dan *istiṭā'ah*.

Dalam sebuah hadits yang diriwayatkan daripada ‘Abd Allah bin Abu Awfa RA berkata, Rasulullah SAW bersabda:

سألت رسول الله صلى الله عليه وسلم عن الرجل لم يحج، أيستقرض للحج؟

قال: لا.

Terjemahan: “Aku pernah bertanya kepada Rasulullah SAW tentang seorang lelaki yang belum lagi menunaikan haji, “Adakah dia perlu berhutang untuk menunaikan haji itu?” Rasulullah SAW menjawab: Tidak”.¹⁵³

Imam Al-Shāfi‘i berkata dalam kitab al-Um:

ومن لم يكن في ماله سعة يحج بها من غير أن يستقرض فهو لا يجد السبيل.

¹⁵³ Hadith riwayat al-Shāfi‘i, *Musnad al-Shāfi‘i*, (Beirut: Dār al-kutub al-‘Ilmiyyah), Kitab Manasik, no.hadith 510.

Terjemahan : "Barangsiapa yang tidak mempunyai kemudahan, keluasan (lebih) harta yang membolehkannya menunaikan haji tanpa membuat pinjaman, ketika itu dia dianggap tidak berkelayakan (tiada bekalan) untuk pergi Haji."¹⁵⁴

Islam tidak memberatkan kecuali kepada mereka yang benar-benar sudah sampai kemampuan dan bukan kemampuan yang dipaksa-paksa sebelum tiba saatnya. Imam Ibn Qudāmah menjelaskan bahawa:

“Belanja bekalan itu hendaklah adalah harta yang lebih dari apa yang wajib ke atas tanggungjawabnya dari nafqah keluarga yang wajib disediakan semasa pergi dan kembalinya, ini adalah kerana nafqah berkait dengan hak manusia, dan ia adalah lebih perlu dan diutamakan (dalam hal ini dari Haji yang merupakan Hak Allah semata-mata),...selain itu mestilah bekalan ia dari harta yang lebih dari mencukupi untuk melunaskan hutangnya. Kerana melunasi hutang merupakan kewajipan asas dan berhubungkait dengan hak-hak manusia.¹⁵⁵

Apabila hutang baharu itu tidak menjejaskan keseluruhan tanggungjawab (kewajipan) hartanya kepada yang berhak (seperti anak dan isteri), kerana ianya mempunyai simpanan yang cukup atau harta lain (dalam bentuk harta tanah atau lain-lain) yang boleh dijual apabila perlu, apabila keadaan seperti ini maka tindakan berhutang tadi boleh menjadi harus.¹⁵⁶

¹⁵⁴ Al-Shāfi‘ī, *Al-Um*, (Bait al-Afkār al-dauliyyah, 2009) , Kitab al-Haj, Bab istiflaf li al-haj,3: 290

¹⁵⁵ Ibn Qudāmah, *Al-Mughni*, (Bait al-Afkār al-dauliyyah, 2013) 651.

¹⁵⁶ *Ibid.*

Sebagaimana kata Imam Al-Shāfi‘i:

ولكن إن كان ذا عرض كثير فعليه أن يبيع بعض عرضه أو الاستدانة فيه حتى يجع.

Terjemahan: "Tetapi apabila ia mempunyai harta yang banyak, bolehlah ia menjual sebahagiannya atau berhutang (kerana yakin boleh membayar balik hutang kerana mempunyai harta bukan dalam bentuk wang tunai sampai dia berhaji).¹⁵⁷

Dalam hal ini juga, Imam al-Nawawī RA menyebutkan dalam kitab beliau al-Majmu‘:

“Apabila sudah tidak wajib (haji itu) ke atas orang yang tentu sahaja sedia ada hutangnya kerana hutangnya itu, maka tidak wajib berhutang (untuk pergi haji) itu adalah lebih utama lagi, dan apabila seseorang berhutang kemudian adanya kepastian untuk bisa membayar maka wajib haji disebabkan adanya kepastian untuk membayar dan wajib membayar hutangnya ketika kembali nanti dan apabila berhutang kemudian menangguhkan pembayaran hutang nya sampai kembali dari haji dengan tidak adanya kepastian boleh untuk membayarnya maka tidak diwajibkan haji”.¹⁵⁸

Imam al-Nawawī RA menyebutkan lagi:

“Telah berkata ulama-ulama al-Shāfi‘iyyah: Sekiranya orang yang memberi hutang itu setuju hutang itu dibayar kemudian sehingga (orang yang berhutang itu) pulang dari mengerjakan haji, ibadat haji itu masih tidak wajib ke atas orang yang berhutang itu tanpa ada percanggahan pendapat.”¹⁵⁹

¹⁵⁷ Al-Shāfi‘i, *Al-Um*, (Bait al-Afkār al-Dauliyyah, 2009) Kitab al-Haj, Bab istiflaf li al-haj,3: 290

¹⁵⁸ Al-Nawawī, *al-majmū‘*, (Bait al-Afkār al-Dauliyyah, 2013), 2: 1563

¹⁵⁹ *Ibid.*,2: 1562

Dari pada ini para ulama telah berpendapat bahawa pelunasan hutang lebih utama daripada haji bahkan lebih utama daripada zakat. Dan para ulama berpendapat manakala seorang muslim mahu menikah kerana takut akan kesukaran atau kesulitan dan takut akan jatuh ke dalam perbuatan yang haram maka diutamakan nikah, hal ini kerana diibaratkan seperti kewajipan nafakah, akan tetapi manakala tidak terdapat rasa takut maka haji lebih utama kerana nikah dalam hal ini sunnah.¹⁶⁰

Tidak ada tuntutan dalam Islam menunaikan ibadat haji dengan berhutang, kerana pada dasarnya orang yang berhutang dan orang yang mempunyai hutang dianggap sebagai orang yang belum mempunyai kemampuan (*istiṭā'ah*) untuk mengerjakan haji. Islam tidak menggalakkan berhutang untuk mengerjakan ibadat haji. Islam adalah agama yang mudah dan tidak menyulitkan. Ini dijelaskan dalam al-Quran sebagaimana firman Allah SWT:

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمْ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمْ الْعُسْرَ وَلِتُكْمِلُوا الْعِدَّةَ وَلِتُكَبِّرُوا اللَّهَ

عَلَىٰ مَا هَدَيْنَاكُمْ وَعَلَّامٌ تَشْكُرُونَ ﴿١٨٥﴾

Al Baqarah: 2:185

Terjemahan: Allah menghendaki kemudahan bagimu, dan tidak menghendaki kesukaran bagimu. dan hendaklah kamu mencukupkan bilangannya dan hendaklah kamu mengagungkan Allah atas petunjuk-Nya yang diberikan kepadamu, supaya kamu bersyukur.

¹⁶⁰ Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī*, (Bait al-Afkār al-Dauliyyah, 2013), Kitab al-Ḥaj. 1: 651.

Firman Allah SWT lagi:

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا اكْتَسَبَتْ ...

Al Baqarah: 2:286

Terjemahan: Allah tidak membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya. ia mendapat pahala (dari kebaapabilan) yang diusahakannya dan ia mendapat siksa (dari kejahatan) yang dikerjakannya.

Dalam keadaan ini, apabila sekiranya syarat-syarat wajib haji tidak dapat dipenuhi oleh seseorang, maka tidaklah wajib baginya pergi mengerjakan haji, walaupun haji itu salah satu daripada rukun Islam yang lima. Berhutang kerana tujuan tersebut adalah suatu perkara yang tidak dituntut dalam agama Islam, kerana berhutang sangat membebankan dan boleh membawa akibat yang buruk seperti berlakunya kesusahan dan mengandungi risiko yang tinggi bukan sahaja di dunia bahkan juga di akhirat. Namun, sekiranya orang yang berhutang itu mengerjakan haji juga dengan wang yang dipinjamnya, maka ibadat haji yang dikerjakannya itu sah sebagai farḍu haji dalam Islam. Apabila suatu hari nanti, apabila dia sudah berkemampuan untuk mengerjakan haji, maka dia tidak diwajibkan lagi untuk mengerjakannya.

Sebagai kesimpulan, orang yang tiada kemampuan dari segi kewangan, tidaklah perlu ia menyusahkan dirinya dengan berhutang untuk mengerjakan ibadat haji yang merupakan salah satu rukun Islam, apatah lagi bagi orang yang sudah mengerjakan haji atau umrah. Hal ini berasaskan keumuman firman Allah SWT:

وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا ۚ وَمَنْ كَفَرَ فَإِنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ عَنِ الْعَالَمِينَ

الْعَالَمِينَ

al- 'Imrān 3:97

Terjemahan: Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat Haji dengan mengunjungi Baitullah, iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya. Dan sesiapa yang kufur (ingkarkan kewajipan ibadat Haji itu), maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak berhajatkan sesuatu pun) dari sekalian makhluk.

Hasil Ijma' Ulama IV mengenai Masalah Fiqh Kontemporari (*masā'il fiqhiyyah mu'ashirah*) Pembahasan: Dana Talangan Haji dan *istiṭā'ah* untuk menunaikan Haji sebagai berikut:

3.7. Asas hukum Pembiayaan Talangan Haji.

Dana talangan haji adalah merupakan sebuah produk pada syarikat kewangan Syariah baik bank mahupun non-bank yang memberikan fasiliti pinjaman dana bagi pelanggan yang mahu menunaikan ibadat haji, namun memiliki kekurangan dana untuk melunasi syarat pembiayaan dana haji untuk mendapatkan peluang haji.

Asas hukum produk dana talangan haji tidak dinyatakan secara jelas dalam Al-Quran, Al-Sunnah, Ijma', dan Qiyās. Produk ini berkaitan dengan bidang muamalat yang berkembang sedemikian rupa dan belum ada pada zaman Rasulullah SAW, sahabat, dan ulama-ulama terdahulu. Sehingga dasar hukumnya dapat kita dapatkan dari lampiran fatwa Dewan Syariah Nasional MUI Nomor 29/DSN-MUI/VI/2002.

Ketetapan Hukum:

1. Hukum pembiayaan pengurusan haji oleh institusi kewangan Syariah adalah boleh, mubah atau jaiz dengan syarat mengikuti atau patuh pada ketentuan (*dawabit*) yang terdapat dalam fatwa DSN-MUI Nomor: 29/DSN-MUI/VI/2002 tentang Pembiayaan Pengurusan Haji Lembaga Kewangan Syariah, yang ketentuannya antara lain : Lembaga Kewangan Syariah (LKS) hanya mendapat ujrah (fee atau upah) atas perkhidmatan pengurusan haji, sedangkan *qard* yang ada sebagai dana talangan haji tidak boleh dikenakan tambahan.
2. *Istiṭā'ah* adalah syarat wajib haji (bukan syarat sah haji), Upaya untuk mendapatkan peluang haji dengan cara memperoleh dana talangan haji dari LKS adalah boleh, karena hal itu merupakan usaha, kasab dan ikhtiar dalam rangka menunaikan haji. Walaupun demikian, kaum muslimin tidak sepatutnya memaksakan diri untuk melaksanakan ibadat haji sebelum benar-benar *Istiṭā'ah* dan tidak digalakkan untuk memperoleh dana talangan haji terutama dalam keadaan beraturan haji yang lama seperti masa saat ini. Sebaiknya yang bersangkutan tidak menunaikan ibadat haji sebelum pembiayaan talangan haji dari LKS dilunasi.
3. Pihak pemberi dana talangan haji wajib melakukan seleksi dan memilih pelanggan penerima dana talangan haji tersebut dari sisi kemampuan kewangan, standar penghasilan, persetujuan suami atau isteri serta ansuran pembiayaan. Hal ini dimaksudkan sebagai menjamin supaya tidak lengah kewajipan dan tanggung jawab pelanggan seperti nafkah keluarga.

4. Pihak kerajaan dan Bank Sentral Indonesia boleh melaksanakan had kepada perbankan dalam menyalurkan pembiayaan dana talangan haji apabila diperlukan.¹⁶¹

Pihak bank dalam amalan dana talangan haji menggunakan akad *al-qard*, maka berasaskan pengertian *al-qard* yang telah dijelaskan di atas, pihak bank tidak boleh mengambil keuntungan dan imbalan pulangan dari pelanggan. Dalam amalannya, dana talangan haji tersebut menunjukkan bahawa hukumnya dibolehkan, dengan tidak mensyaratkan kos tambahan dari pelanggan melainkan pemberian yang bebasan kepada suka rela.¹⁶²

¹⁶¹ Fatwa DSN MUI (2012), “*Hasil Ijtima’ Ulama IV: Masalah Fikih Kontemporer – II*”, <http://www.mui.or.id>. di akses pada tanggal 18 hb Januari 2013

¹⁶² Nailul Fauziah (2012). *Seputar Dana Talangan Haji*. http://derapakidebu.blogspot.com/2012/04/seputar-dana-talangan-haji_05.html, Diakses pada tanggal 5 hb Marc 2013

BAB IV

ANALISIS PENGURUSAN PEMBIAYAAN DANA TALANGAN HAJI DI BANK MUAMALAT CAWANGAN BANDA ACEH

4.1 Pendahuluan: Produk Pembiayaan Bank Muamalat.

Dana Talangan Haji merupakan salah satu produk pembiayaan pada Bank Muamalat untuk memberi pinjaman kepada pelanggan bagi tujuan membantu mendapatkan peluang keberangkatan haji lebih awal, meskipun baki Tabungan Haji pelanggan belum mencapai syarat pendaftaran peluang. Hal ini bersesuaian dengan pernyataan Ibu Khairina selaku pegawai akaun pada 20 hari bulan September 2012 menyatakan bahawasanya Bank Muamalat cawangan Banda Aceh sebagai syarikat yang memberikan kemudahan pembiayaan bagi pelanggan yang mahu menunaikan ibadat haji. Pihak bank Muamalat memberikan perkhidmatan pembiayaan untuk pelanggan dengan memberikan dana talangan haji bagi pelanggan untuk mendapatkan peluang haji tanpa merugikan kedua belah pihak antara bank dan pelanggan.¹⁶³

Produk pembiayaan dana talangan haji sudah lama diwujudkan oleh Bank Muamalat. Hal ini bersesuaian dengan pernyataan Ibu Khairani sebagai pegawai akaun: “Dana talangan haji merupakan produk pembiayaan, produk pembiayaan ini diwujudkan oleh Bank Muamalat cawangan Banda Aceh kerana banyaknya permintaan dari pelanggan yang berminat mengambil dana talangan untuk kos haji. Para pelanggan ingin mendapatkan peluang perjalanan haji dengan cepat, sehingga keberangkatan ibadat haji dapat direncana melihat banyaknya daftar tunggu yang semakin lama. Dengan talangan yang di berikan Bank Muamalat Cawangan Banda Aceh pelanggan

¹⁶³ Khairani (Akaun Officer, Bank Muamalat Cawangan Banda Aceh) dalam temu bual dengan penulis, 10 September 2012.

boleh mendapatkan peluang haji dengan pasti dan cepat sehingga perjalanan haji bisa terencana.”¹⁶⁴

4.2 Analisis Pembiayaan Dana Talangan Haji: *Al-Qarḍ*

Pengertian *al-Qarḍ* adalah pemberian dana kepada orang lain yang dapat ditagih atau diminta kembali tanpa mengharapkan pulangan. Dalam penulisan fiqh klasik, *al-Qarḍ* dikategorikan dalam ‘*aqd taṭawwui*’ atau akad saling membantu dan bukan transaksi komersial.¹⁶⁵

Transaksi *al-Qarḍ* dibolehkan dalam Islam berasaskan firman Allah SWT:

مَنْ ذَا الَّذِي يُقْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضْعِفَهُ لَهُ وَلَهُ أَجْرٌ كَرِيمٌ ﴿١١﴾

al-Ḥadīd: 57:11

Terjemahan: Siapakah orangnya yang mahu memberikan pinjaman kepada Allah, sebagai pinjaman yang baik (ikhlas) supaya Allah melipat-gandakan balasannya? Dan (selain itu) ia akan beroleh pahala yang besar!

Yang menjadi landasan dalil dalam ayat ini adalah seruan untuk meminjamkan kepada Allah SWT, maknanya membelanjakan harta di jalan Allah SWT. Selaras dengan meminjamkan kepada Allah SWT, juga diserukan untuk meminjamkan kepada sesama manusia sebagai bahagian dari kehidupan bermasyarakat.¹⁶⁶

¹⁶⁴ Ibid.

¹⁶⁵ Muhammad Syafi’i Antonio, *Bank Syariah dari Teori ke Amalan*, Jakarta : (Gema Insani Press, 2001). 131

¹⁶⁶ Ibid., 132

Para Ulama dalam menentukan makna *al-Qarḍ* dengan definisi yang berbeza:

Ulama Hanafi Abu bakr al-kasani al-hanafi menjelaskan bahawa *al-Qarḍ* adalah harta *al-misliyyāt* (harta yang mempunyai persamaan atau padanan dengan tidak mempertimbangkan adanya perbezaan antara satu dengan lainnya dalam kesatuan jenisnya Biasanya berupa harta benda yang dapat ditimbang, diukur atau dihitung kuantitinya) yang dipinjamkan dan kemudian dikembalikan dengan barang yang serupa. Sehingga dalam *al-Qarḍ* ini disyaratkan harta tersebut berjenis *misliyyat*, dimana harta tersebut tidak memiliki perbezaan dalam hal nilainya.¹⁶⁷

Imam Malik juga memberikan definisi yang sama, iaitu pembayaran seseorang kepada orang lain dengan benda yang sama dengan harta yang diambilnya dengan ketentuan tidak boleh adanya tambahan faedah pada pelunasan awal dan harta yang menjadi bayaran tidak boleh berbeza dalam hal nilainya.¹⁶⁸

Imam Shāfi'ī berasas pengertian *al-Qarḍ* dengan firman Allah SWT:

مَنْ ذَا الَّذِي يُقْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضْعِفَهُ لَهُ أَضْعَافًا كَثِيرَةً وَاللَّهُ

يَقْبِضُ وَيَبْضُطُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ

al-Baqarah: 2:245

Terjemahan: Siapakah orangnya yang (mahu) memberikan pinjaman kepada Allah sebagai pinjaman yang baik (yang ikhlas) supaya Allah melipatgandakan balasannya dengan berganda-ganda banyaknya? Dan (ingatlah), Allah jualah Yang menyempit dan Yang meluaskan (pemberian rezeki) dan kepadaNya lah kamu semua dikembalikan.

¹⁶⁷ 'Abd al-Rahmān al-Hanafī al-haskafī, *Dār al-Mukhtar*, (Beirut: Dār al-Kutub al-'ilmiyyah, 2002) 429; lihat juga Abu bakr ibn mas'ūd al-kasāni al-hanafī 'ala al-dīn, *Badā'ī al-Ṣanā'ī*, (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2003), 7: 215

¹⁶⁸ Imam Mālik bin Anas, *Al-Mudawwanah al-Kubrā*, (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1993) 629.

Berasaskan ayat diatas, Imām Shāfi‘ī memberikan penjelasan, bahawa *al-Qarḍ* adalah pinjaman yang baik, sama dengan makna *al-Salf* (pinjaman tanpa faedah), iaitu pemilikan terhadap suatu benda sebagai pinjaman yang kemudian dikembalikan dengan seperti semula, berasaskan kebiasaan pada masa itu (pada masa sekarang, maka seseorang boleh membayar suatu benda dengan memakai wang).¹⁶⁹

Imām Aḥmad bin Hambal menerangkan bahawa *al-Qarḍ* merupakan salah satu jenis pinjaman yang tidak ada faedah di dalamnya dalam rangka membantu orang yang meminjam untuk mengambil manfaat dari barang yang ia pinjam.¹⁷⁰

Al-Sayyid al-Sābiq mendefinisikan *al-Qarḍ* sebagai berikut :

القرض هو المال الذي يعطيه المقرض للمقترض ليؤد مثله إليه عند قدرته إليه.

Terjemahan :“Harta yang diberikan seseorang pemberi hutang kepada orang yang menerima hutangi untuk kemudian dia mengembalikan yang semisal atau sepadan setelah mampu”.¹⁷¹

Dari penjelasan makna di atas, jelaslah bahawa akad *al-Qarḍ* merupakan salah satu jenis pinjaman tanpa faedah, dengan bermatlamat untuk membantu terpenuhnya keperluan pihak lain yang kekurangan dana dengan tidak ada penentuan imbalan tertentu yang disyaratkan.

¹⁶⁹ Ali Fikri, *Al-Muāmalah al-Madiyah al-adabiyah*, (kaherah: Al-Maṭbah al-Muṣṭafa al-Banī). 345

¹⁷⁰ *Ibid.*, 346

¹⁷¹ Al-Sayyid Sābiq, *Fiqh Al-Sunnah*, (Kaherah: Dār al-Fath li ‘Ilām al-‘Arabiyy. tt: XII, 2001). 166

4.2.1 Asas Hukum *al-Qard*

a. Al-Quran:

مَنْ ذَا الَّذِي يُقْرِضُ اللَّهَ قَرْضًا حَسَنًا فَيُضْعِفَهُ لَهُ أَضْعَافًا كَثِيرَةً وَاللَّهُ

يَقْبِضُ وَيَبْصُطُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٢٤٥﴾

al-Baqarah: 2:245

Terjemahan: Siapakah orangnya yang (mahu) memberikan pinjaman kepada Allah sebagai pinjaman yang baik (yang ikhlas) supaya Allah melipatgandakan balasannya dengan berganda-ganda banyaknya? Dan (ingatlah), Allah jualah Yang menyempit dan Yang meluaskan (pemberian rezeki) dan kepadaNya lah kamu semua dikembalikan.

b. al-Hadith:

Bedasarkan dari hadith riwayat Ibn Mājjah RA:

عَنِ ابْنِ مَسْعُودٍ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَا مِنْ مُسْلِمٍ يُقْرِضُ مُسْلِمًا

قَرْضًا مَرَّتَيْنِ إِلَّا كَانَ كَصَدَقَتَيْهَا مَرَّةً.

Terjemahan: Dari Ibn Mas‘ūd bahawa Nabi SAW berkata: “Bukan seorang muslim (mereka) yang meminjamkan muslim (lainnya) dua kali kecuali yang satunya adalah sedekah”.¹⁷²

c. al-ijmā‘:

Para ulama telah bersepakat bahawa *al-Qard* boleh dilakukan. Kesepakatan ulama ini berasaskan kebiasaan manusia yang tidak boleh hidup tanpa pertolongan dan bantuan saudaranya. Tidak seorangpun yang memiliki segala barangan yang ia perlukan. Oleh karenanya, pinjaman sudah menjadi satu bahagian dari kehidupan

¹⁷² Ibn Mājjah, *Sunan Ibn Mājjah*, (Beirut: Dar ‘Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, 1975). no.hadith 1987

manusia di dunia ini. Islam adalah agama yang sangat mengambil berat terhadap seluruh keperluan umatnya..¹⁷³

4.2.2 Rukun dan Syarat *Al-Qarḍ*.

1. Rukun *al-Qarḍ*:

- a. Rukun *al-Qarḍ* pihak yang meminjam (*muqtariḍ*)
- b. Pihak yang memberikan pinjaman
- c. Dana (*Māl al-Muqtaraḍ*)
- d. Ijab qabul (*Ṣiḡhat*)

2. Syarat *al-Qarḍ*:

- a. *Qarḍ* atau barang yang dipinjamkan harus barang yang memiliki manfaat.
- b. Adanya ijab qabul, seperti halnya dengan jual beli.

Setiap akad dalam pindahan hak guna pakai atau hak milik harus merupakan barang yang bermanfaat, mesti ada ijab dan qabul antara peminjam dengan yang meminjamkan.¹⁷⁴

Talangan haji merupakan jenis pembiayaan *al-Qarḍ* yang ertinya adalah akad penalangan dana dari bank kepada pelanggan untuk menutupi kekurangan dana. Dalam hal ini dana talangan haji yang digunakan adalah untuk mendapatkan peluang perjalanan ibadat haji. Pelanggan akan mengembalikan secepat mungkin jumlah wang yang dipinjam, memudahkan pelanggan yang sedang dalam kesukaran memiliki cadangan untuk mendapat kos talangan dalam tempoh masa yang terhad.¹⁷⁵

¹⁷³ Ibn Qudāmah, *Al-Mughnī*, (Bait al-Afkār al-dauliyyah, 2013). 4: 313.

¹⁷⁴ Nur Uyun (2020), "Analisis Manajemen Pembiayaan Dana Talangan Haji Pada PT. Bank Syariah Mandiri Cabang Malang". <http://lib.uin-malang.ac.id/thesis/fullchapter/06610082-nur-uyun.ps>. Hal. 33-34 Diakses tanggal Kamis, 22 hb Marc 2012

¹⁷⁵ *Ibid.*

Dalam pembiayaan talangan haji, pihak bank dan pelanggan menggunakan akad *al-qard* yang merupakan salah satu ciri pembeza antara Bank Syariah dan Bank Konvensional iaitu, akad penanguhan dana dari bank kepada pelanggan untuk menutupi kekurangan dana. Dalam hal ini adalah dana talangan haji yang digunakan untuk mendapatkan peluang haji, pelanggan akan mengembalikan secepatnya jumlah wang yang dipinjam, memudahkan pelanggan yang sedang dalam kesukaran memiliki cadangan untuk mendapat kos talangan.

Program pembiayaan Dana Talangan Haji di bank Muamalat menggunakan akad *al-Qard al-hasān*, yang merupakan salah satu ciri pembeza antara Bank Syariah dan Bank Konvensional yang di dalamnya terkandung misi sosial. Di sini pihak bank bertugas memberikan pinjaman kepada pelanggan, bertugas sebagai pihak yang memberikan perkhidmatan sewa (memberikan talangan) dengan mengambil upah perkhidmatan (*free ujah*) dari biaya-biaya pentadbiran yang dilakukan oleh bank kerana sudah membantu pelanggan dalam mendapatkan peluang keberangkatan haji bagi bakal calon jamaah haji.¹⁷⁶

Dalam amalan *aqad al-Qard*, bank mengambil keuntungan sesuai dengan prinsip Syariah. Bank bertindak sebagai pemberi pinjaman dan pelanggan hanya wajib mengembalikan pokok hutang pada masa tertentu yang sudah disepakati pada masa hadapan. Keuntungan didapat dari penggunaan iaitu dengan mengambil upah perkhidmatan dari biaya pentadbiran atau lebih dikenal dengan (*free ujah*) dari setiap dana yang disediakan oleh bank.

¹⁷⁶ *Ibid.*

Penerapan *al-Qarḍ* dalam perbankan di antaranya¹⁷⁷:

1. Sebagai pinjaman talangan haji, di mana pelanggan diberikan pinjaman talangan untuk memenuhi syarat simpanan kos perjalanan haji. Modal yang diperuntukan ini adalah bersumberkan dari zakat, infak dan sedekah.
2. Sebagai pinjaman tunai (*cash advanced*) daripada produk kad kredit Syariah, di mana pelanggan diberi keselesaan untuk menarik kembali wang tunai milik bank melalui ATM. Pelanggan akan mengembalikan pinjam tunai tersebut sesuai dengan masa yang ditentukan.
3. Sebagai pinjaman kepada pengusaha kecil atau membantu sektor sosial, dikenal suatu produk khusus iaitu *al-Qarḍ Al-Hasān*.
4. Sebagai pinjaman kepada pengurus bank, di mana bank menyediakan fasiliti ini untuk memastikan terpenuhinya keperluan pengurusan bank. Pengurus bank akan mengembalikan secara ansuran melalui pemotongan gaji.
5. Sebagai fasiliti pelanggan yang memerlukan dana cepat, sedangkan ianya tidak diperbolehkan menarik dananya kembali kerana tersimpan dalam bentuk deposit.

Fatwa Dewan Syariah Nasional (DSN) mengenai ketentuan umum *al-Qarḍ*, Ketentuan pembiayaan *al-Qarḍ Al-Hasān* telah diatur dalam Fatwa DSN No. 19/DSNMUI/ IX/2000. Dalam fatwa ini, ketentuan umum *Qarḍ* adalah sebagai berikut¹⁷⁸;

¹⁷⁷ Nur Uyun (2010), "Analisis Manajemen Pembiayaan Dana Talangan Haji Pada PT. Bank Syariah Mandiri Cabang Malang". <http://lib.uin-malang.ac.id/thesis/fullchapter/06610082-nur-uyun.ps>. Hal. 34-35. Diakses tanggal Khamis, 22 hb Mac 2012

¹⁷⁸ *Ibid.*

- a. *Al-qarḍ* adalah pinjaman yang diberikan kepada pelanggan (*muqtariḍ*) yang memerlukan.
- b. Pelanggan *al-qarḍ* wajib mengembalikan jumlah pokok yang diterima pada masa yang telah disepakati bersama.
- c. Kos pentadbiran dibebankan pada pelanggan
- d. Bank dapat meminta jaminan kepada pelanggan bila mana dipandang perlu.
- e. Pelanggan yang menggunakan akad *qarḍ* dapat memberikan derma dengan sukarela kepada bank selama tidak tertera dalam akad.
- f. Apabila pelanggan tidak dapat mengembalikan pada masa yang disepakati dan bank sudah memastikan ketidakmampuannya, bank dapat melanjutkan jangka masa pengembalian atau menghapus (*write off*) sebahagian atau seluruh kewajipannya.

4.3 Manfaat dan Kemudahan dari Pembiayaan Dana Talangan Haji.

Tidak dapat dinafikan bahawa suatu produk tertentu memiliki sisi positif dan negatif. Matlamat yang utama dari produk ini adalah memberikan bantuan kepada masyarakat untuk melaksanakan salah satu rukun Islam iaitu berhaji ke Mekkah. Produk ini juga memiliki peminat yang ramai sehingga dapat memajukan dan menyokong institusi kewangan Syariah sebagai instrumen ekonomi umat Islam.

Walau bagaimanapun, ada mudarat yang timbul dari amalan dana talangan haji ini, baik dari tinjauan Syariah iaitu bentuk akad yang sangat berisiko kepada riba, kerana dalam akad bisa terjadi penggafaedahn antara akad *al-Qarḍ* dan *al-Ijārah* dengan mensyaratkan adanya tambahan imbalan sebagai perkhidmatan, bahkan tambahan

tersebut besarnya bergantung pada masa pinjaman (Ribā al-Nasi'ah)¹⁷⁹, sebagaimana firman Allah SWT:

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ
مِنَ الْمَسِّ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ
الرِّبَا فَمَن جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِّن رَّبِّهِ فَانْتَهَىٰ فَلَهُ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ وَمَنْ
عَادَ فَأُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ ﴿٢٧٥﴾

Al Baqarah: 2:275

Terjemahan: Orang-orang yang memakan (menggambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk Syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (Syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: “Bahawa sesungguhnya berniaga itu sama sahaja seperti riba”. Padahal Allah SWT telah menghalalkan berjual-beli (berniaga) dan mengharamkan riba. Oleh itu sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhannya lalu ia berhenti (dari mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya, dan perkaranya terserahlah kepada Allah. Dan sesiapa yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba itu) maka itulah ahli neraka, mereka kekal di dalamnya.

¹⁷⁹ Nur Uyun (2020), “Analisis Manajemen Pembiayaan Dana Talangan Haji Pada PT. Bank Syariah Mandiri Cabang Malang”. <http://lib.uin-malang.ac.id/thesis/fullchapter/06610082-nur-uyun.ps>. Hal. 34-35. Diakses tanggal Kamis, 22 hb Mac 2012

Di dalam hadith juga disebutkan:

حدثنا عبد الله بن سعيد . حدثنا عبد الله بن إدريس عن أبي معشر عن سعيد
المقبري عن أبي هريرة قال قال رسول الله صلى الله عليه و سلم : الربا سبعون حوبا .
أيسرها أن ينكح الرجل أمه

Terjemahan: “Menceritakan kepada kami Abdullah bin Sa‘id, menceritakan kepada kami Abdullāh bin Idris dari Abi Ma‘syār dari Sa‘id al-Muqbiri dari Abi Hurayrah berkata. bersabda Rasulullah saw: “Riba ada tujuh puluh dosa, yang paling ringan adalah (sama dengan) dosa orang yang berzina dengan ibunya”.¹⁸⁰

عن جابر رضي الله عنه قال “ لعن رسول الله صلى الله عليه وسلم آكل الربا ومؤكله
وكاتبه وشاهديه وقال هم سواء ” رواه مسلم

Terjemahan: “ Dari Jabir RA berkata: Rasulullah Shallallaahu ‘alaihi wa Sallam melaknat pemakan riba, pemberi makan riba, penulisnya, dan dua orang saksinya. Beliau bersabda: “Mereka itu sama.”¹⁸¹

Hal ini tidak dibenarkan, kerana hukum dari riba itu sendiri haram dan juga setiap *qarḍ* (pinjaman) yang mensyaratkan tambahan termasuk riba, meski besar tidak berasaskan pada jumlah dana yang dipinjamkan. Apabila dilihat dari tinjauan aspek sosial, bahawa adanya dana talangan haji menyebabkan ramai masyarakat untuk mendaftarkan diri untuk mendapatkan peluang haji dengan bantuan daripada dana talangan haji meskipun sebenarnya mereka belum mampu melakukan bayaran. Hal ini

¹⁸⁰ Ibn Mājah, *Sunan Ibn Mājah*, (Beirut: Dār ‘Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, 1975). no, Hadith 1858

¹⁸¹ Al-Shan‘ani, *Subul al-Salām*, (Lebanon: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2006). 3: 36

bahkan menyebabkan bertambahnya peserta yang menunggu untuk perjalanan haji, sehingga banyak di antaranya yang sudah mampu untuk berhaji, namun diperuntukan kepada mereka yang memakai perkhidmatan talangan haji dan jadual beratur untuk melaksanakan ibadat haji bertambah sampai menjadi 7 hingga 10 tahun masa menunggu.

4.3.1 Tinjauan Isu yang Berlaku.

Semua syarikat kewangan Syariah perlu melakukan amalan talangan haji bersesuaian dengan fatwa Majlis Ulama Indonesia (MUI). Permasalahan yang terjadi pada praktik amalannya, bank memiliki ketentuan yang berbeza-beza, terutama dalam hal akad, yang mana dari segi amalan bank melaksanakan pembiayaan talangan haji dengan beberapa akad antaranya: *al-Qarḍ*, *al-Ijārah* dan *al-Qarḍ wa al-Ijārah*.

Isu penyatuan dua akad *al-Qarḍ* dan *Ijārah*, telah menyebabkan perbezaan pandangan terhadap kebolehan pelaksanaan dana talangan haji, dengan alasan bahawa penggabungan dua akad atau yang lebih yang di kenal sebagai kontrak hibrid (*hybrid contract*) tersebut tidak dibolehkan dalam Syariah. Tentu ada yang menafikan bahawa penggabungan dua akad tersebut terjadi pada dua objek yang berbeza, iaitu wang dan perkhidmatan. Pertama, akad *al-Qarḍ* (pinjaman) dengan objek wang, di mana pelanggan hanya perlu mengembalikan sejumlah yang dipinjam. Kedua, akad *ijārah al ‘amal* (sewa perkhidmatan), iaitu perkhidmatan pengurusan haji. Namun, hujah tersebut tidak boleh menunjukkan bahawa amalan tersebut bukanlah penggafaedahn dua akad, kerana yang dimaksudkan dengan penggafaedahn dua akad adalah menggabungkan dua akad dalam satu transaksi. Jadi, walaupun dengan dua objek yang berbeza, amalan ini

tetap disebut penggafaedahn dua akad kerana masih dalam lingkup satu transaksi pembiayaan iaitu talangan haji.¹⁸²

4.3.2 Pendapat Para Ulama terhadap kontrak hibrid (*hybrid contract*).

Ada tiga hadith Nabi SAW yang menunjukkan larangan penggunaan kontrak hibrid.

Ketiga-tiga hadith tersebut bermaksud larangan:

- a. Pertama, larangan *bai ‘* dan *salaf*;

ان رسول الله صلى الله عليه و سلم نهى عن بيع وسلف

Terjemahan: Sesungguhnya Rasulullah SAW melarang jual beli Salf.¹⁸³

- b. Kedua, larangan *bai ‘ataini fī bai ‘at*;

عن أبي هريرة قال : نهى رسول الله صلى الله عليه و سلم عن بيعتين في بيعة

Terjemahan: Dari Abi Hurairah berkata: Rasulullah SAW melarang jua beli dalam satu jual beli.¹⁸⁴

- c. Ketiga, larangan *ṣafqatayni fī ṣafqah*;

نهى رسول الله صلى الله عليه وسلم عن صفقتين في صفقة

Terjemahan: Rasulullah SAW melarang dua kesepakatan akad dalam satu kesepakatan akad perjanjian.¹⁸⁵

¹⁸² Muh Akbar Ilyas (2012), “Dana Talangan Haji, Problem dan Hukumnya”(Sebagai makalah pada seminar yang di adakan oleh Pemimpin Pusat Muhammadiyah Yogyakarta bekerjasama dengan Jabatan Kementerian Agama). <http://blog.umy.ac.id/muhakbargowa/2012/09/26/dana-talangan-haji-problem-dan-realita-hukum-di-kalangan-masyarakat/>. Di akses pada tanggal 6 hb Februari 2013.

¹⁸³ Imam Malik, *al-Muwatta*, (Kaherah: Dār al-Ghad al-Jadīd, 2005). 2: 657

¹⁸⁴ Al-Tirmidhi, *Sunnan al-Tirmidhi*, (kaherah: Dār Ihya al-Turāts al-‘arabi, 1999). 3: 533

¹⁸⁵ Al-Bashri, *Musnad al-Bazzar*, (ttb. Jil: V1998). 384

Ketiga hadith di atas yang selalu dijadikan hujah para penasihat dan jurubank Syariah tentang larangan dua jual beli dalam satu jual beli (*two in one*). Namun ia mesti diambil perhatian, larangan itu hanya berlaku pada dua kes, kerana maksud dari hadith kedua dan ketiga sama, walaupun bentuk simpulan ucapannya berbeza.

Al-Imrani dalam buku *al-'Uqūd al-Māliyyah al-Murakkabah* mendefinisikan kontrak hibrid iaitu “Kesepakatan antara dua pihak untuk melaksanakan suatu akad yang mengandungi dua akad atau lebih, seperti jual beli dengan sewa, hibah, *wakālah*, *qard*, *muzāra'ah*, *ṣarf* (penukaran mata wang), *syirkah*, *muḍārabah* dan sebagainya, sehingga semua akibat hukum akad-akad yang terhimpun tersebut serta semua hak dan kewajiban yang ditimbulkan dilihat sebagai satu kesatuan yang tidak dapat dipisahkan, sebagaimana akibat hukum dari satu akad.”¹⁸⁶

Pandangan para ulama antaranya Ibn Taimiyah mengenai multi akad bahawa hukum kontrak hibrid adalah sah dan dibolehkan menurut Syariat Islam. Ulama yang membolehkan berhujah bahawa hukum asal dari segala muamalat di dunia adalah boleh kecuali yang diharamkan Allah SWT dan Rasul saw, tiada yang haram kecuali yang diharamkan Allah SWT, tidak diharamkan dan dibatalkan selama tidak ada dalil hukum yang mengharamkan atau membatalkannya, kecuali penggabungan dua akad yang menimbulkan riba atau seperti riba, seperti menggabungkan *qard* dengan akad yang lain, kerana adanya larangan hadith menggabungkan jual beli dan *qard*. Demikian juga menyatukan jual beli ansuran dan jual beli secara langsung dalam satu transaksi.¹⁸⁷

¹⁸⁶ Abd Allah Al-'Imrāni, *Al-'uqūd al-Māliyyah al-Murakkabah*, (Riyadh: Dār al-kunūz ishbilīyā linnashri wa al-Tauzī', 2010) . 68

¹⁸⁷ Ibn Taimiyah, *Jāmi' al-Rasā'il*, ttb(1989). 317

Nazih Hammad dalam buku *al-'Uqūd al-Murakkabah fī al-Fiqh al-Islām* menuliskan bahawa hukum dasar dalam Syara' adalah bolehnya melakukan transaksi kontrak hibrid, selama setiap akad yang membanggunya ketika dilakukan sendiri-sendiri hukumnya boleh dan tidak ada dalil yang melarangnya. Ketika ada dalil yang melarang, maka dalil itu tidak diperlakukan secara umum, tetapi mengecualikan pada kes yang diharamkan menurut dalil itu. Oleh kerananya, kes tersebut dikatakan sebagai pengecualian terhadap kaedah umum yang berlaku iaitu mengenai kebebasan melakukan akad dan menjalankan perjanjian yang telah disepakati.¹⁸⁸

Al-Shātibi menjelaskan perbezaan antara hukum asal dari ibadat dan muamalat adalah melaksanakan (*ta'abbud*) apa yang diperintahkan dan tidak melakukan penafsiran hukum. Manakala hukum asal dari muamalat adalah berasaskan kepada realiti bukan terletak pada amalan (*iltifāt ila ma'ānī*). Dalam hal ibadat tidak boleh dilakukan penemuan atau perubahan atas apa yang telah ditentukan, sementara peluang dalam bidang muamalat untuk melakukan perubahan dan penemuan yang baharu, kerana prinsip asas adalah dibolehkan bukan melaksanakan (*ta'abbud*).¹⁸⁹

Dari pandangan ulama-ulama di atas, dapat diketahui bahawa kontrak hibrid pada asasnya dibenarkan kerana penggafaedahn akad pada masa sekarang merupakan sebuah keperluan. Akan tetapi, yang perlu dipertimbangkan bahawa penggafaedahn akad tersebut tidak menimbulkan riba.

Kemudian, akad yang digabungkan dalam amalan talangan haji adalah akad tabarru'āt iaitu *al-Qarḍ* dan akad *mu'āwwaḍat* iaitu *ijārah*. Kedua jenis akad ini memiliki tujuan yang sangat berbeza. Akad tabarru'at merupakan akad sosial, tidak

¹⁸⁸ Abd Allah Al-'Imrāni, *Al-'uqūd al-Māliyah al-Murakkabah*, (Riyadh: Dār al-kunūz ishbīliyah linnashri wa al-Tauzī', 2010) . 69

¹⁸⁹ al-Shātibi, *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Shari'ah*, (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 2003). 284

bertujuan untuk mencari keuntungan. Sementara akad *mu'āwāḍat* merupakan akad komersial iaitu akad yang digunakan untuk mendapatkan keuntungan. Apabila keduanya digabungkan maka kemungkinan menimbulkan riba kerana akan merosakkan masing-masing tujuan dari kedua akad tersebut.¹⁹⁰

Percampuran dua akad dalam dana talangan haji sudah termasuk dalam bahagian larangan dari hadith Nabi Saw, sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Ibn Taimiyah:

فَجَمَاعُ مَعْنَى الْحَدِيثِ أَنْ لَا يُجْمَعُ بَيْنَ مُعَاوَضَةٍ وَتَبْرُحٍ ؛ لِأَنَّ ذَلِكَ التَّبْرُحُ إِنَّمَا كَانَ لِأَجْلِ الْمُعَاوَضَةِ لَا تَبْرُحًا مُطْلَقًا ؛ فَيَصِيرُ جُزْءًا مِنَ الْعَوَضِ فَإِذَا اتَّفَقَا عَلَى أَنَّهُ لَيْسَ بِعَوَضٍ جَمَعَا بَيْنَ أَمْرَيْنِ مُتَبَايِنَيْنِ ؛ فَإِنَّ مَنْ أَقْرَضَ رَجُلًا أَلْفَ دِرْهَمٍ وَبَاعَهُ سِلْعَةً تُسَاوِي حَمْسَمِائَةَ بِأَلْفٍ لَمْ يَرْضَ بِالْإِقْرَاضِ إِلَّا بِالثَّمَنِ الرَّائِدِ لِلْسِّلْعَةِ ؛ وَالْمُشْتَرِي لَمْ يَرْضَ بِبَدَلِ ذَلِكَ الثَّمَنِ الرَّائِدِ إِلَّا لِأَجْلِ الْأَلْفِ الَّتِي اقْتَرَضَهَا ؛ فَلَا هَذَا بَيْعًا بِأَلْفٍ وَلَا هَذَا قَرْضًا مَحْضًا

Terjemahan: Kesimpulan dari hadith ini menjelaskan bahawa: “Tidak dibenarkan menggabungkan antara akad komersial (niaga) dengan akad sosial. Yang demikian itu kerana keduanya (orang yang berakad) menjalinkan akad sosial kerana adanya akad komersial antara mereka. Dengan demikian akad sosial itu tidak sepenuhnya sosial. bahkan akad sosial secara tidak langsung menjadi bahagian dari nilai transaksi dalam akad komersial (niaga)”.¹⁹¹

¹⁹⁰ Ibid.

¹⁹¹ Ibn Taimiyah, *al-Fatāwā al-Kubrā*, (Beirut1: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1987). 39

Dari kesimpulan yang ditetapkan oleh Ibn Taimiyah, dapat diketahui bahawa yang menjadi ‘illat larangan Rasulullah Saw menggabungkan dua akad, iaitu adanya perbezaan yang mendasari akad tersebut iaitu asas komersial (niaga) dan asas sosial. Hal ini disebabkan kerana penggafaedahn itu bermatlamatkan sosial yang tidak lagi semata-mata mencari keuntungan, dan keuntungan itulah yang terdedah menjadi riba. Dengan demikian, selama terdapat ‘illat terhadap hukum tersebut, maka hadith di atas boleh diterapkan bagi akad yang lain, semisal penggafaedahn akad *al-Qarḍ* dan *al-Ijārah* dalam amalan talangan haji. Hal ini berdasarkan kaedah uşul fiqh:

الحكم يدور مع علته وجودا وعدما

“Hukum itu berlaku berasaskan ada dan tiadanya ‘illat”¹⁹²

Pada Bank Muamalat, amalan yang diasaskan pada akad *al-Qarḍ* sahaja bukan pada amalan menggabungkan akad *al-Qarḍ* dengan *al-ijārah*. Hal ini dibuktikan dari hasil temu duga, bahawa Bank Muamalat Indonesia cabang Aceh menggunakan akad *al-Qarḍ* dalam memberikan dana talangan sebesar Rp 24,500,000.00 kepada pelanggan, dengan hanya meminta kos pentadbiran sebesar Rp 2,500,000.00 sebagai perkhidmatan kepengurusan haji. Bank Muamalat mengiktirafkan bahawa pinjaman tersebut sebagai bahagian dari perkhidmatan pengurusan untuk membantu pelanggan yang mahu melaksanakan ibadat haji supaya mudah dalam mendapatkan peluang haji lebih cepat, dari pandangan pengamalan seperti ini tiada masalah, apalagi dengan niat membantu. Amalan seperti ini dibenarkan kerana pada asas perkhidmatan wang dalam konteks ini memakai prinsip *al-Qarḍ* yang bertujuan untuk membantu orang lain (akad sosial atau *mu‘awwad*) yang tidak boleh menetapkan kos tambahan.¹⁹³

¹⁹² Ibn Qayyim al-Jauziy, *al-Qawā'id al-Fiqhiyyah al-Mustakhrijah min ā'lam al-Muqī'īn*, (Dār Ibn al-Qayyim, 2008), 513

¹⁹³ Khairani (Akuan Officer, Bank Muamalat Cawangan Banda Aceh) dalam temu bual dengan penulis, 20 hb September 2012.

4.4 Bentuk Pembiayaan Perbankan Dana Talangan Haji

Pembiayaan Dana Talangan Haji ini diperuntukan kepada individu Warga Negara Indonesia (WNI) yang tidak terbabit dengan masalah jenayah yang berusia minimum 21 tahun atau maksimum 55 tahun pada masa pembiayaan. Kemudian Pembiayaan Dana Talangan Haji ini memiliki ciri-ciri khusus yang disajikan antaranya sebagai berikut:¹⁹⁴

1. Tempoh masa pinjaman 12 bulan.
2. Siling pinjaman yang besar hingga Rp 24,500,000.00¹⁹⁵
3. Pelunasan sesuai pokok pinjaman .
4. Kos pentadbiran hanya dikenakan sekali.
5. Tanpa Kos insurans jiwa.
6. Pelunasan sebelum tamat masa tempoh tidak dikenakan saman dalam masa pembiayaan.

Pembiayaan ini juga memiliki ciri-ciri Umum seperti berikut:

1. Berdasarkan prinsip Syariah dengan akad *al-qard* (pinjaman)
2. Fasiliti ansuran secara *autodebit* dari Tabungan Haji Arafah

Persyaratan Calon Pelanggan dari Pembiayaan Dana Talangan Haji iaitu: Individu Kewarganegara Indonesia (WNI) dengan semua jenis pekerjaan : pekerja tetap, pekerja kontrak, usahawanan, cikgu, doktor dan professional. Persyaratan administratif untuk penyerahan pula adalah seperti berikut:

1. Memiliki Tabungan Haji Arafah dengan baki minimum Rp 2,750,000.00¹⁹⁶
2. Borang permohonan pembiayaan untuk persendirian

¹⁹⁴ *Ibid.*, 20 September 2012.

¹⁹⁵ Rp 24,500,000.00 = 6,803.50 RM

¹⁹⁶ Rp 2,750,000.00 = 765.00 RM

3. Salinan kad pengenalan dan kad keluarga
4. Salinan surat perkahwinan (apabila sudah berkahwin)
5. Salinan penghasilan & surat keterangan kerja (untuk pekerja)
6. Salinan pindahan akaun buku Tabungan/statement giro 3 bulan terakhir
7. Salinan akaun telefon dan bil elektrik 3 bulan terakhir
8. Laporan kewangan atau laporan usaha (bagi keusahawanan dan profesional).

4.5 Proses Penyerahan Talangan Haji:

Bakal calon jemaah haji datang ke Bank Muamalat cawangan Banda Aceh untuk mendapatkan keterangan berkaitan dengan talangan haji dan jenis-jenisnya. Bakal calon jemaah haji mesti mempelajari akad pemberian dana talangan dan kewajipan yang dipenuhi, kemudian pelanggan talangan haji mengisi borang akad perjanjian pemberian dana talangan haji dan tandatangan di atas meterai. Selanjutnya pelanggan menyerahkan 2 helai Salinan kad pengenalan, 1 helai salinan Kad keluarga dan 1 helai salinan surat perkahwinan, kemudian pelanggan dana talangan haji perlu mengisi borang pembukaan Tabungan Arafah. Pelanggan talangan haji melakukan pelunasan awal setelah menerima dana talangan, kemudian pelanggan datang ke pejabat kementerian agama untuk mendapatkan borang pendaftaran keberangkatan ibadat Haji. Setelah semua proses tersebut selesai, maka Bank Muamalat akan mendaftarkan pelanggan melalui Sistem Komputer Haji Bersepadu (SISKOHAT).¹⁹⁷

¹⁹⁷ Khairani (Akaun Officer, Bank Muamalat Cawangan Banda Aceh) dalam temu bual dengan penulis, 20 hb September 2012.

4.6 Syarat-Syarat Permohonan Dana Talangan Haji

Sebelum melakukan permohonan dana talangan haji, Bank Muamalat cawangan Banda Aceh mengajukan beberapa syarat yang harus dipenuhi oleh pemohon iaitu:¹⁹⁸

1. Syarat Pemohon

Pemohon pembiayaan hanya terhad kepada pelanggan yang telah memiliki “Tabungan Haji Arafah”. Seperti pernyataan Ibu Khairina sebagai pegawai akaun menyampaikan: “Persyaratan bagi pelanggan (calon jamaah haji) sebelum melakukan pembiayaan dana talangan di Bank Muamalat cawangan Banda Aceh, pelanggan sebelumnya harus memiliki atau membuka akuan “Tabungan Arafah.” Tabungan Arafah merupakan jenis produk pendanaan bank Muamalat. Melalui tabungan Arafah pelanggan boleh mendapatkan dana talangan haji di Bank Muamalat cawangan Banda Aceh. Tabungan Arafah bertujuan membantu jemaah yang berminat dalam merencanakan ibadat haji dan umrah. Tabungan Arafah dibuat oleh pelanggan yang mahu menabung dengan tujuan pelunasan kos perjalanan haji. Tetapi masa pelanggan boleh mendapatkan peluang haji bergantung terhadap kemampuannya dalam menabung. Lain halnya dengan dana talangan haji yang sudah jelas. Pelanggan dengan cepat boleh mendapatkan peluang perjalanan haji dan membuat pelunasan kewangan melalui bank dengan kriteria:

- a. Tidak terbabat dengan masalah hukum.
- b. Individu yang mempunyai pekerjaan tetap atau menurut penilaian Bank dapat dipastikan memiliki kemampuan mengembalikan dana talangan haji tepat pada masanya.
- c. Bersedia memberikan jaminan sesuai ketentuan Bank.

¹⁹⁸ *Ibid.*, 20 September 2012.

2. Permohonan Dana Talangan Pendaftaran Haji:

a. Pelanggan Individu perlu melengkapinya syarat-syarat sebahagai berikut:

- Salinan kad pemohon
- Salinan kad suami/isteri pemohon (apabila sudah berkahwin) salinan kad keluarga dan surat perkahwinan (apabila sudah berkahwin) atau surat perceraian (bila janda atau duda)
- Surat rujukan pengunduran diri dari calon jamaah haji kepada Jabatan Kementerian Agama tempatan.

b. Kumpulan Bimbingan Ibadat Haji (KBIH) atau Penyelenggara Ibadat Haji Khusus (PIHK) perlu melengkapinya: Salinan Akta Pendirian Kumpulan Bimbingan Ibadat Haji (KBIH) atau Anggaran Dasar dari penyelenggara ibadat haji tersebut dan salinan kad pengurusan atau pihak berkuasa, kemudian menyatakan Salinan Tabungan Haji Arafah calon jamaah haji yang menerima dana talangan haji kepada jabatan Kementerian Agama untuk permohonan pembiayaan dana talangan haji yang diserahkan oleh Kumpulan Bimbingan Ibadat Haji (KBIH) atau Penyelenggara Ibadat Haji Khusus (PIHK), selain surat permohonan dana talangan haji dari KBIH/PIHK, wajib dilampirkan juga permohonan pembiayaan dan sudah menandatangani dokumen-dokumen Kumpulan Bimbingan Ibadat Haji (KBIH).

c. Prinsip (akad) Penyaluran Dana Talangan Haji.

Dalam melaksanakan program pembiayaan Dana Talangan Haji, oleh Bank Muamalat menggunakan prinsip akad (*al-qard*). Ibu Khairina selaku pegawai akaun dan pengurus pembiayaan, 26/03/2011 menyatakan bahawa:

“Dalam penyaluran pembiayaan dana talangan haji Bank Muamalat Cabang Banda Aceh, Bank Muamalat menggunakan akad *al-qard* atau *qard al-Hasan*”. Secara keseluruhan, analisis terhadap dana talangan haji pada Bank Muamalat dan penilaian terhadap keberkesanan manfaat, Bank Muamalat di dapati sudah berada pada tingkat kejayaan dalam usaha pencapaian tujuan, yang ditetapkan berasaskan pada tahapan kualiti dan kuantiti hasil kerja yang lebih berkesan dan banyak menarik minat para pelanggan.

4.7 Fasiliti, Manfaat Keuntungan dan Jaminan yang Menyertai Talangan Haji

4.7.1 Fasiliti yang Menyertai Talangan Haji

Dalam pemberian talangan haji, pelanggan akan mendapatkan fasiliti yang berupa buku Tabungan Arafah selama masa talangan haji berlangsung. Pelanggan juga akan mendapat insurans jiwa selama talangan tersebut. Selain itu pelanggan juga akan mendapat cenderahati haji menjelang keberangkatannya ke Mekah seperti satu set perlengkapan alat ibadat semasa di Mekah, seperti pakaian ihram atau sajadah bagi pelanggan lelaki, tudung bagi pelanggan perempuan. Bagaimanapun pemberian cenderahati ini bergantung kepada ketentuan dan kondisi bank pada setiap tahun keberangkatan, supaya cenderahati yang diberikan berbeza-beza di setiap tahunnya.¹⁹⁹

4.7.2 Manfaat Keuntungan Talangan Haji

Berasaskan hasil penelitian, pembiayaan dana talangan haji Bank Muamalat merupakan pinjaman dana talangan dari bank kepada pelanggan, khusus untuk menutupi kekurangan dana untuk memperoleh peluang haji dan bagi melunaskan kos perjalanan ibadat haji. Penjelasan ini dijangkakan ada manfaat lebih dari adanya produk pembiayaan ini, baik bagi bank mahupun bagi pelanggan.

¹⁹⁹ Khairani (Akuan Officer, Bank Muamalat Cawangan Banda Aceh) dalam temu bual dengan penulis, 26hb September 2012.

A. Bagi Pihak Bank.

Manfaat kepada pihak bank adalah menerusi pembiayaan ini, selain dapat menjana keuntungan dari penggunaan kos pentadbiran atas pemberian talangan haji, pihak bank juga mendapatkan keuntungan atau pulangan modal dalam masa cepat yang diperoleh dari bayaran pelanggan melalui Tabungan haji yang ada di bank. Dalam hal ini wang pelanggan untuk tujuan perlunasan pembiayaan tersebut adalah berjangka masa 1 atau 2 tahun. Sehingga bank dapat menggunakannya untuk pembiayaan atau pelunasan lain. Pendapatan keuntungan juga boleh didapat dari kos pengurusan talangan haji dan meningkatkan jumlah pelanggan pembiayaan dalam hal pemberian pembiayaan talangan haji.

B. Bagi Pihak Pelanggan

Ibu Khairina selaku pegawai akaun dan juga pengurus pembiayaan menyatakan bahawa manfaat lebih yang diberikan oleh pihak bank kepada pelanggan dengan pentubuhan program pembiayaan dana talangan haji pada Bank Muamalat adalah sebagai berikut:²⁰⁰

1. Pelanggan dijamin boleh mendapatkan peluang haji dengan cepat, meskipun dari dana kewangan belum mencukupi untuk pelunasan kos perjalanan ibadat haji sehingga boleh langsung mendaftarkan sebagai calon jamaah haji ke Jabatan Kementerian Agama.
2. Memberikan dana bagi pelanggan yang memerlukan dana segera di mana dananya belum boleh melakukan pelunasan dalam masa cepat misalnya masih dalam bentuk simpanan.

²⁰⁰ *Ibid.*, 26 September 2012.

3. Proses pemberian talangan haji relatif cepat sehingga keberangkatan perjalanan ibadat haji dapat terencana tanpa menunggu masa yang lama.
4. Kos pengurusan yang diberikan relatif murah.
5. Pelunasan bayaran utama dari pinjaman juga termasuk kemudahan yang diberikan Bank Muamalat cabang Banda Aceh kepada pelanggan.
6. Selain itu pelanggan dapat melakukan pelunasan secara bayaran ansuran setiap bulan atau boleh membuat pelunasan langsung serta-merta sampai akhir pembayaran.
7. Perkhidmatan insurans; Pelanggan talangan haji akan mendapatkan insurans jiwa selama pemberian talangan berlangsung.

Dari pada sini pengkaji dapat simpulkan bahawa Dana Talangan Haji memiliki kegemilangan yang lebih berbanding dengan produk perbankan lain, antaranya²⁰¹:

1. Pelanggan lebih mudah dan cepat dalam mendapatkan peluang haji yang mana dengan kondisi dan keadaan masa menunggu untuk menunaikan ibadat haji yang semakin bertambah.
2. Pembiayaan talangan haji yang diberikan kepada pelanggan juga tanpa faedah bulanan dalam pembiayaan berasaskan Syariah.

²⁰¹ *Ibid.*, 26 September 2012.

4.7.3 Jaminan Menyertai Talangan Haji

Jaminan untuk menyertai talangan haji iaitu berupa peluang kemudahan menunaikan haji tanpa menunggu masa yang lama. Apabila pelanggan tidak dapat melunasi talangan yang diberikan oleh bank maka pelanggan tersebut dinyatakan gagal menjalankan ibadat haji pada tahun tersebut. Pelanggan juga dijamin boleh mendapatkan peluang perjalanan haji dengan cepat, meskipun dana mereka masih belum mencukupi untuk menampung bayaran kos menjalankan ibadat haji sehingga boleh didaftarkan sebagai calon jemaah haji di jabatan kementerian Agama.

4.8 Pelaksanaan Talangan Haji Bank Muamalat.

Pelaksanaan talangan haji Bank Muamalat Cawangan Banda Aceh, dibahaskan menjadi tiga tahap²⁰², iaitu:

1. Pelaksanaan penyerahan talangan haji di Bank Muamalat.
2. Pelaksanaan pendaftaran Calon Jamaah haji ke Jabatan Kementerian Agama.
3. Pelaksanaan pelunasan talangan haji.


Pelaksanaan penyerahan talangan haji adalah langkah-langkah yang harus dijalani bakal calon pelanggan untuk mendapatkan talangan haji serta merupakan kegiatan operasi Bank Muamalat dalam hal melaksanakan proses pembiayaan berupa talangan haji.

Adapun proses calon pelanggan untuk mendapatkan talangan haji Bank Muamalat adalah seperti berikut:

²⁰² *Ibid.* 26 september 2012.

Rajah 4.1

Proses Penyerahan Talangan Haji.



Keterangan :

1. Pelanggan datang ke Bank Muamalat untuk melakukan penyerahan talangan haji. Dalam hal ini pelanggan akan dibantu oleh bahagian perkhidmatan pelanggan. Di sini pelanggan harus memenuhi ketentuan dan persyaratan talangan haji. Kemudian pelanggan perlu mengisi borang pembukaan Tabungan Arafah dan menandatangani surat perjanjian talangan haji antara pelanggan dengan pihak bank.
2. Setelah pelanggan selesai melengkapi dan menyelesaikan borang di bahagian khidmat, pelanggan dikehendaki melakukan deposit awal untuk Tabungan Arafah. Sejumlah deposit yang telah disepakati dan sesuai dengan jenis talangan yang dikemukakan dan urusan ini dibantu oleh bahagian juruwang. Pelaksanaan pendaftaran calon jamaah haji di Jabatan Kementerian Agama pula dilakukan setelah baki Tabungan Arafah mencapai had minimum dengan Sistem Komputer Haji Bersepadu (SISKOHAT) iaitu 24,500,000.00 atau sesuai dengan perintah pelanggan. Namun, untuk pelanggan talangan, pendaftaran tersebut dapat dilakukan setelah pelanggan membuka akuan Tabungan Arafah dengan deposit awal yang telah ditentukan.²⁰³

²⁰³ Khairani (Akuon Officer, Bank Muamalat Cawangan Banda Aceh) dalam temu bual dengan penulis, 20 September 2012.

Berdasarkan pertimbangan di atas, maka Dewan Syariah Nasional (DSN) memberikan ketetapan hukum boleh melakukan ibadat haji dengan bantuan talangan dari pihak Lembaga Kewangan Syariah (LKS), dengan syarat pelanggan harus mampu melakukan pelunasan bayaran dalam masa yang telah disepakati sebelum melakukan perjalan haji. Apabila tidak mampu melakukan pelunasan seperti yang disyaratkan maka pelanggan tidak diwajibkan menunaikan ibadat haji kerana belum cukup syarat (mampu). Kaedah ini bersesuaian dengan syarat *Istiṭā'ah* yang di tetapkan Dewan Syariah Nasional (DNS) dalam fatwa DSN-MUI Nomor: 29/DSN-MUI/VI/2002 tentang Pembiayaan Pengurusan Haji kepada pelanggan yang mahu menunaikan ibadat haji. Dan pihak pemberi dana talangan juga harus melakukan seleksi dan memilih pelanggan yang berhak menerima dana talangan.

4.9. Proses Pemberian Pembiayaan di Bank Muamalat Cawangan Banda Aceh.

Bersama dengan dana talangan haji dari Bank Muamalat Cawangan Banda Aceh hanya dengan deposit awal Rp. 5,250,000.00²⁰⁴

Persyaratan:²⁰⁵

1. Deposit awal minimum Rp. 5,250,000.00 yang terdiri dari:

- Deposit Penambahan Talangan Rp. 2,000,000.00²⁰⁶
- Buku Tabungan Haji Arafah Rp. 250,000.00²⁰⁷
- Deposit Talangan minimum Rp. 500,000.00²⁰⁸
- Kos pengurusan Rp. 2,500,000.00²⁰⁹

²⁰⁴ Rp 5,250,000.00 = 1,442.60 RM

²⁰⁵ Bank Muamalat Cabang Banda Aceh, 26 september 2012.

²⁰⁶ Rp 2,000,000.00 = 551.00 RM

²⁰⁷ Rp 250,000.00 = 68.80 RM

²⁰⁸ Rp 500,000.00 = 138.90 RM

²⁰⁹ 2,500,000.00 = 695.40 RM

2. Persyaratan Produk Dana Talangan Haji :

- Salinan Kad pengenalan Suami / Isteri (2 helai)
- Salinan Kad Keluarga (2 helai)
- Salinan Buku Nikah (2 helai)
- Salinan Nomor Pokok Wajib Pajak (NPWP) 1 helai
- Surat Permohonan Pelanggan
- Fail Sumber Dapatan

3. Prosedur Pemberian Pembiayaan

- a). Permohonan Pembiayaan; Pemohonan pembiayaan dilakukan secara tertulis kepada pegawai bank dengan mengisi borang penyerahan pembiayaan. Untuk penyerahan pembiayaan perusahaan dengan kapasiti yang besar, pelanggan perlu melampirkan cadangan perusahaan ataupun kajian kelayakan perniagaan. Pegawai akaun akan menyelidiki cadangan atau kelayakan perniagaan tersebut sebagai pertimbangan untuk melakukan pembiayaan.
- b). Pengumpulan Data dan Pemeriksaan; Selanjutnya dalam proses pembiayaan adalah pengumpulan data. Data yang diperlukan berasaskan pada keperluan dan tujuan pembiayaan. Siasatan dapat dilakukan dengan melakukan kunjungan lapangan dan temubual. Data tersebut harus boleh menggambarkan kemampuan pelanggan untuk membayar balik pembiayaan.
- c). Mengisi Borang Pemohonan Pembiayaan; Calon pelanggan perlu mengisi borang permohonan pembiayaan. Selanjutnya borang tersebut diserahkan kepada pegawai yang menguruskan pembiayaan. Kelengkapan dokumen tersebut diberikan dalam borang semak senarai dokumen.

- d). Kad Pengenalan Calon Pelanggan dan Pasangan; Kad pengenalan atau pasport. Data ini diperlukan untuk mengetahui kesahihan pribadi serta tempat tinggal pelanggan. Hal ini berkaitan dengan tempat agihan dan penyelesaian masalah-masalah tertentu di masa hadapan. Kad diperlukan untuk melakukan pengesahan calon pelanggan.
- e). Kad keluarga diperlukan untuk mengetahui jumlah tanggungan keluarga. Selain itu juga diperlukan untuk melakukan pengesahan data alamat pada kad pengenalan pelanggan.
- f). Surat Perkahwinan; Hal ini diperlukan sebagai kepastian terhadap pengeluaran tambahan bagi suatu keluarga kerana dikhuatiri terjadi kes seorang pasangan tidak mengetahui bahawa pasangannya terbabit hutang dengan bank dikemudian hari.
- g). Salinan Surat Penghasilan; Hal ini diperlukan untuk mengetahui kemampuan pelanggan untuk melakukan bayaran baik secara ansuran. Sebagai bukti yang akan memperkuat hal tersebut, maka diperlukan surat dari syarikat atau jabatan penghasilan terakhir.
- h). Salinan akaun bank 3 bulan terakhir. Hal ini diperlukan untuk mengetahui pindahan pemasukan dan pengeluaran akaun pelanggan.
- i). Salinan bil akaun telefon dan elektrik. Data ini diperlukan untuk mengetahui status pemilikan rumah tinggal dan kesahihan alamat tinggal. Data ini juga digunakan untuk mengetahui pengeluaran tetap pelanggan.

- j). Laporan kewangan 2 tahun terakhir. Hal ini diperlukan untuk mengetahui prestasi dan pengalaman kerja pelanggan.
- k). Prestasi kerja 1 tahun terakhir. Hal ini juga diperlukan untuk mengetahui kerja dan pengalaman pelanggan. Sebagai data tambahan biasanya pelanggan juga diminta untuk melampirkan perancangan perniagaan. Hal ini diperlukan untuk melihat rencana peningkatan kerja dan rancangan alternatif apabila terjadi hal-hal diluar kawalan.
- l). Lampiran laporan kesahihan kerja berupa akta pendirian, surat keterangan bermastautin usaha, SITU (Surat Izin Tempat Usaha), Surat Izin Undang-Undang Gangguan (SIUUG), Tanda Daftar Syarikat (TDS), tanda daftar rekanan, surat izin perkhidmatan kontruksi (khusus kontraktor) dan Nomor Pokok Wajib pajak (NPWP).
- m). Data Objek Pembiayaan; Data objek pembiayaan dilakukan sebagai bahagian terpenting yang tidak dapat dipisahkan dari pembiayaan. Objek tersebut juga dianggap sebagai objek jaminan supaya sepatutnya dapat mengendalikan pembiayaan yang dimaksud. Data ini juga meliputi harga objek dan lokasi jaminan yang dilengkapi dengan foto jaminan.

4.10. Bentuk Perjanjian Akad Pembiayaan *Al-Qarḍ* Dana Talangan.

Dalam melakukan pembiayaan Dana Talangan Haji Bank Muamalat cawangan Banda Aceh menggunakan prinsip akad (*al-Qarḍ*). Berikut adalah pernyataan Ibu Khairina selaku pegawai perakaunan dan pengurus pembiayaan, mengenai perjanjian akad perniagaan *al-Qarḍ*:

“Dalam pemberian pembiayaan dana talangan haji Bank Muamalat Cawangan Banda Aceh menggunakan akad iaitu; *al-Qard*. Akad *al-Qard* di sini adalah pihak bank bertugas memberikan pinjaman kepada pelanggan, sedangkan dengan bank bertugas sebagai pihak yang memberikan perkhidmatan pembiayaan dana talangan dengan mengambil keuntungan perkhidmatan (*fee ujroh*) dari kos pengurusan yang di lakukan oleh bank dengan keuntungan yang telah ditentukan kerana sudah membantu pelanggan dalam memperoleh kemudahan peluang keberangkatan haji bagi pelanggan Calon Jamaah Haji (CJH).”²¹⁰

Dalam praktik akad *al-Qard*, bank mengambil keuntungan sesuai dengan prinsip Syariah. Bank hanya bertindak sebagai pemberi pinjaman dan pelanggan hanya wajib mengembalikan pelunasan talangan pada masa tertentu yang sudah disepakati pada masa hadapan antara kedua belah pihak dan bentuk kontrak perjanjian akad *al-Qard* pembiayaan Dana Talangan Haji di Bank Muamalat Cawangan Banda Aceh dapat dilihat pada bahagian lampiran.

²¹⁰ Khairani (Akuan Officer, Bank Muamalat Cawangan Banda Aceh) dalam temu bual dengan penulis, 26 September 2012.

BAB V

KESIMPULAN DAN PENUTUP

5.1. KESIMPULAN

Perbankan Syariah merupakan salah satu sistem perbankan yang dikembangkan berasaskan hukum Islam, kewujudan perbankan Syariah sebagai pelaksana pembiayaan berasaskan prinsip Syariah untuk meningkatkan kesempatan kerja dan kesejahteraan ekonomi bersesuaian dengan nilai-nilai Islam, penubuhan produk pembiayaan mesti dapat dinikmati oleh pengguna untuk memenuhi keperluan modal kerja perniagaan, dan pelaburan.

Pembiayaan berdasarkan prinsip Syariah adalah penyediaan wang atau agihan yang berasaskan persetujuan atau kesepakatan antara bank dengan pihak lain dengan mewajibkan pihak yang dibiayai untuk mengembalikan wang dan agihan tersebut setelah tempoh masa tertentu dengan pulangan atau perkongsian hasil.

Prinsip sistem amalan ekonomi Islam menjadi asas operasi bank Islam yang tidak mengiktirafkan konsep faedah dan tidak mengiktirafkan peminjaman wang akan tetapi adalah konsep perkhidmatan dengan prinsip perkongsian untung. Bank Syariah adalah Bank yang menjalankan kegiatan usaha berasaskan prinsip Syariah (Prinsip hukum islam) dalam aktiviti perbankan.

Dalam perkembangan perbankan Syariah, pihak kerajaan mengadakan langkah-langkah guna menyokong pelaksanaan pembangunan ekonomi nasional untuk

meningkatkan keadilan, kebersamaan, dan kesejahteraan rakyat, peranan syarikat perbankan Syariah secara nyata dapat terwujud dalam tinjauan kajian baharu, menjadi fasilitator aktif bagi terbentuknya jaringan usaha ekonomi kerakyatan, memberikan pulangan yang lebih baik dan operasi secara ketelusan.

Salah satu matlamat perbankan Syariah adalah pemberian fasiliti pembiayaan dana kepada pelanggan untuk menyokong pelaburan yang telah terencana, baik dilakukan sendiri mahupun oleh orang lain, pembiayaan berasaskan prinsip Syariah adalah penyediaan wang atau agihan berasaskan matlamat atau kesepakatan antara bank dengan pihak lain yang mewajibkan pihak yang dibiayai untuk mengembalikan wang atau agihan tersebut setelah tempoh masa tertentu dengan imbalan atau perkongsian untung sesuai dengan akad yang telah disepakati.

Penumbuhan bank Syariah sebagai pelaksanaan pembiayaan berasaskan prinsip Syariah bukan sahaja untuk mencari keuntungan dan mengambil bahagian terhadap bisnis perbankan, tetapi juga untuk menciptakan lingkungan bisnis yang baik, meningkatkan peluang kerja dan kesejahteraan ekonomi yang bersesuaian dengan nilai-nilai Islam.

Bank Muamalat selaku perbankan Syariah menawarkan produk Dana talangan haji sebahagai salah satu produk pembiayaan, produk pembiayaan ini ditumbuhkan oleh Bank Muamalat cawangan Banda Aceh kerana banyaknya permintaan dari pelanggan yang berminat mengambil dana talangan untuk kos haji. Para pelanggan yang mahu mendapatkan peluang perjalanan haji dengan cepat, sehingga keberangkatan ibadat haji

boleh terencana melihat yang sudah semakin lama masa menunggu untuk pelaksanaan ibadat haji. Dengan talangan yang di berikan Bank Muamalat Cawangan Banda Aceh pelanggan boleh mendapatkan peluang haji dengan pasti dan cepat sehingga perjalanan haji bisa terencana.

Dana Talangan haji merupakan salah satu produk pembiayaan yang memudahkan pembiayaan pelanggan, memberikan bantuan dana bagi pelanggan atau bakal calon jamaah haji yang memiliki kesukaran dana dalam keperluan menjalankan ibadat haji pada saat pendaftaran haji. Produk ini diberikan kepada pelanggan yang berminat menunaikan ibadat haji yang tidak mencukupi atau memiliki kesukaran untuk mendapatkan peluang keberangkatan haji dan pelanggan boleh langsung mendaftar untuk mendapatkan peluang keberangkatan haji dari Jabatan Kementerian Agama sehingga dapat langsung menunaikan ibadat haji.

Dana Talangan haji itu sendiri merupakan jenis pembiayaan *al-Qard* yang ertinya, akad penalangan dana atau penangguhan dana sementara dari bank kepada pelanggan untuk menutupi kekurangan dana guna untuk mendapatkan peluang keberangkatan haji. Pelanggan berkewajipan melunasi bayaran talangan sesuai dengan tempoh masa yang telah disepakati antara pihak bank dan pelanggan.

Bank Muamalat selaku perbankan Syariah merupakan syarikat kewangan atau perbankan berusaha memberikan pembiayaan dan perkhidmatan lainnya dalam pembayaran serta peredaran wang yang bersesuaian dengan amalan perinsip shariat islam yang tidak sahaja mencari keuntungan dalam pengamalannya serta-merta tetapi

juga untuk mencapai nilai-nilai sosial kemasyarakatan dan spiritual dalam Islam. Bank Muamalat merupakan diantara bank-bank yang menyediakan produk talangan haji kepada pelanggan di Aceh, guna untuk memudahkan pelanggan (bakal calon jamaah haji) mendapat bantuan untuk menutupi kekurangan dana dan memperoleh peluang keberangkatan haji secara cepat.

Produk Dana Talangan Haji merupakan produk pembiayaan, produk pembiayaan ini ditumbuhkan kerana banyaknya permintaan dan peminat dari pelanggan yang mahu mendapatkan peluang keberangkatan haji dengan cepat tanpa menunggu masa yang lama, produk Dana Talangan Haji ini ditubuhkan oleh bank Muamalat melihat jadual keberangkatan haji semakin banyak dan jadual menunggu hingga lebih dari 3 tahun bahkan sampai 7-9 tahun sedangkan kos keberangkatan haji setiap tahunnya semakin tinggi dan senantiasa berubah-ubah dan, maka Bank Muamalat mengambil inisiatif untuk menumbuhkan produk Dana Talangan Haji guna untuk memberikan kemudahan kepada para pelanggan yang mau memiliki kesukaran dana perjalanan ibadat haji dan memberikan kemudahan untuk mendapatkan peluang keberangkatan haji tanpa menunggu masa yang lama sehingga boleh melaksanakan ibadat haji dengan cepat.

Pelaksanaan ibadat haji tidak sahaja mensyaratkan adanya kesiapan fisikal yang baik, tetapi juga mental dan bekalan kewangan yang cukup. Di samping itu juga, pelaksanaan ibadat haji memerlukan masa yang panjang. Maka, menunaikan ibadat haji adalah berangkat menuju ke Mekkah dengan mempersiapkan segala kemampuan baik dari segi ruhaniyah, bathiniyah dan material.

Kos perjalanan ibadat haji di Indonesia senantiasa berubah-ubah setiap tahunnya, oleh kerana itu pihak kerajaan mencadangkan salah satu produk dana talangan haji dari bank yang mengikuti ketentuan-ketentuan yang telah ditetapkan secara prinsip Syariah. Produk pembiayaan Talangan Haji merupakan produk yang bagus kerana banyak masyarakat muslim mahu menunaikan ibadat haji, tetapi selalu terkendala dengan masalah kos perjalanan haji yang sangat mahal, kerana itu sebagai perbankan Syariah mempunyai bahagian yang sangat besar. Bank bukan sekedar mencari keuntungan ataupun pelaburan untuk kehidupan dunia saja akan tetapi sebagai jalan mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Talangan haji merupakan salah satu produk pembiayaan yang memberikan bantuan dana bagi pelanggan atau bakal calon jamaah haji yang memiliki kesukaran dana pada saat pendaftaran haji. Produk ini diberikan kepada pelanggan yang mahu menunaikan ibadat haji yang tidak mencukupi atau memiliki kesukaran untuk mendapatkan peluang keberangkatan haji dan pelanggan boleh langsung mendaftar untuk mendapatkan peluang keberangkatan haji dari Jabatan Kementerian Agama sehingga dapat langsung menunaikan ibadat haji.

Bank Muamalat memberikan syarat-syarat bagi pelanggan yang mahu mendapatkan Dana Talangan Haji dengan memohon terus ke pihak Bank Muamalat dan mendapatkan borang pemohon dan kemudian dilanjutkan dengan perjanjian akad antara kedua belah pihak. Dalam pemberian Dana Talangan Haji bank Muamalat menggunakan prinsip akad *al-qard*, dalam pemberian Dana Talangan haji, pelanggan juga akan mendapatkan fasiliti-fasiliti seperti insurans jiwa, cendera hati dan lain

sebahagiannya yang bergantung kepada ketentuan dan kondisi bank pada setiap tahun keberangkatan selama masa talangan haji berlangsung.

Dari hasil pengumpulan data kajian ini terdapat beberapa penemuan penting sebagai kesimpulan penulis menyimpulkan kajian ini antara nya ialah; Hukum pembiayaan pengurusan haji oleh lembaga keuangan Syariah adalah boleh (mubah atau jaiz) dengan syarat mengikuti atau patuh pada ketentuan (*dawabi't*) yang terdapat dalam fatwa DSN-MUI sedangkan *qard* yang ada sebagai dana talangan haji tidak boleh dikenakan tambahan. *Isti'tā'ah* adalah syarat wajib haji (bukan syarat sah haji), Upaya untuk mendapatkan peluang haji dengan cara memperoleh dana talangan haji dari Lembaga Keuangan Syariah (LKS) adalah boleh, karena hal itu merupakan usaha, kasab dan ikhtiar dalam rangka menunaikan haji. Bank Muamalat selaku perbankan Syariah merupakan syarikat kewangan atau perbankan berusaha memberikan pembiayaan dan perkhidmatan yang menawarkan salah satu produk pembiayaan Dana talangan haji, produk pembiayaan ini ditumbuhkan oleh Bank Muamalat cawangan Banda Aceh kerana banyaknya permintaan dari pelanggan yang berminat mengambil dana talangan untuk kos haji, dan para pelanggan dapat melakukan perjalanan haji dengan cepat melihat banyaknya daftar tunggu yang semakin lama.

Produk Dana Talangan haji diberikan kepada pelanggan guna memudahkan pembiayaan pelanggan dalam melakukan perjalanan ibadat haji, dan memberikan kemudahan bagi pelanggan atau bakal calon jamaah haji yang tidak mencukupi atau memiliki kesukaran dana untuk mendapatkan peluang keberangkatan haji, akan tetapi bagi pihak Bank Muamalat selaku pemberi dana talangan haji wajib melakukan seleksi

dan memilih pelanggan penerima dana talangan haji. Hal ini dimaksudkan sebagai upaya menjamin agar tidak berlakunya kemudharatan bagi kedua belah pihak.

Keberkesanan dari produk pembiayaan dana talangan haji pada Bank Muamalat memiliki manfaat lebih baik bagi bank mahupun bagi pelanggan, manfaat yang didapatkan oleh bank sendiri dari pembiayaan ini adalah selain mendapatkan keuntungan dari penggunaan kos pentadbiran atas pemberian talangan haji, pihak bank juga mendapatkan keuntungan atau pulangan modal dalam masa cepat, yang diperoleh dari pembayaran pelanggan yang melalui Tabungan haji yang ada di bank, Sehingga bank boleh menggunakannya untuk pembiayaan atau pelunasan lain. Pendapatan keuntungan juga boleh didapati dari kos pengurusan talangan haji dan meningkatkan jumlah pelanggan pembiayaan dalam hal pemberian pembiayaan pelanggan talangan haji. Memenuhi kepuasan pelanggan dalam menawarkan produk simpanan dan pembiayaan Bank Muamalat lainnya.

Manfaat yang didapatkan oleh pelanggan juga dengan penumbuhan produk pembiayaan Dana Talangan Haji oleh Bank Muamalat, pelanggan mendapatkan peluang keberangkatan haji dengan cepat tanpa menunggu masa yang lama untuk menunaikan ibadat Haji meskipun memiliki kekurangan dalam pelunasan kos perjalanan ibadat haji dan pihak Bank Muamalat juga akan melakukan pelunasan bayaran utama dari pinjaman kepada jabatan Kementerian Agama, pelanggan juga akan mendapatkan manfaat dari insurans jiwa selama pemberian dana talangan.

Dari sini dapat disimpulkan bahawa Talangan Haji memiliki kegemilangan yang tidak kalah dengan produk perbankan lainnya, pelanggan lebih mudah dan cepat dalam mendapatkan peluang keberangkatan haji yang mana dengan kondisi dan keadaan masa menunggu untuk menunaikan ibadat haji yang semakin bertambah lama, pembiayaan talangan haji yang diberikan kepada pelanggan juga tanpa faedah bulanan dalam pembiayaan Syariah.

5.2. Saranan.

Talangan haji merupakan jenis pembiayaan yang sangat baik dan memberikan manfaat dalam proses menjalankan ibadat haji, oleh karenanya pihak bank:

1. Meningkatkan kualiti dalam perkhidmatan pelanggan dana talangan haji, dengan mempercepat proses pemberian dana talangan haji.
2. Memberi sokongan dan galakan kepada pelanggan supaya tidak membazirkan kesempatan beribadat ke Mekkah, dengan matlamat supaya pelanggan lebih berkesan dalam melakukan pembayaran pelunasan dana talangan haji yang diberikan. Hal ini boleh dilakukan dengan cara memberikan cenderahati, jurnal dan buku-buku haji yang berisikan hikmah dalam menunaikan ibadat haji.
3. Mengukuhkan hufaedahn yang baik dengan Kumpulan Bimbingan Ibadat Haji (KBIH) dan Jabatan Kementerian Agama tempatan, dengan cara memberikan kemudahan proses pemberian dana talangan haji kepada pelanggan, hal ini boleh dilakukan dengan cara memberikan makllumat melalui borang-borang dan brosur pembiayaan dana talangan haji dan borang pembukaan Tabungan haji Arafah dan buku Tabungan kepada pihak KBIH tempatan.